

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 20

Selasa

24 Jun 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat di Bawah P.M. 14(2)	(Halaman 35)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3)	(Halaman 107)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008	(Halaman 35)
Rang Undang-undang Geologi 2008	(Halaman 87)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
- Tindakan Terhadap Syarikat G-Gold Gallery dan Syarikat Top Gold – <i>Y.B. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 107)
- Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Dalam Industri Perumahan – <i>Y.B. Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)</i>	(Halaman 110)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 24 Jun 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 94.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Peraturan berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan Mesyuarat 94.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 94.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan Mesyuarat 94 - *"Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan kebenaran am kepada wakil apa-apa akhbar kerana menghadiri persidangan Majlis mengikut apa-apa peraturan yang dikeluarkannya dari satu masa ke satu masa. Jika wakil itu melanggar peraturan-peraturan itu, maka kebenaran itu harus akan ditarik balik."*

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana saya telah menerima banyak aduan daripada pihak media massa bahawa mereka telah dipinggirkan di luar Dewan di suatu tempat yang agak terpencil di mana ia akan menjejaskan usaha mereka untuk menjalankan tugas. Oleh kerana sebagai wartawan mereka ada sumbangan penting untuk membuat liputan ke atas apa-apa kenyataan yang dikeluarkan oleh menteri dan juga mendapat penjelasan tentang apa-apa dasar yang diumumkan dalam Dewan.

Apa yang dilakukan di luar di mana mereka dianggap sebagai 'orang tepian' saya rasa tidak menghormati peranan yang dimainkan oleh media massa dan akan menjejaskan usaha mereka menjalankan tugas. Oleh itu saya menyeru Tuan Yang di-Pertua kalau boleh untuk membenarkan mereka menjalankan tugas mereka dengan baik, lancar dan teratur tanpa sebarang sekatan kerana sekatan ini tidak memenuhi hasrat kebebasan akhbar dan juga semangat satu *first world Parliament* di mana ia adalah *accessible* dan *available*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, Yang Berhormat. Baik.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap larangan ini boleh ditarik balik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada pencelahan bagi ini Yang Berhormat. Bagi saya untuk beri keputusan.

Sebenarnya, pada sesi yang lepas saya ada berbincang di antara dua Timbalan Yang di-Pertua dan Yang di-Pertua mengenai soal apa yang dikatakan mengatur keadaan yang kadangkang bercelaru di sekitar lobi dan sebagainya. Berlandaskan itu kemungkinan keputusan telah dibuat dan telah diberi kepada pegawai untuk melaksanakannya.

Walau bagaimanapun oleh kerana perkara ini telah dibawa oleh Yang Berhormat ke hadapan kita akan bincang semula dengan Tuan Yang di-Pertua dan keputusannya akan diumumkan selepas ini nanti.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta sebelum...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini berucap.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah saya minta sebelum perbincangan ini bahawa larangan ini diberhentikan sementara waktu...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tidak payahlah buang masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...sehingga keputusan muktamad diambil kerana kita hendak menghormati media.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya rasa tidak ada Ahli-ahli Parlimen yang membantah keputusan ini.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ini semua buang masa, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya sudah faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tidak ada orang yang membantah peranan yang dimainkan oleh media.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya menghormati pandangan Yang Berhormat. Saya menghormati iaitu kita mesti menghormati media. Oleh kerana keputusan ini dibuat secara konsensus di antara Tuan Yang di-Pertua dan timbalannya saya akan bawa semula kepada Tuan Yang di-Pertua dan timbalan yang satu lagi

untuk dibincangkan, untuk diberi keputusan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua akan membuat *announcement* mengenainya esok ataupun lusa.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: [*Menyampuk*][*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu keputusan saya Yang Berhormat. Sudah, sudah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: [*Masih bercakap*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini sudah masuk waktu soal jawab, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: [*Masih bercakap*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya tidak bersetuju dengan tindakan yang diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah membuat keputusan bahawa saya akan membawa perkara ini kepada Tuan Yang di-Pertua dan timbalan. Itu keputusan saya, Yang Berhormat. Saya mintalah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kita akan panjangkan selepas itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya berjanji Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

1. **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan kerugian akibat gejala rasuah sejak tahun 1980-an dan berikan senarai skandal-skandal kewangan, jumlah wang terlibat, tindakan diambil dan apakah sistem pengurusan audit yang dilaksanakan agar tidak berulang lagi, bila tidak meyakinkan *Transparency International* yang menyebabkan kedudukan Malaysia tetap merosot.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1991 hingga April 2008 sejumlah 13,309 siasatan telah dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah atas pelbagai dakwaan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan nilai rasuah berjumlah RM270,471,882.40. Bagi meningkat usaha pencegahan rasuah, BPR sentiasa menggalakkan jabatan atau agensi kerajaan dan swasta supaya tampil bekerjasama dengan BPR dalam pelbagai aspek pelaksanaan program pencegahan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan penekanan kepada aspek kawalan dalaman atau *internal control*, dengan izin.

Di samping itu selaras dengan kehendak Akta Audit 1997, pengauditan telah dijalankan untuk memastikan sama ada sesuatu terimaan dan bayaran dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Mulai tahun 2007 Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang memberi rating ke atas tahap pematuhan kementerian atau jabatan terhadap undang-undang atau peraturan kewangan serta membuat laporan mengenainya.

■1010

Kementerian dan jabatan yang mendapat tahap cemerlang dijadikan *role model* kepada kementerian dan jabatan yang lain. Tindakan lain ialah membuat pengauditan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Negara pada tahun sebelumnya untuk memastikan tindakan-tindakan penambahbaikan telah diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang berlaku. Perkara ini juga akan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa jumlah yang terlibat dalam rasuah adalah membabitkan satu jumlah sebanyak RM270 juta. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mengikut anggaran yang dikeluarkan oleh Morgan Stanley iaitu sebuah dana syarikat antarabangsa yang terkemuka menganggarkan bahawa sejak 80-an jumlah kehilangan yang membabitkan amalan rasuah di Malaysia ialah sebanyak USD100 bilion. Bukan ringgit, Tuan Yang di-Pertua, tetapi USD100 bilion.

Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak serius kerana ia bukanlah sekecil RM270 juta seperti yang dinyatakan. Di samping itu, mengapakah kedudukan Malaysia di *Transparency International Corruption Perception Index* telah turun dengan begitu teruk. Adakah di antara sebabnya ialah kerana kegagalan Malaysia mengiktiraf *United Nations Commission Against Corruption* yang telah ditandatangani, diiktiraf oleh semua negara tapi tidak oleh Malaysia dan juga kegagalan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, saya habiskan soalan ini. Kegagalan untuk memberikan maklum balas kepada semua yang buat aduan ke BPR. Contohnya seperti pihak kami bila kita buat laporan, kita tidak dimaklumkan langsung tentang apakah tindakan yang diambil atas siasatan yang dijalankan. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, untuk kita lawan rasuah, kita perlu kerjasama daripada semua golongan masyarakat. Jadi apa yang disiasat dan akhirnya berakhir dengan pendakwaan itu berasaskan kepada laporan-laporan yang telah dibuat oleh orang ramai terhadap perkara rasuah yang telah berlaku. Jadi, kalau sekiranya Morgan Stanley mempunyai maklumat yang lebih daripada kita, saya harap supaya Yang Berhormat boleh menasihatkan Morgan Stanley untuk memaklumkan kepada kita supaya kita boleh siasat kes.

Yang keduanya *Transparency International*, perkataan teruk itu *is a* satu perkara yang tidak betul lah ya. Jatuh dengan teruk itu tidak betul. Memang kita ada jatuh satu dua tempat

disabitkan oleh penambahan negara-negara yang baru yang telah pun diambil kira sebagai untuk kita menimbang kedudukan *rating* dalam *Transparency International*.

Sekarang ini kalau tak silap saya kita sudah ada 180 lebih negara daripada 160 dahulu dan kita tak silap saya berada di nombor 42 begitulah ye. 43. Jadi kita akan berusaha untuk mencari jalan bagaimana untuk kita nak menaikkan rating kita, kedudukan kita. Itulah di antara perkara yang hendak kita lakukan dan kita fikirkan mungkin dapat meyakinkan kepada TI iaitu bahawa kita ada kesungguhan untuk melawan rasuah. Pada tahun ini telah diumumkan pada bulan Mac yang lalu iaitu bahawa kita akan membentuk satu suruhanjaya melawan rasuah inilah. Ia Insya-Allah satu rang undang-undang akan dibentangkan dalam mesyuarat kita yang ketiga pada tahun ini.

Sebenarnya Yang Berhormat, memang betul Yang Berhormat sebut iaitu kita belum lagi meratifikasi walaupun kita merupakan *signatory*. Ini disabitkan di mana Malaysia sebagai warga *United Nations*, kita tidak seperti negara lain. Kita bersungguh-sungguh untuk *comply* kerana keperluan *United Nations* untuk kita meratifikasikan UNCAC ini, kita perlu melakukan 71 perkara. Setelah 71 perkara kita *comply*, maka barulah kita boleh ratifikasi. Daripada 71 ini tinggal dua sahaja iaitu pertamanya kita nak masukkan sekarang ini dalam APR kita iaitu Akta Pencegah Rasuah iaitu kalau sogokan diberikan kepada *foreign* punya *civil servant*, maka kita mesti ada dalam kita punya rang undang-undang kita, kita mesti ambil tindakan.

Ini satu perkara yang belum kita lakukan yang nak kita lakukan, tapi terpaksa kita tunda kerana kita baru mengumumkan tentang penubuhan suruhanjaya baru ini. Keduanya, kita perlu kepada satu akta yang memberi perlindungan kepada saksi. *Witness Protection Act* yang perlu disediakan terlebih dahulu barulah kita merasakan kita telah *comply* dengan semua 71 syarat itu. Barulah kita meratifikasi.

Namun Yang Berhormat, disabitkan oleh kerana kita telah dimaklumkan iaitu ada negara-negara baru yang telah pun bukan sahaja tandatangan tetapi ratifikasi walaupun mereka tidak lengkap dengan *compliance*, dengan izin kepada syarat-syarat ini mereka telah pun menandatangani seperti Khyrgistan, Mesidonia. Maka kita telah mengambil keputusan iaitu kita akan meratifikasi walaupun kita tinggal dua lagi syarat yang belum dipenuhi oleh kita. Jadi Insya-Allah satu memorandum akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk *recommendation* dengan izin supaya kita meratifikasikan UNCAC ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di bawah akta... minta maaf. Di bawah akta kita memang ada keperluan untuk kita melaporkan kepada orang yang telah pun membuat laporan terhadap sesuatu laporan yang telah dibuat oleh ECA, maka mereka boleh diberikan tentang *progress* nya. Kalau Yang Berhormat boleh tulis secara rasmi kepada saya, saya akan

minta kepada BPR untuk memaklumkan tentang kes berkenaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Rembau. Sila Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya menyentuh tentang persepsi rasuah terhadap kerajaan di semua peringkat. Lord Acton pernah sebut "*Power corrupts; absolute power corrupts absolutely*". Saya pernah sebut dalam dewan ini bahawa *even a little power corrupts very quickly*.

Soalan saya, apakah hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap skandal rasuah Kerajaan Negeri Selangor khususnya di pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Tun Razak. Kes ini menjadi lebih hangat apabila pada 11 Jun, Menteri Besar Selangor telah bercakap bagi pihak BPR. Dia kata siasatan BPR telah menunjukkan tiada kes. Adakan ini *standard good governance* bila seorang yang pejabatnya disiasat itu boleh bercakap bagi pihak BPR sedangkan BPR masih lagi belum mengeluarkan kenyataan. Seolah-olah belum membersihkan diri sendiri. Yang mengeruhkan keadaan lagi, semalam... Ini soalan.

Seorang Ahli: Hujah kah ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang mengeruhkan keadaan lagi, semalam pegawai yang disiasat di pejabat MB Selangor itu pertamanya digantung tugas selama dua bulan. Selepas itu dia sendiri letak jawatan kerana tidak yakin dengan MB Selangor. Ini menimbulkan tanda tanya.

Jadi soalan saya, saya nak tanya adakah BPR telah menamatkan siasatan mereka dalam kes ini. adakah ini juga berkaitan dengan skandal rasuah terbaru Kerajaan Negeri Selangor di mana sumbangan daripada syarikat-syarikat kroni kononnya untuk sambutan kerajaan negeri baru-baru ini bukan masuk ke dalam akaun Kerajaan Negeri Selangor tetapi masuk terus dalam akaun Parti Keadilan Rakyat. Duit kerajaan negeri seolah-olah dijadikan duit BPR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Hassan Ali nak berkongsi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Adakah BPR akan siasat perkara ini demi ketelusan dan akauntabiliti. Baru seratus hari berkuasa, tuduhan rasuah sudah berleluasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat. Baik, Yang Berhormat.

Tuan N. Gabal Krishnan [Padang Serai]: Kes ECM Libra pun, ECM Libra dan *post office*. Siasat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk. Yang lain duduk. Menteri jawab.

■1020

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab... [*Dewan riuh*]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Eh, duduklah! Bagilah menteri jawab dahulu. Ini bukan perbahasan!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dengar dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dengar dahulu Yang Berhormat, kita ada peraturan yang tertentu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekali lagilah saya sebut, "kata papan paku serpih, kata orang dia yang lebih". Jadi, memang mudah bagi kita jika tidak duduk dalam kerajaan untuk mengatakan sesuatu perkara, tetapi kita hanya diuji, apabila kita berkuasa... [*Dewan riuh*]

Jadi, saya akan memberi jaminan di sini, iaitu bahawa sebenarnya tidak ada sesiapa yang berhak untuk bercakap bagi pihak BPR, sama ada kes itu sudah selesai ataupun tidak. Namun begitu, saya difahamkan iaitu kes ini belum selesai dan tidak ada kenyataan rasmi daripada pihak BPR yang mengatakan iaitu bahawa ia telah selesai. Saya kira, ia masih lagi dalam siasatan dan oleh sebab dia masih dalam siasatan, saya tidak berhajat untuk bercakap dengan lebih panjang. Terima kasih.

2. Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan secara terbuka dan telus isi kandungan perbincangan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, yang kini sudah melalui tujuh sesi perbincangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jerlun melibatkan Perjanjian Perdagangan Bebas ataupun lebih dikenali sebagai *Free Trade Agreement* (FTA) dengan izin, di antara negara kita bersama Amerika Syarikat.

Isu ini juga telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan juga dari kawasan Muar, di mana jawapannya telah pun dijadualkan pada 25 Jun dan 9 Julai ini. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, terlibatnya berkaitan isu, saya bercadang dengan izin menjawab kedua-dua soalan Yang Berhormat dari Jelutong dan Muar pada kali ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat telah bermula pada tahun 2006. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jerlun, dalam soalnya, tujuh sesi perundingan telah pun diadakan sejak dua tahun setengah yang lalu, dan rundingan yang ketujuh itu telah pun selesai pada Januari tahun ini. Rundingan seterusnya akan berterusan pada bulan hadapan. Dijangka akan

diadakan pada 14 Julai sehingga 18 Julai, Tuan Yang di-Pertua di Amerika Syarikat dengan tujuan *to narrow the differences* dengan izin, dan kalau boleh akan menyelesaikan beberapa isu yang masih lagi *outstanding*.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya Amerika Syarikat berhasrat menyelesaikan rundingan pada bulan Mac tahun lalu, iaitu tiga bulan sebelum tamatnya pada 1 Julai tahun lalu, akta mereka yang dikenali sebagai *The Trade Promotion Authority (TPA) 2002*. Akta ini Yang Berhormat, memberi Presiden Amerika Syarikat kuasa ataupun autoriti, *the fast trade authority* untuk meluluskan FTA tanpa merujuk kembali kepada kongres Amerika. Akan tetapi malangnya, akta ini hanya berkuasa selama 90 hari dan masanya telah pun luput dan memandangkan wujudnya berbagai-bagai isu-isu yang masih lagi belum selesai, maka tempoh masa yang telah ditetapkan tidak dapat dipenuhi.

Selain daripada perkara yang telah disebutkan tadi, isu-isu yang masih belum lagi mencapai persetujuan adalah keinginan pihak Amerika Syarikat memasukkan dalam perundingan mengenai perolehan kerajaan iaitu *government procurement* dengan izin, ataupun dasar persaingan, *and these are competition policies*, ataupun menyentuh isu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi jawapannya, Yang Berhormat?

Datuk Liew Vui Keong: Ya, itu sahaja. Pasal ini Tuan Yang di-Pertua, melibatkan tiga soalan yang saya telah pohon untuk menjawab. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada awal tahun ini, sembilan kumpulan kerja telah pun berunding mengenai isu-isu seperti yang telah pun dinyatakan dan terdapat sembilan belas isu yang perlu dirundingkan.

Di dalam rundingan tersebut, selain daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, agensi-agensi lain juga telah terlibat. Setelah tamatnya rundingan yang ketujuh pada bulan Januari, status perundingan masih lagi berterusan, *that these on going* melalui *video conferencing* antara kedua-dua pihak. Syarat-syarat teknikal, masih lagi dirundingkan di antara kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi taktik perundingan dan juga strategi untuk menyatakan secara terbuka isu kandungan perundingan FTA, boleh menjejaskan kedudukan pihak agensi-agensi yang saya sebutkan tadi dalam perbincangan dan perundingan mereka dengan pihak Amerika. Walau bagaimanapun, sejak perundingan FTA antara kedua negara telah pun berjalan, Ahli-ahli Dewan ini sentiasa dimaklumkan mengenai isu-isu yang dirundingkan dan butiran negara kita terhadap rundingan tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita tahu, Amerika Syarikat mengamalkan satu dasar *protectionist* dengan izin, apabila melibatkan komoditi pertaniannya sambil memaksa rakan perdagangan membuka pasaran supaya produk tani Amerika Syarikat dapat membolosi pasaran asing.

Kerajaan Australia gagal untuk meningkatkan kuota eksport gula ke Amerika Syarikat dan Kerajaan Korea Selatan hadapi demonstrasi besar-besaran baru-baru ini kerana dipaksa oleh Amerika Syarikat import daging lembu. Mexico pula telah kehilangan tiga juta peluang kerja di sektor tani apabila dipaksa beli jagung, kacang soya, gandum dan daging lembu dari Amerika Syarikat.

Kerajaan Amerika Syarikat telah menyatakan ia mahu Kerajaan Malaysia menghapuskan tarif dan *non-tariff barrier* dengan izin, kepada produk tani Amerika Syarikat. Kini, Malaysia telah tetapkan tarif 40% kepada beras yang diimport untuk melindungi pengeluaran padi dan beras. Sekiranya tarif ini dihapuskan, sudah tentu import beras dari Amerika Syarikat akan membanjiri pasaran negara kita dan industri padi negara akan terjejas.

Soalan saya ialah, sebelum ini Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu juga menteri sekarang ini di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyatakan bahawa jika beras menjadi sebab, FTA dengan izin ini tidak ditandatangani. Maka kerajaan tidak akan menandatangani.

Saya ingin tahu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili kementerian, sekarang pun mempunyai dasar yang sama? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat sentiasa mahu produk dihapuskan duti, *that is comprehensive coverage*, dan tidak ada produk yang akan dikecualikan daripada duti eliminasi ini. Pada dasarnya, Malaysia mahu beras, tembakau dan juga minuman keras dikecualikan daripada sebarang komitmen penghapusan duti ataupun dikenali sebagai pengurang duti.

Sebahagian kemajuan yang dicapai oleh *sensitive product* baru-baru ini ialah tidak membincangkan isu beras dan Malaysia menawarkan pengurangan tarif bagi tembakau. Untuk makluman Yang Berhormat, ia masih belum diproses. Pengurangan peringkat tarif untuk *un-manufactured tobacco* dari RM40 per kilogram sehinggalah 5% pada tahun ini... 5 percent atau lima peratus dengan izin, pada tahun 2010. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Amerika Syarikat melalui Senatnya, satu ketika pernah membatalkan *Dubai Port* yang berjaya setelah bersaing secara terbuka untuk menguruskan enam pelabuhan utama di negara Amerika. Di Baltimore, di New Jersey dan beberapa tempat.

DR 24062008 1030 nurul

■1030

Hakikat bahawa *Senate* membatalkan setelah Dubai Port memenangi persaingan secara terbuka untuk menguruskan pelabuhan, jelas menunjukkan bahawa Amerika juga sebenarnya tidak mengamalkan dasar persaingan yang tidak mendiskriminasikan syarikat asing. Satu daripada halangan saya difahamkan Yang Berhormat Menteri ialah, halangan terhadap rundingan yang sedang berlangsung daripada Malaysia ialah tuntutan untuk dasar persaingan

yang tidak mendiskriminasikan syarikat-syarikat Amerika dalam urusan perdagangan dengan Malaysia, pada ketika praktis di negara mereka tidak begitu.

Soalan saya ialah, apakah kerajaan punya strategi khusus untuk berdepan dengan tuntutan ini biarpun kalau terpaksa makan masa. Kalau anggota *Senat*nya lebih mempunyai sikap nasionalisme ekonomi yang begitu tinggi. Walaupun sebahagian daripada kita dalam anggota Parlimen ini pernah waktu belum jadi Ahli Parlimen sebagai penasihat kewangan ataupun *financial advisor*. Kerja dia cuma jual aset-aset strategik negara sahaja kepada negara asing. Hari ini dia menjadi jaguh, itu tidak pelik, manusia boleh bermuka-muka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Aset strategik negara dalam bidang telekomunikasi pernah dijual dalam bidang *energy*, dalam bidang perubatan. Watak ini menjadi agen menjual aset strategik negara. Amerika pula *Senat*nya melindungi aset strategik negara mereka atas dasar keselamatan.

Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah apa strategi khusus kerajaan dalam menghadapi tekanan kencang daripada Amerika Syarikat dalam pusingan rundingan ini bagi memastikan dasar persaingan yang tidak mendiskriminasikan syarikat Amerika ini, apa strategi kerajaan hendak menanganinya?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dalam proses rundingan mana-mana FTA dua hala, adalah beberapa isu yang tidak boleh *dinegotiate* kan, *that is a non-negotiable issue* dan daripada secara dasar persaingan, *that is the competition policy*, Amerika Syarikat mahu dasar persaingan dirundingkan, tetapi Malaysia mengekalkan bahawa tidak mahu runding dalam dasar persaingan ini pada setakat ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah disebabkan beberapa isu yang patut dilindungi oleh Kerajaan Malaysia *which we call this a warranty rights*, dan juga ada beberapa isu seperti yang tadi saya katakan tidak boleh dirunding termasuklah dasar dan peraturan yang melibatkan Dasar Ekonomi Baru dan juga agenda-agenda bumiputera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Ooi Chuan Aun, sila Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu pada pagi ini ada dua rombongan pelawat yang bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini. Mereka ialah bakal-bakal pemimpin negara daripada Sekolah Menengah Jalan Kota Tinggi Kluang, Johor dan juga daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chong Hwa, Gombak.

3. Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sama ada Agensi Nuklear Malaysia (ANM) akan dipertanggungjawab untuk meneroka kemungkinan sumber nuklear digunakan dalam penjanaan kuasa secara komersial memandangkan simpanan minyak negara kita kian merosot.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kena tunjuk perangai yang baik depan budak-budak. Sila Yang Berhormat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pada masa ini masih belum ada suatu dasar kebangsaan untuk menjadikan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif. Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan semasa dunia yang sedang menyaksikan semakin banyak negara merancang ke arah penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan kuasa elektrik bagi menjamin keselamatan perbekalan tenaga, kesinambungan serta kemampuan pembangunan ekonomi negara masing-masing, termasuk negara jiran di rantau Asia Tenggara khususnya Indonesia, Vietnam dan Thailand.

Selain dari itu, negara-negara Timur Tengah juga dilaporkan semakin cenderung untuk membangunkan program penjanaan kuasa berasaskan nuklear khususnya Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Republik Arab Mesir, Republik Arab Syria dan juga Turki. Sehingga Disember 2007, terdapat 439 buah loji jana kuasa nuklear dengan jumlah keupayaan penjanaan kuasa elektrik sebanyak 372,000 *megawatt* yang sedang beroperasi di 30 buah negara termasuk negara maju Amerika Syarikat, Jerman, Jepun, Kanada, Perancis, Persekutuan Rusia dan United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa bukan sahaja simpanan minyak negara kini semakin merosot, bahkan kenaikan harga minyak secara berterusan di pasaran global telah memberi tekanan yang kuat kepada negara. Justeru itu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTI telah menyiapkan satu kertas kerja yang komprehensif merangkumi aspek-aspek politik, ekonomi, sosial, teknologi, alam sekitar, perundangan dan keselamatan untuk memasukkan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber tenaga bagi penjanaan elektrik dalam dasar kepelbagaian bahan api negara.

Kajian ini adalah perlu bagi meneliti semua aspek yang berkaitan sebelum keputusan dasar boleh dibuat mengenai penjanaan kuasa nuklear di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kementerian saya bersama dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, (KTAK) juga sedang bekerjasama menyediakan kertas cadangan untuk memasukkan tenaga nuklear sebagai satu opsyen sumber tenaga bagi negara membolehkan penjanaan kuasa elektrik daripada sumber tenaga nuklear direalisasikan pada masa hadapan.

Untuk kajian itu juga Agensi Nuklear Malaysia telah dinamakan sebagai agensi peneraju utama untuk menyelaraskan serta mengurus aktiviti-aktiviti perancangan, persediaan dan pembangunan ke arah menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga negara pada masa

hadapan. Kertas cadangan yang dimaksudkan akan dikemukakan untuk pertimbangan Kabinet dalam tempoh yang terdekat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik. Jelutong, sila Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sanggup menjawab. Soalan tambahan saya dalam dua bahagian:

- (i) sumber teknologi induk;
- (ii) perolehan perisian keras.

Kini terdapat lebih 15% bekalan elektrik sedunia yang bersumberkan kuasa nuklear. Berhadapan dengan harga minyak dan gas asli yang kian mencakar langit, barangkali Malaysia juga akan berpusu-pusu menerokai bidang nuklear sebagai satu sumber bekalan elektrik yang relatifnya murah pada jangka masa panjang.

Sedangkan daripada 19,723 *megawatt* elektrik yang dijanakan di Malaysia percampuran kapasiti secara bahan api, dengan izin *capacity mix biofuel* adalah 62.9% daripada gas asli, 26.7% daripada arang batu dan 10% daripada hidro. Maksudnya kita harus beredar daripada terlalu bergantung pada gas asli sebagai bahan kapasiti *mix* paling utama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Namun begitu, saya sambung. Penjanaan kuasa nuklear melibatkan teknologi mantap supaya tidak berlakunya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tidak boleh bacalah, soalanlah.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...1986 yang melepaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Malu kat budak-budak tengoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *You* ingat *you* seorang pandai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak boleh dengar Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey, bukan semua yang fasih dalam bidang teknologi nuklear, jadi saya harus bagi garis panduan sedikit.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *You* ingat *you* seorang pandaikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kita juga diberitahu teknologi penjanaan kuasa nuklear melibatkan kepakaran dalam bidang *nuclear fusion*, mahupun kaedah *nuclear fusion* radioaktif DK. Jadi apakah sumber teknologi induk yang dipilih Malaysia? Adakah ia datang daripada negara-negara nuklear seperti di Perancis ataupun daripada Benua Amerika ataupun daripada negara-negara Asia seperti Pakistan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Peraturan 24 Yang Berhormat, tidak boleh, apa-apa pertanyaan tambahan tidak boleh terdiri daripada beberapa pertanyaan atau gabungan beberapa pertanyaan. Sila duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri akan jawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Malu kepada budak-budak sahaja.

■1040

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Walaupun panjang lebar soalan dan lari sedikit dari tajuk namun saya ingin hanya mengatakan di sini bahawa atas perkara-perkara yang disentuh itulah pihak MOSTI dan KTAK sedang mempertimbangkan bagaimana untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan di peringkat dunia berkaitan dengan penggunaan sumber nuklear sebagai sumber *electricity* ataupun bahan tenaga elektrik.

Saya ingin katakan di sini bahawa sememangnya dari segi kos, memang ada tarikan kepada sumber tenaga yang berasas kepada nuklear misalnya dari segi perbandingan kos pengeluaran elektrik daripada pelbagai sumber. Dari segi petroleum, mengikut data 2006 yang diperolehi di peringkat antarabangsa, kosnya adalah 9.63US sen per *kilo watt hour* dan bagi gas pula adalah 6.75US sen tapi bagi nuklear sekadar 1.72US sen. So sekadar 18% daripada kosnya.

Perkara kedua, selain daripada perihal teknologi dan perihal kos dan seterusnya adalah perihal penerimaan pihak awam untuk menggunakan sumber nuklear sebagai sumber tenaga dan saya sekadar maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa di peringkat dunia, sememangnya perubahan-perubahan besar sedang dan telah terjadi. Misalnya di negara Perancis yang sebelum ini, 20 tahun sebelum ini adalah negara yang antara yang paling kuat menolak sumber nuklear sebagai sumber tenaga, sekarang menggunakan 78% daripada kegunaan tenaga adalah daripada sumber nuklear.

Dan negara-negara lain adalah seperti Republik Korea 38%, Jerman 32%, Belgium 55%. Jadi inilah gambaran bahawa perubahan-perubahan yang luas dan pihak negara Malaysia seharusnya peka kepada perkembangan-perkembangan semasa ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, terima kasih. Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kijang, Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha, Yang Berhormat Sekijang. Sila Yang Berhormat Sekijang ya. Bukan Kijang, Sekijang Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih. Lama dah tak dapat bercakap Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, selain daripada tenaga seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan dan juga dengan kadar kenaikan harga minyak yang mendadak pada hari ini, kita juga harus mengkaji tenaga-tenaga yang boleh diubahsuai atau dikomersialkan di dalam negara kita yang terdapat di dalam negara kita pada hari ini seperti tenaga kilat dan petir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini hal nuklear Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Dia ada kaitan dengan tenaga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini soalan nuklear Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ada kaitan dengan tenaga Tuan Yang di-Pertua sebab kita tidak pernah mengkaji tenaga ini dan mungkin kalau tenaga ini dikaji, boleh menjadi alternatif kepada pengeluaran tenaga kita kepada tenaga kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ini yang dikatakan terpesong.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: ...boleh dikomersialkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri. Kalau nak cerita hal nuklear, kena cerita hal nuklear Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, sememangnya pihak kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional cukup peka untuk meneliti sumber-sumber tenaga yang lain termasuklah sumber daripada Bio Mas khususnya dari segi program kita, *West to World* dengan izin. Juga dari segi sumber suria dan sumber ombak. Petir ini biasanya kalau petir Tuan Yang di-Pertua, petir berbunyi di langit, kita lari masuk bawah kolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Buat cermin dekat atas Yang Berhormat, buat cermin dekat atas. Petir datang tak boleh masuk.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, tapi mengikut kajian di peringkat antarabangsa, amat sukar *to keep* tenaga daripada petir kerana satu dia memang bahaya, kedua *seasonal* dan kalau kita orang kampung, petir berbunyi, guruh berbunyi, kita masuk bahawa kolong rumah kerana takut tapi ada beberapa kajian di peringkat antarabangsa dijalankan tapi belum lagi meningkat kemajuan yang diinginkan. Terima kasih.

4. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Penerangan menyatakan, apakah tahap pembaharuan yang akan dilaksanakan di TV1 dan TV2 dan langkah-langkah untuk menyaingi saingan TV swasta supaya setanding dengan kualiti dan populariti bagi menyalurkan informasi dasar-dasar kerajaan dan pelaksanaannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum W.B.T.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Walaikumussalam W.B.T.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 4.

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Sri Gading atas ucapan yang dikemukakan. Sekarang RTM dalam proses pendigitalan. Ini bermakna RTM bukan sahaja dapat meningkatkan mutu transmisinya tetapi akan mempunyai lebih banyak saluran bagi memuatkan pelbagai kandungan dalam penyiarannya. Hingga kini RTM akan memberikan tumpuan kepada memperbaiki siaran-siaran mengenai pemberitaan dan program-program yang berbentuk Bicarawara ataupun *talk show*. Ini termasuk Bersama Media, *Blog What Say You* yang kita rasakan ia terus mendapat sambutan daripada orang ramai. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tenggara. Dia pakai baju merah, saya nampak. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta maaf. Lepas ini Datuk, selepas ini Datuk.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Minta maaf, minta maaf. Wanita, wanita. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tertarik dengan baju merah ini Datuk. *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Saya tahu apa cita rasa Datuk Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Menyampuk]* Bahaya, bahaya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dan berapa kerap agaknya kementerian menilai tahap kepuasan cita rasa penonton dan apakah usaha kementerian untuk menjadikan RTM ini sebagai pilihan penonton muda yang lebih berminat menonton TV swasta di atas program-program yang disediakan oleh mereka yang lebih memenuhi cita rasa orang-orang muda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cita rasa ini susah macam cita rasa Tuan Yang di-Pertua hari ini pun kita rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada cita rasa juga.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Ada cita rasa yang tertentu. Kita sentiasa memantau melalui agensi rating seperti AC Nielson untuk memastikan bahawa setiap program yang kita siarkan mendapat sambutan. Misalnya yang terakhir sekali pada minggu 24 tahun ini iaitu bulan Jun ini, RTM2 ialah merupakan saluran kedua di kalangan saluran-saluran percuma - *Free to Air* yang kita anggap mendapat *share* ataupun saham lebih daripada 15% daripada di kalangan penonton-penonton.

Itu dari segi hiburannya tetapi sebagaimana yang saya bagi tahu tadi, kita akan memberikan tumpuan kali ini ialah untuk menarik juga orang-orang muda untuk sama-sama menonton RTM bagi tujuan-tujuan perbincangan bagi meningkatkan daya intelektual dan pemahaman rakyat kita dalam isu-isu semasa misalnya program Blog yang diperkenalkan oleh RTM1 setiap hari Ahad mendapat sambutan yang besar bukan sahaja di kalangan orang tua tetapi juga orang-orang muda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri soalan ini, saya rasa terhormat.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya melihat ada perkembangan-perkembangan yang sihat yang dijalankan oleh stesen-stesen TV di negara kita sama ada TV1, TV2, TV3, saluran 7, 8, 9 dan Astro dalam perlumbaan memenuhi selera penonton masing-masing di peringkat masing-masing. Cuma saya selain mengucapkan tahniah kepada TV1 dan TV2 kerana banyak perubahan-perubahan. Al-maklum, menteri baru agaknya. Perubahan-perubahan, perkembangan-perkembangan baik yang...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Menyampuk]* Hai, bodek kuat nampak ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan bodek, ini kenyataan. So, ada orang anggap kenyataan bodek, terpulang masing-masing tapi ada perubahan-perubahan, pembaharuan-pembaharuan yang dijalankan. Cuma saya nak ingatkan kepada TV1 dan TV2 bahawa TV1 dan TV2 ini ialah saluran rasmi kerajaan. Saya berharap setiap rancangan yang disiarkan oleh TV1 dan TV2 hendaklah mendidik penonton-penonton sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung, semangat apa yang kita harapkan rakyat akan terus diberikan pendidikan berkaitan Rukun Negara, Rukun Negara yang lima.

Itu satu, yang kedua TV1 dan TV2 hendaklah menggunakan...

Beberapa ahli: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... soalanlah ini. Tatabahasa yang benar daripada bahasa Melayu termasuk ejaan.

■ 1050

Saya tengok dalam satu iklan. Iklan nak menguruskan badan. Dia tulis sana 'pengurusan'. So, pengurusan ialah lain. Dia kurus. Jadi kuruslah. Jangan pengurusan.
[Dewan riuh]

Jadi sebagai contoh, yang terpenting.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ada pengacara TV.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Antara siaran TV1.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, mana soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah. Nak masuk ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan pandang dia Yang Berhormat. Pandang sini Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Antara siaran yang popular, yang disukai ialah siaran langsung kita punya Parlimen. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri jangan setengah jam. Alang-alang terus daripada pukul 10.00 pagi sampai 11.30 pagi. Beri rakyat kepuasan dalam menonton apa yang berlaku di Parlimen dari segi soal jawab yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat. Itu satu.

Yang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa banyak soalan Yang Berhormat?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Banyak, banyak. *[Beberapa Ahli ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam soalan yang sama. Dia bukan soalan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas, ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Laporan Parlimen jangan dibuat 11.30 malam. Orang dah nak tidur dah. Tidak bolehkah...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Budak-budak sekolah dah keluar dah pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Waktu Parlimen bersidang pukul 9.00 sampai pukul 10.00. Masanya pun dipanjangkan daripada setengah jam kepada satu jam.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Mana soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi dari pukul 9.00 sampai pukul 10.00 waktu Parlimen bersidang. Ketepikanlah siaran-siaran lain seperti drama dan sebagainya yang tidak memberikan input sebesar apa yang berlaku di Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya setuju. Soalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini soalan kecil dalam soalan satu tadi. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, dia dah melebihi jam Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tolonglah penuhi antara penonton yang ramai di semua TV ialah peminat-peminat sukan.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, siaran langsung dah habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tahulah. Saya tahulah. Saya dah puas dah siaran langsung ni daripada tahun 1999. Andalah yang agaknya nak sangat muka keluar kat TV ni. Saya dah biasa. *[Dewan riuh]* Soalan kecil dalam soalan yang pertama. Peminat yang terbesar TV ini baik satu, dua, tiga...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua boleh dimain-mainkanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Tujuh, lapan, sembilan dan Astro ialah sukan. Penontonnya amat ramai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua tidak adillah. Tidak berlaku adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan cakap macam itu Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Duduk, duduk Yang Berhormat. Padang Serai saya ingat saya minta tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tarik balik tapi banyak soalan kecil dalam soalan besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah. Duduk, duduk. Yang Berhormat cepatkan. Jangan melengah-lengah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, tunjukkanlah sukan-sukan yang minat seperti hari ini bola sepak pertandingan Liga Eropah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan tunjuk pertandingan bola sepak. Jelas kita lihat stadium itu kosong tapi disiarkan secara langsung atau disiarkan di TV dari segi bahan berita. Stadium itu kosong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemudian dia paksa kita tengok melalui siaran TV. Ini tidak adil kepada peminat-peminat sukan yang lain.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Duduk Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta tolong menteri ringkaskan jawapan ya. Kalau bagi, bagi macam itu saja. Bagilah satu jam, dua jamkah beberapa jam.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya kira kebanyakan apa yang diutarakan ialah cadangan. Bukan soalan tetapi adalah cadangan. *[Dewan riuh]*

Saya mengambil berat semua cadangan tersebut dan teguran yang diberikan. Cuma sekali lagi saya ingatkan bahawa apabila RTM nanti mempunyai kekuatan apabila didigitalkan penyiaran kita, ini bermakna kita akan ada banyak saluran. Bukan hanya dua saluran. Ertinya boleh ada saluran sukan, ada saluran berita, saluran mungkin untuk Parlimen misalnya dan masa akan dapat dikhususkan kepada program-program yang tertentu mengikut saluran yang berkenaan.

Sekarang ini kita masih lagi dianggap TV campuranlah. Pelbagai hiburan di situ. Berita di situ, sukan di situ dan semua perkara dimasukkan dalam satu saluran atau dua saluran yang ada. Insya-Allah apabila proses pendigitalan ini dapat disempurnakan dan dilaksanakan, banyak perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi akan dapat terjawab.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua orang yang berdirilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Apa yang berdiri dua tiga orang?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ada dua. Dua Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Apa Jelutong ini? Nak gaduh boleh. *No problem.* Kamu baru ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Hai, jaga sikit.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat. Tolong diam-diamkan dalam Dewan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Rompin, Rompin.

Seorang Ahli: Apa bergaduh ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran rombongan daripada Kuala Krai yang bersama kita pada Dewan yang mulia pada hari ini. *[Tepuk]*

5. Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:

- (i) usaha kementerian itu mengembangkan titik sambungan Internet tanpa wayar (*wireless*) di bandar; dan
- (ii) adakah kementerian boleh memberikan sumbangan jalur lebar (*broadband*) percuma kepada rakyat seperti di beberapa negara.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini peka mengenai kepentingan penyediaan prasarana kemudahan internet dan jalur lebar di seluruh negara sama ada melalui teknologi berwayar ataupun tanpa wayar. Sehingga Mac 2008, penggunaan internet jalur lebar telah meningkat dengan jumlah pelanggannya adalah seramai 1.5 juta bersamaan dengan kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah sebanyak 18%. Daripada jumlah pelanggan jalur lebar tersebut, seramai 404,200 merupakan pelanggan bagi teknologi tanpa wayar meliputi 3G, *high-speed downlink packet access (HSDPA)*, *wireless local area network* atau *wireless fidelity* atau *Wi-Fi* dan *worldwide Interoperability of microwave access (WiMAX)*.

Bagi meningkatkan perluasan pelaksanaan jalur lebar tanpa wayar, kerajaan telah memberikan empat lesen yang boleh digunakan untuk meningkatkan sambungan internet tanpa wayar melalui teknologi *HSDPA* dan *long term evolution (LTE)*. Di samping itu, kerajaan juga telah mengeluarkan empat lesen *WiMAX* yang juga boleh digunakan untuk meningkatkan sambungan internet tanpa wayar melalui teknologi *WiMAX*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai saranan penyediaan jalur lebar *broadband* percuma kepada rakyat sebagaimana yang dilaksanakan oleh beberapa negara lain, perkhidmatan jalur lebar percuma memang tersedia dinikmati melalui lokasi-lokasi *hot spots* dengan izin yang telah dibangunkan di tempat awam seperti di lapangan terbang, pusat-pusat membeli belah, restoran dan sebagainya.

Sebagai contoh di bawah projek *wireless* KL yang merupakan projek kerjasama di antara sektor awam dan swasta sebanyak 1500 *Wi-Fi hot spots* percuma untuk tempoh dua tahun di kawasan tertentu di sekitar Kuala Lumpur mula dilaksanakan pada tahun ini. Di samping itu, melalui projek *Wi-Fi in library*, sebanyak sepuluh buah perpustakaan di Lembah Klang akan dilengkapi kemudahan *Wi-Fi* percuma untuk tempoh satu tahun.

Selain itu, terdapat juga beberapa kerajaan negeri seperti negeri Terengganu, Pulau Pinang, Perak, Melaka dan Sarawak telah menyediakan kemudahan jalur lebar tanpa wayar termasuk secara percuma kepada orang ramai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut akhbar *Star* pada hari ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tahun lepas kerajaan melalui Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi telah meluluskan empat lesen telah diperkatakan tadi kepada empat syarikat dengan sasaran liputan *WiMAX* 25% di Semenanjung menjelang akhir tahun ini.

Saya difahamkan dari sejumlah empat lesen yang diberi, hanya satu saja Syarikat Packet One Sdn. Bhd yang sudah memulakan langkah operasi. Soalan saya pertama. Bagaimanakah kerajaan boleh memberi jaminan bahawa sasaran tersebut boleh dicapai?

Yang kedua apa pula langkah kerajaan untuk memastikan syarikat yang telah diberi lesen betul-betul boleh melaksanakan operasi untuk rakyat? Sedangkan syarikat kedua, YTL e-Solutions baru saja menandatangani usaha sama dengan sebuah syarikat dari Amerika.

Yang ketiga tolong perelaskan bagaimana kedua-dua Syarikat YTL e-Solutions and Packet One Sdn. Bhd yang sudah mulakan operasi bukanlah syarikat asal yang diberi lesen. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi memang benar bahawa empat lesen *WiMAX* telah dikeluarkan pada bulan Mac 2007. Sememangnya ketika keempat-empat syarikat ini diberikan lesen *WiMAX*, mereka diminta menghantar sesama mereka rancangan *roll out* untuk *WiMAX* ini. Sehingga hari ini sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi Packet One telah memulakan *roll out*.

■1100

Terdapat juga sedikit masalah berhubung dengan *roll out* ini kerana di peringkat antarabangsa dari segi *certification of equipment* masih belum lagi dapat diluluskan sepenuhnya oleh *WiMAX* forum di peringkat internasional. Maka mungkin akan berlaku sedikit kelewatan. Walau bagaimanapun, kementerian ini masih lagi mensasarkan pada hujung tahun ini keempat-empat syarikat yang diberikan lesen *WiMAX* ini perlu memulakan *roll out* mereka dan sekiranya mereka gagal memulakan ataupun memberi sebab mengapa mereka tidak memulakan *roll out* maka kementerian akan meminta mereka memberi surat tunjuk sebab mengapa lesen mereka tidak perlu ditarik semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih. Sekali lagi selamat datang kepada penghulu-penghulu Kuala Krai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Berkaitan dengan soalan asal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ampang kepada kementerian. Menteri telah memaklumkan bahawa di Kuala Lumpur, Lembah Klang ini ada

1,000 lebih *hot spot* percuma untuk memudahkan penduduk-penduduk di sekitar ini untuk akses kepada internet secara percuma. Di kawasan luar bandar seperti Kuala Krau dan Kuala Krai mungkin *facilities* ini belum ada dan soalan saya mudah sahaja. Agak-agak adakah yang dijadualkan dibuat dan bila agaknya kawasan-kawasan luar bandar ini akan memperoleh perkhidmatan dan kemudahan yang sama bagi dinikmati oleh rakyat di luar bandar? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krai. Suka saya maklumkan juga di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebelum ini tabung amanah ataupun Tabung USB Fund yang ada di bawah kementerian ini di bawah kendali suruhanjaya komunikasi dan multimedia hanya membenarkan wang daripada tabung ini digunakan untuk memberi perkhidmatan *basic telephony* bagi kawasan-kawasan yang *under surf* ataupun kawasan-kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, menyedari hakikat bahawa perlu dirapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar maka kementerian ini telah meminda peraturan-peraturan kecil supaya membolehkan kawasan-kawasan luar bandar yang tidak menerima perkhidmatan seperti *broadband* sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi boleh digunakan wang ini untuk diberi perkhidmatan ke kawasan-kawasan ini.

Maka kementerian ini telah mendapat persetujuan daripada *AG Chamber* di mana memberi kebenaran kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menggunakan wang USB ini yang pada hari ini jumlahnya lebih kurang RM2.4 bilion dan baru-baru ini kira-kira sebulan yang lalu kementerian ini di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kita telah mengadakan satu simposium yang mana tujuan simposium ini adalah untuk mencari teknologi bagaimanakah yang sesuai untuk dibangunkan internet ataupun *broadband*. Di kawasan luar bandar yang penting pertamanya teknologi itu mestilah *workable* yang mana rupa bentuk muka bumi kita yang bergunung berlurah dan sebagainya.

Yang keduanya dari segi *maintenance* di kawasan-kawasan luar bandar ini perlulah kurang kerana jauh di pedalaman dan sebagainya dan kita juga tidak mahu banyak syarikat yang menawarkan teknologi-teknologi yang masih lagi belum terbukti menggunakan Malaysia sebagai platform untuk bagi mereka menguji alat-alat mereka. Inilah perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh kementerian ini untuk memastikan bahawa masyarakat di luar bandar ini juga akan menerima perkhidmatan internet *broadband* sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi.

Saya juga ingin menyatakan dalam Dewan ini, kira-kira tiga minggu yang lalu ada satu perjumpaan ataupun satu ekspo di Singapura iaitu *Infocom Media Business Exchange* yang melibatkan telekomunikasi. Ada pembentang kertas kerjanya telah menguji cara Malaysia sama dengan Singapura yang mana kerajaan bersama-sama dengan syarikat *private* iaitu Telekom

Malaysia membangunkan *broadband* untuk seluruh rakyat di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau bersetuju untuk menghapuskan terus, sistem "*free flow*" di pintu masuk ke Wang Kelian dan jika ya, apakah sistem baru membenarkan warganegara Malaysia dan warganegara asing keluar dan masuk ke negara kita tanpa kompromi masalah keselamatan.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat kangar yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman pintu masuk Wang Kelian Perlis adalah bersempadan dengan Wang Prachan Satu di sebelah Thailand. Pintu masuk Wang Kelian telah diwartakan dan mula beroperasi pada 20 Januari 1994. Bermula dari 15 Jun 1991 pekan sehari telah mula diperkenalkan di Wang Kelian dan juga Wang Prachan bagi tujuan mempertingkatkan ekonomi di kawasan sempadan. Kaedah *free flow* telah diguna pakai dengan membenarkan rakyat dari kedua-dua buah negara membeli-belah di kawasan pasar arked tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini berlaku ketidakstabilan politik di wilayah selatan Thailand dan situasi ini sedikit-sebanyak telah memberi impak negatif kepada keselamatan sempadan Malaysia. Bagi menangani isu ini kerajaan telah memutuskan supaya kemudahan keluar masuk di sempadan Malaysia-Thailand diperketatkan dan rakyat kedua-dua buah negara yang memasuki Malaysia dan Thailand hendaklah menggunakan pasport antarabangsa dan pas sempadan negara masing-masing.

Walau bagaimanapun, perubahan dasar yang baru ini didakwa telah menjejaskan mata pencarian peniaga tempatan oleh kerana kemerosotan bilangan pelawat daripada Thailand. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji semula kemudahan *free flow* di Wang Kelian dan bermula dari 2 Mei 2008 kementerian telah memutuskan untuk membenarkan warganegara Thailand memasuki Malaysia bagi tujuan membeli-belah di kawasan arked pekan sehari Wang Kelian. Ini dilakukan tanpa menggunakan dokumen perjalanan, tanpa di *endorse cap* masuk pada dokumen perjalanan. Kawasan yang dibenarkan adalah kawasan yang berpagar dan dikawal.

Untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini kementerian tidak berhasrat untuk memberhentikan kemudahan *free flow* di pintu masuk Wang Kelian tetapi isu keselamatan adalah satu perkara yang tidak boleh kita kompromi. Justeru bagi memastikan kemudahan yang diberikan tidak disalahgunakan maka kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan pos kawalan kedua dengan jarak satu kilometer dari sempadan. Pos kawalan kedua ini berbentuk kawalan sekatan jalan raya dan ia turut disertai oleh Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Penguatkuasaan seperti ini adalah perlu untuk

memastikan mereka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah tidak akan dibenarkan untuk keluar dari kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri. Disebabkan Wang Kelian adalah dalam kawasan saya jadi saya bangun bertanya. Kita menyokong penuh tentang perlunya kerajaan memberi perhatian serius kepada soal keselamatan negara malah rakyat negara ini wajar bersyukur kerana mereka berada dalam sebuah negara yang selamat. Terima kasih kepada polis, kepada imigresen dan kepada kastam.

Namun apa yang menjadi masalah kepada rakyat ialah sebelum sesuatu tindakan itu diambil rakyat tidak langsung diajak berbincang tentang bagaimana cara yang terbaik untuk melaksanakan dasar ini tanpa menjejaskan mata pencarian penduduk dan peniaga tempatan. Keputusan dibuat secara serta-merta pada 1 Februari 2008 sekali gus mematikan mata pencarian lebih dari 100 peniaga kecil tempatan. Sampai hari ini pun perniagaan tidak membangun. Persoalan yang timbul hari ini ialah bukan sahaja mengenai Wang Kelian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya, saya ringkas. Mukadimah. Bahkan mengenai pekan-pekan kecil seperti Padang Besar, Pekan Bukit Kayu Hitam dan kawasan-kawasan di Semenanjung yang memang amat berpotensi untuk perniagaan kecil tapi atas nama keselamatan tempat-tempat ini seolah-olah hidup segan mati tak mahu tapi pada masa yang sama kawasan-kawasan di sebelah Thailand *business is growing* dengan izin. Bukit Kayu Hitam, Pekan Danok sudah jadi sebuah Padang Besar, Pekan Siam Padang Besar, membangun pesat sebagai kawasan perdagangan malah Kuala Perlis pada satu ketika dahulu menjadi *fish landing* yang terbesar di Malaysia, di Semenanjung mencecah berpuluh juta ringgit sebulan tapi kini sudah mati.

Soalan, dengan pengalaman-pengalaman yang saya sebutkan tadi adakah kerajaan bercadang untuk lebih proaktif dalam usaha menggalakkan perniagaan di kawasan-kawasan sempadan? Di samping kita mementingkan soal keselamatan kita juga mencari jalan memaksimumkan potensi perniagaan kawasan-kawasan ini dan tidak lagi *blinked* iaitu hanya melihat soal keselamatan sahaja tanpa melihat perkara-perkara lain yang sama penting demi keselamatan rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang mukadimah Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

■ 1110

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Mukadimahnya panjang. Saya tidak bertujuan untuk menjawab panjang tetapi mengikut apa Yang Berhormat katakan perkenalan soal keselamatan

menjadi satu unsur yang kita ambil kira dan telah dibuat semasa Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Arau menjadi menteri di dalam Kabinet.

Oleh itu saya percaya perbincangan yang meluas dengan pengetahuan dan pengalaman yang mendalam telah pun diberikan kepada kerajaan untuk membuat keputusan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas segala pandangan dan cadangan.

Biar saya katakan di sini dengan jelas bahawa apabila kita membuat keputusan berasaskan kepentingan ekonomi ia juga diambil dengan pendekatan keselamatan. Kita juga mengambil kira kepentingan rakyat dan bagaimana hendak mengembangkan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sempadan. Terima kasih, saya mengambil syor-syor dan di *note* kan untuk tindakan kemudiannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita bersetuju bahawa soal keselamatan negara adalah satu perkara yang tidak boleh kita berkompromi dan kita bertolak ansur.

Tadi Yang Berhormat menyatakan tentang keadaan di Kubang Kerian, di Bukit Kayu Hitam dan seumpamanya. Soalan tambahan saya adalah kebimbangan saya terhadap apa yang dikatakan zon *free* dalam WPI ataupun sekarang disebut sebagai Iskandar Malaysia.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah sebenarnya konsep *free zone* ini. Adakah warganegara Singapura boleh masuk ke dalam WPI ini walaupun atas nama pembangunan ekonomi tanpa pemeriksaan imigresen ataupun apakah yang dimaksudkan dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Adakah ada konsep *free flow* yang akan diaplikasikan di kawasan ini kerana ini semua adalah melibatkan pandangan-pandangan jangka panjang supaya apa pun yang berlaku dalam negara kita, keselamatan negara mesti menjadi suatu keutamaan. Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian di atas soalan yang dikemukakan tadi. Apa juga keputusan yang dibuat sama ada di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar ataupun kawasan-kawasan perbadanan di mana kita memperkenalkan *free flow*, ataupun pergerakan dengan bebas.

Ia akan dilakukan hanya apabila kita merasakan kedudukan dan keselamatan kita terjamin. Ia tidak bermakna satu kebebasan di mana rakyat asing boleh bergerak tanpa apa-apa sekatan atau kita tidak mempunyai maklumat atau rekod-rekod yang membolehkan kita untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

7. **Dato' Kamaruddin Jaafar [Tumpat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara dan jenis jenayah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jawab jumlah sahaja Yang Berhormat, tidak payah panjang cerita.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Jarang dapat menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *[Ketawa]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Sebab orang luar, maklumlah. Tuan Yang di-Pertua, jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di atas pelbagai jenis kesalahan seperti pemalsuan kad kredit, kesalahan berkaitan imigresen, penyeludupan manusia dan penyeludupan dadah dari tahun 2004 hingga Jun 2008 adalah seramai 724 orang. Daripada jumlah itu, 239 adalah berkaitan dengan kes dadah. Maklumat penahanan berhubung dadah juga diterima daripada pelbagai sumber yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tumpat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, cukup ringkas.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jumlah yang kita dengar sebentar tadi adalah agak besar. Saya juga berminat untuk mengetahui selain daripada kategori besar yang disebutkan tadi jika ada kes seperti yang diumumkan di Malaysia dalam akhbar hari ini seperti kes BSA Tahir yang mana beliau anak Sri Lanka di Malaysia ditahan di bawah ISA kerana kes SCOMI Engineering Sdn Bhd, syarikat yang terkenal dalam negara ini yang mana beliau ditahan berkaitan dengan pembuatan senjata nuklear oleh syarikat SCOMI itu.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah rakyat Malaysia di negara-negara asing ada ditahan misalnya di Guantanamo Bay, atau di United Kingdom, atau di Indonesia atau Singapura atau Thailand atas kesalahan-kesalahan, jenayah-jenayah yang berbentuk politik ataupun dituduh *terrorist* dan sebagainya.

Kalau ada, adakah kita di Kementerian Wisma Putra di luar negara mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk membantu orang-orang ini termasuk yang 724 orang itu sebagai rakyat Malaysia *first*, tentang kesalahan tuduhan itu adalah sudah tentu kita lawan di peringkat undang-undang sebagaimana berjayanya kita di World Court baru-baru ini, kes Batu Putih itu.

Kita memang berjaya tetapi dalam kes-kes yang ramai in, adakah kita juga ingin turut memperjuangkan mereka sebagai rakyat Malaysia di mana-mana mahkamah sekalipun di dunia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat kita sudah macam *House of Common*, pendek jawapan tadi. Sekarang kita balik ke Malaysia semula. Sila Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua tak bawa saya ke *House of Common*, kalau Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, orang yang menyoal akhir biasanya rezeki sedikit jadi saya beri maklumat berikut agar persoalan ini ada kaitan dengan pemahaman kita berkaitan kes-kes di luar negara.

Pada tahun 2006 misalnya Tuan Yang di-Pertua, 39 orang telah disabitkan pelbagai kesalahan di negara-negara luar. Di Asia sahaja;

Negara	Jumlah Orang
Brunei	9
Kemboja	3
China	1
Jepun	1
Indonesia	1
Singapura	1
Thailand	23

Tahun 2007;

Negara	Jumlah Orang
Latin Amerika	34
Asia	26
Eropah	16
Australia	2

Pada tahun ini, Januari ke Jun;

Negara	Jumlah Orang
Latin Amerika	11
Asia	16
Eropah	14
Australia	5

Pecahan-pecahan ini ada dalam simpanan kami Tuan Yang di-Pertua dan Kementerian Luar Negeri sentiasa memberi pelbagai khidmat termasuk khidmat nasihat, khidmat menyalurkan maklumat, khidmat menghubungi keluarga waris, khidmat penyebaran maklumat mengenai jenayah dan taktik pengedaran dadah serta yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan lain.

Memaparkan nasihat perjalanan atau dengan izin *travel advisory* kepada pihak-pihak berkenaan. Tinggal lagi kes-kes tersebut perlu mendapat perhatian masyarakat Malaysia kita sendiri Tuan Yang di-Pertua, yakni ibu bapa dan juga para majikan memainkan peranan agar sebelum mereka ini ke luar negara, perlu ditentukan tugas muktamad ataupun tujuan pergi ke negara-negara asing.

Masalahnya apabila mereka telah meringkuk di dalam jel ataupun penjara negara-negara tersebut barulah kami diberitahu. Justeru peringatan ini penting dan mapan kita laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sepatutnya bukan sekadar hendak tahu berapa jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dengan jenayah di luar negara dan sebagainya tetapi yang lebih penting bagaimana kita hendak menjaga mereka ini.

Saya kira Tuan Yang di-Pertua, kita ramai pekerja-pekerja yang bekerja di luar negara, ramai pelajar-pelajar kita, pelancong-pelancong dan sebagainya dan apa yang dimaklumkan oleh menteri kita, mendukacitakan kita. Tetapi saya hendak tahu apakah di samping yang dijelaskan menteri sedikit sahaja tadi, apakah bentuk strategi-strategi ataupun pendekatan yang pro aktif yang diambil oleh kerajaan kita bagi menentukan supaya rakyat kita di luar negara ini selamat ataupun tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir yang boleh membawa mereka terlibat dengan perkara-perkara yang berbentuk jenayah ini. Minta pandangan menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada langkah-langkah yang dimaklumkan tadi akan ditambah dari semasa ke semasa tetapi terpenting bagi kita sebelum perkara ini menjadi sesuatu yang dikenal sebagai sifat Malaysia yang memalukan kita, ialah agar langkah-langkah preventif itu kita kenal pasti terlebih dahulu.

■1120

Dalam rangka kerjasama Kementerian Luar Negeri dengan Kementerian Dalam Negeri misalnya, kami akan merapatkan lagi pelbagai kerjasama dan melahirkan langkah-langkah yang perlu kita dapati. Misalnya menentukan soal-soal berkaitan dengan kegiatan pihak-pihak yang membawa mereka ini sebagai dengan izin '*drug mule*', cara-cara mereka beroperasi di Malaysia, bagaimana sindiket-sindiket ini menjalankan tugas mereka untuk meraih anak-anak muda kita dan seterusnya menentukan supaya langkah-langkah preventif dalam negeri itu dapat disambung oleh Kementerian Luar Negeri menerusi khidmat nasihat mereka.

8. Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah strategi serta perancangan kerajaan bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap tenaga buruh separuh mahir dari luar negara dan jumlah kehadiran setiap tahun.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Cheras pada 8 Julai dan Yang Berhormat bagi Dungun pada 10 Julai kerana ia berkaitan isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Kerajaan sememangnya berhasrat untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing, tetapi pada realitinya terdapat sektor-sektor tertentu di mana pekerja asing masih diperlukan seperti di sektor perladangan, pembinaan, pembuatan dan pembantu rumah. Keperluan pekerja asing di sektor tersebut disebabkan berorientasikan intensif buruh dan pekerja tempatan tidak berminat kerana keadaan persekitaran kerja yang tidak menarik.

Jumlah pekerja asing di negara ini pada tahun 2006 adalah seramai 1.8 juta. Manakala pada 2007 seramai 2 juta dan seterusnya meningkat kepada 2.1 juta pada tahun 2008. Kerajaan bercadang mengurangkan pekerja asing secara peringkat-peringkat dari 2.1 juta kepada 1.8 juta pada tahun 2010. Bagi mencapai matlamat tersebut, di antara langkah yang diambil oleh kerajaan adalah dengan menggalakkan majikan melaksanakan proses automasi dan mekanisasi dan tidak lagi intensif buruh. Seterusnya Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri sedang dalam tindakan mengkaji semula dasar penggajian pekerja asing, menilai keperluan sebenar pekerja asing mengikut subsektor ekonomi dari semasa ke semasa dan seterusnya mengetatkan lagi syarat-syarat dan prosedur kemasukan pekerja asing. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar berlakunya kedatangan pekerja asing ke negara ini adalah kerana majikan mengambil kira gaji yang murah. Ini menyebabkan berlakunya kerugian pekerja-pekerja tempatan. Adakah kerajaan membuat satu perancangan ataupun merancang untuk menetapkan peraturan gaji minimum bagi menggalakkan pekerja tempatan untuk mengambil tempat, menggantikan pekerja asing dan menghadapi masalah pengangguran dalam negara sendiri.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya peluang kerja yang ada di negara kita ada lebih kurang 12.5 juta. Manakala tenaga kerja yang ada di dalam negara kita ada lebih kurang 11 juta. Memang ada perbezaan di antara tenaga kerja yang ada di dalam negara kita dan peluang kerja yang sedia ada. Oleh itu kita tidak boleh lari daripada perkara pekerja asing mungkin perlu untuk diisikan perbezaan di antara apa yang kita ada dan apa yang diperlukan.

Untuk menjawab soalan tentang isu gaji dan pekerja, mungkin ini boleh jadi satu sebab dalam sektor-sektor tertentu. Kerajaan sedang mengawal perkara ini dan sedang mengambil

langkah melalui beberapa tindakan untuk memastikan di dalam sektor-sektor kritikal dan sektor-sektor *vulnerable* demikian, gaji dipastikan supaya setahap dengan apa yang diperlukan oleh pekerja tempatan.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita faham bahawa ada sektor-sektor contohnya sektor perladangan di mana walaupun pekerja-pekerja di situ boleh mendapat gaji lebih kurang RM1500 atau RM2000 kalau mereka bekerja dengan sepenuhnya, tetapi di sektor-sektor itu pun pekerja-pekerja tempatan tidak minat dan kalau datang bekerja pun mereka tidak bekerja secara berterusan. Oleh sebab itu, ada pelbagai sebab yang telah mempengaruhi untuk keperluan pekerja-pekerja asing ini, tetapi kerajaan memang berkongsi pandangan dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini untuk mengurangkan bilangan pekerja asing di dalam negara kita. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah sebenarnya kita ini mempunyai dasar pekerja asing. Saya lihat banyak yang tidak konsisten. Tentang pengambilan pekerja asing, kita kata kita sudah berhentikan, tetapi di air-port kita lihat ramai yang datang pula. Ada juga percanggahan antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Dalam Negeri dalam isu pekerja asing ini. Jadi saya minta penjelasan tentang dasar pekerja asing ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...hamba abdi.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Dasar kerajaan Tuan Yang di-Pertua, saya akan terangkan. Kita berharap menjelang tahun 2010, kita boleh mengurangkan bilangan pekerja asing yang ada di dalam negara kita daripada kadar yang ada pada masa sekarang lebih kurang 500,000 orang. Ini adalah hala tuju kita untuk dua tahun yang akan datang.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batu Pahat ada beberapa isu kita kena licinkan dan haluskan daripada tanggungjawab di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri. Kita sedang mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan untuk memastikan isu-isu tindihan yang berlaku dalam keadaan ini boleh diperbaiki lagi. Terima kasih.

9. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Pelancongan menyatakan berapakah nilai perbelanjaan promosi pelancongan di luar negara setakat ini dan apakah aktiviti serta berapakah jumlah pulangan yang didapati hasil daripada aktiviti ini kepada negara.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]: Tuan Yang di-Pertua, dari 1 Januari 2007 sehingga 31 Disember 2007, sejumlah RM40 juta telah dibelanjakan untuk tujuan promosi di luar negara. Sehingga 30 Jun 2008 pula, sejumlah RM20.5 juta dibelanjakan untuk membuat promosi di luar negara.

Perbelanjaan di luar negara adalah termasuk yuran penyertaan pameran, penyediaan ruang pameran, penghantaran barang-barang promosi, membawa para penari dan *chef* untuk

promosi kebudayaan dan makanan Malaysia. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di luar negara diikuti misi jualan seminar pelancongan, promosi makanan dan kebudayaan, pengiklanan serta promosi bersama agensi pelancongan dan pameran pelancongan.

Hasil daripada ini, jumlah pulangan pelancongan kepada negara pada tahun 2007 ialah RM46.07 bilion melibatkan peningkatan sebanyak 27% berbanding dari tahun sebelumnya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Indera Mahkota soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Indera Mahkota ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Soalan tambahan, ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tadi berdiri tidak pakai songkok, kali kedua nampak songkok itu naik.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebab dia pakai songkok juga. *[Ketawa]* Kalau mengikut laporan Kajian Separuh Penggal, ketibaan pelancong dikatakan sebanyak 21 juta dan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi, pendapatan adalah sebanyak RM46.1 bilion. Ini memang ada peningkatan sebanyak RM14.2 bilion dengan peningkatan pengunjung 46 juta orang.

■ 1130

Akan tetapi yang saya hendak minta penjelasan di sini bagaimana pengiraan tambahan ini melibatkan perbelanjaan per kapita pelancong yang kalau mengikut laporan ini, pendapatan tambahan cuma RM253 sahaja. Sedangkan yang dilaporkan dalam kajian separuh penggal mengatakan tambahan perbelanjaan per kapita maknanya *income* kepada kita yang dibelanjakan oleh pelancong setinggi RM3,087. So ada perbezaan yang sangat ketara dalam perakuan mengatakan kita mendapat pendapatan tambahan daripada perbelanjaan pelancong daripada RM3,087 sehingga satu angka lain RM253 sahaja pendapatan per kapita pelancong berbelanja di dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah pelancong yang telah datang, telah *increase* kepada 20 juta lebih dan angka kepulangan juga telah naik pada separuh tahun ini. Jadi nombor angka yang dijumlahkan oleh jumlah pelancong yang telah datang telah meningkat dan juga angka yang dibelanjakan juga telah meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa untuk soal jawab telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

11.32 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu usul yang ada beri notis mengenai Peraturan Mesyuarat 18(1) mengenai Akuan Berkanun Raja Petra Kamarudin yang membabitkan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan isteri Timbalan Perdana Menteri atas pembunuhan wanita Mongolian atau Altantuya Shaariibuu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tadi saya ada keluar sekejap dan balik saya dapat satu surat dari Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan bahawa perkara ini sedang dibicarakan oleh mahkamah. Oleh yang demikian, saya menolak usul Yang Berhormat dalam kamar.

Sebenarnya tadi saya keluar sekejap untuk pergi ke kamar. Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat daripada Bagan, Yang Berhormat Sirusa dan lain-lain. Oleh sebab jumpa Tuan Yang di-Pertua mengenai larangan yang ada dibuat terhadap akhbar-akhbar. Di mana sekarang kita tengok bahawa akhbar-akhbar, semua pemberita-pemberita dilayan sebagai *wild and dangerous animals*. Semacam binatang yang liar dan berbahaya sehingga mereka dikurung dan ini sangat memalukan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, ini soalan yang mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita hendak bincang dengan Tuan Yang di-Pertua tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak ada di sana dan kita diberitahu dia akan datang petang. Akan tetapi saya keluar dan masuk semula, ada surat ini dan ini satu perkara yang mustahak. Saya harap bahawa kita boleh bincang perkara ini dan pun bahawa apa yang berlaku di luar *scene* ini di mana *press* menjalankan satu boikot mengenai semua *press conference* malam ini sangat malu kepada Dewan yang mulia ini. Saya harap apa yang berlaku ini dapat terus digantung dan ditarik balik serta-merta. [*Dewan tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik tidak ada perkara. Satu, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi iaitu penolakan oleh Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Berlandaskan soalan ini adalah masih kes di mahkamah. Tiga kes yang berikutan di mahkamah iaitu BP vs. Azilah bin Hadri dan Sirul Azhar bin Haji Omar iaitu perbicaraan jenayah, BP vs. Abdul Razak bin Abdullah dan BP vs. Raja Petra Kamarudin. Jadi tiga kes ini telah menunjukkan bahawa kalau kita bincangkan ini satu *sub judice* itulah sebab landasan penolakannya.

Soalan *press* di bawah tadi, saya telah membuat keputusan. Saya akan membawa perkara ini kepada Tuan Yang di-Pertua sekali lagi dan kita akan bincang kerana keputusan ini telah dibuat sebagai konsensus di antara dua Timbalan Speaker dan Speaker untuk mengaturkan ruang-ruang yang tertentu diagihkan kepada laluan orang ramai serta laluan yang dipakai oleh pegawai-pegawai dan juga yang mana tempat yang boleh dipakai oleh pihak media. Jadi selepas ini saya berjanji saya akan bawa kepada Tuan Yang di-Pertua, itu telah diputuskan pada pagi tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tentang perkara ini, bolehkah dibuat keputusan dengan segera oleh sebab ini berita dunia dalam Parlimen. Kita malulah kepada sekatan akhbar-akhbar, mungkin Ahli Parlimen Barisan Nasional suka begitu, mungkin menteri-menteri takut di *ambush* oleh pemberita.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Keputusan sudah dibuatlah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa kita tidak mahu satu Parlimen yang terbuka, *open* Parlimen, kenapa begitu takut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat seorang sahaja yang dah pergi ke Parlimen di seluruh negara. Saya 12 hari duduk di *House of Common*, saya tidak pernah nampak yang berterabur macam itu dalam lobi *House of Common*. Saya pernah duduk di Kongres, saya nampak di Kongres itu pun hanya lobi luar sahaja dibolehkan. Saya pernah duduk di Perth, Western Australia punya Parlimen, saya tidak melihat benda yang bercelaru juga. Saya duduk di Canberra selama empat hari, saya melihat Parlimennya.

Jadi kalau saya nak sebut semua Parlimen yang saya dah lawat Yang Berhormat, nampaknya kita hendak buat peraturan. Itulah keputusan itu kita hendak buat secara teratur. Saya akan bincang dengan Tuan Yang di-Pertua, keputusan saya tadi saya tetap pertahankan Yang Berhormat. Terima kasih. Baiklah, usul menteri.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Point of order, Point of Order 36(10)A.* Yang Berhormat Menteri Penerangan telah membuat kenyataan bahawa saya telah mengeluarkan kata-kata derhaka dan khianat terhadap negara ini di dalam perbahasan semalam. Di mana cadangan yang dikeluarkan ataupun disebut untuk ditenderkan telaga minyak diputar belitkan sebagai satu cadangan untuk mengkhianati kepentingan negara dan mengambil kekayaan negara untuk diserahkan kepada syarikat-syarikat minyak asing.

Ini adalah merupakan satu 'tipuisme' dan 'keliruisme'. 'Isme-isme' yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana cadangan yang saya buat adalah hanya untuk membuktikan bahawa Petronas sedang menikmati subsidi. Oleh sebab Petronas sedang menikmati subsidi, tidak salah rakyat mendapat subsidi minyak. Ini saya rasa Yang Berhormat Menteri Penerangan pun tidak faham perkataan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Point of order* apa ini? *Point of order* apa? Kalau hendak berceramah, saya pun hendak berceramah juga. Semua orang hendak berceramah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah-sudah Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam duduk! *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menyalahgunakan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah-sudah Yang Berhormat Pasir Salak, duduk juga Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yalah, kena betulkan, kena betulkan dulu, kena beritahu dia salah, *abuse*. Tuan Yang di-Pertua, beritahu dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik-baik Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat semua!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ajar dulu, ajar ni tak reti peraturan. Ajar! Yang itu pun ajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak duduk!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itu Yang Berhormat Pasir Salak memang kurang ajarlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa lagi Yang Berhormat Padang Serai? Yang Berhormat Padang Serai duduklah! *[Dewan riuh]* Duduk-duduk semua Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak duduk! Yang Berhormat Padang Serai duduk! Yang lain semua duduk.

Ini ada prosedur-prosedur yang tertentu Yang Berhormat. Sudah-sudah Yang Berhormat Pasir Salak! Yang Berhormat Padang Serai, duduklah, duduk! *[Dewan riuh]* Baik Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Kalau kita lihat di belakang Yang Berhormat, inilah contoh yang kita hendak tunjuk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa pembesar suara][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat duduk! Yang Berhormat duduk! Sudah-sudahlah, duduk semua. Usul Menteri, sila.

USUL

MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 14(2)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 14(2), saya mohon mencadangkan bahawa giliran Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2008 yang dijadualkan sebagai nombor dua di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dikemudiankan selepas giliran Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008”.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita sudah bertenang semua Yang Berhormat ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri, sila.
11.41 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 (Akta LOFSA) di bacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Pindaan yang dicadangkan terhadap Akta LOFSA merupakan kesinambungan usaha Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dalam mengemaskinikan perundangan luar pesisir bagi menarik lebih ramai pelabur ke Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) dan mempertingkatkan daya saing serta menyediakan suasana perniagaan yang kondusif.

Ia juga bertujuan untuk memperkemas rangka perundangan LOFSA untuk berfungsi sebagai agensi kawal selia sendiri yang mengawasi aktiviti kewangan luar di pesisir di Labuan IBFC.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memperluaskan takrif-takrif agensi penguatkuasa undang-undang tempatan dan pihak berkuasa pengawal seliaan tempatan. Ini bagi membolehkan pihak LOFSA menjalin kerja sama lebih erat dalam menjalankan fungsi kawal selianya.

Cadangan pindaan juga bertujuan untuk mengemaskinikan kuasa kawal selia LOFSA dan menyelaraskan peruntukan kerahsiaan yang merangkumi maklumat berkenaan institusi luar pesisir. Ini penting untuk menyeimbangkan keperluan bagi melindungi maklumat peserta luar pesisir dan bertujuan untuk mengawal selia dengan efektif serta untuk mengekalkan reputasi Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa yang berwibawa.

Dalam menghadapi suasana perniagaan dan kewangan antarabangsa yang kian rumit serta mencabar, kerjasama yang lebih erat di antara agensi-agensi pengawal seliaan adalah merupakan suatu keperluan untuk membolehkan kerjasama yang lebih erat ini dijalin. Takrif agensi penguatkuasa undang-undang tempatan di dalam seksyen 28(A) Akta LOFSA perlu diperluaskan dari hanya meliputi pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Polis 1967. Takrif yang ada kini tidak mengizinkan LOFSA untuk bekerjasama dengan penguat kuasa undang-undang selain daripada PDRM dalam sebarang penyiasatan terhadap mana-mana institusi kewangan luar pesisir di Labuan.

Dengan pindaan yang dicadangkan, takrif agensi penguat kuasa undang-undang tempatan akan dipinda untuk merangkumi agensi penguat kuasa undang-undang yang lain di Malaysia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan perundangan berkaitan.

Pada masa yang sama, bagi membolehkan pihak LOFSA bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawal seliaan di peringkat antarabangsa, pindaan terhadap takrif pihak berkuasa kuasa pengawal seliaan tempatan di dalam Akta LOFSA turut dicadangkan. Cadangan pindaan akan memperluaskan skop takrif tersebut bagi merangkumi pihak berkuasa atau badan-badan yang berkaitan dari dalam atau luar Malaysia yang mempunyai kuasa untuk mengawal selia operasi mana-mana Institusi Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Ini akan membolehkan pihak LOFSA memenuhi piawaian yang dituntut oleh badan pengawal seliaan antarabangsa seperti *International Monetary Fund* (IMF) dan *Financial Action Task Force* (FATF) bagi menjalankan pemantauan dan pengawasan yang lebih efektif ke atas institusi-institusi kewangan luar pesisir di Labuan serta membolehkan kerjasama dengan pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab mengawal selia mana-mana pemegang lesen di negara asal institusi kewangan luar pesisir berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kemungkinan kegagalan mana-mana institusi luar pesisir untuk mematuhi Rangka Perundangan Labuan IBFC, pindaan yang dicadangkan akan membolehkan LOFSA mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana institusi kewangan luar pesisir yang bermasalah diarahkan untuk menghalang individu tertentu dari mentadbirkan institusi tersebut atau menetapkan kelayakan khusus kepada mereka yang ingin menjadi ahli lembaga pengarah atau pegawai institusi mereka.

Bagi mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi di kalangan ahli lembaga, pegawai dan kakitangan LOFSA, pindaan yang dicadangkan akan secara lebih jelas meletakkan tanggungjawab supaya mematuhi peraturan kerahsiaan kecuali di dalam melaksanakan tanggungjawab atau fungsinya sebagai pegawai LOFSA atau bila dikehendaki oleh mana-mana mahkamah atau undang-undang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini akan menguatkan lagi penerimaan pelabur antarabangsa terhadap tahap kerahsiaan yang perlu diterima pakai oleh pegawai serta kakitangan LOFSA tanpa menjejaskan kerjasama dengan pihak pengawal selia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu kerahsiaan dan pemeliharaan maklumat yang menjadi teras kekuatan pusat kewangan antarabangsa seperti Labuan IBFC, perlu diimbangkan dengan peruntukan bagi membolehkan LOFSA mempunyai akses kepada maklumat mengenai entiti dan operasi mereka di Labuan. Ini termasuklah bagi membolehkan perkongsian sebarang maklumat tentang institusi luar pesisir yang menyalahi undang-undang dengan mana-mana pihak berkuasa pengawal selia tempatan, *home supervisory authority* dengan izin, atau agensi penguatkuasa undang-undang tempatan, *domestic law enforcement agency* dengan izin, tertakluk pada situasi yang dibenarkan oleh undang-undang.

Cadangan-cadangan pindaan Akta LOFSA turut mengambil kira cadangan yang dibuat oleh *Asia Pacific Group on Money Laundering Offshore Group of Banking Supervisors* berhubung dengan rangka perundangan Labuan IBFC dalam menangani kegiatan pengubahan wang haram, *money laundering*.

Ini merujuk kepada penggunaan standard khusus dalam memerangi pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan bagi negara-negara di rantau Asia Pasifik. Ini termasuklah cadangan *Financial Action Task Force Forty Recommendation Against Money Laundering* dan *Nine Special Resolution on Terror Financing*, dengan izin.

Pada keseluruhannya cadangan pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk mengemas kini rangka kerja kawal selia LOFSA terhadap semua institusi kewangan luar pesisir di Labuan bagi membolehkan LOFSA melaksanakan fungsi kawal selia dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 di baca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Batu Pahat.

11.48 pg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta LOFSA 1996.

Rang undang-undang ini adalah penting sebenarnya untuk kita memperkukuhkan kedudukan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa ataupun IBFC. Oleh sebab itulah, kita perlu menambah baik perundangan yang sedia ada bagi memperbaiki bagi pengawalseliaan dan saya amat bersetuju dengan apa yang dicadangkan iaitu kita memberikan takrifan baru terhadap apa yang kita maksudkan sebagai agensi tadi yang memasukkan Suruhanjaya Sekuriti, BPR dan sebagainya, untuk memastikan bahawa Labuan akan berdaya saing dan juga mencapai matlamatnya sebagai pusat kewangan antarabangsa ini.

Oleh itu, perkara-perkara dalam fasal 3 hingga 6 ini, iaitu untuk meminda seksyen-seksyen yang sedia ada adalah cukup penting, sebab sebelum ini kita pernah dikejutkan dengan kerugian beberapa bank seperti Bank Islam dan kadang-kadang menjadi persoalan kepada kita, apakah setiap 10 tahun akan berlaku kerugian kepada bank-bank ini seperti CIMB Bank dan sebagainya.

■1150

Jadi oleh kerana itulah apabila kita melihat kepada kes-kes seperti ini, maka alasan-alasan yang diberikan adalah sama dan apakah ini berpunca, apakah Labuan sebagai Pusat Kewangan gagal dan tidak ada sistem kawalan yang berkesan? Ataupun kawalan-kawalan kredit yang lemah itu membuktikan bahawa pekerja-pekerja kita ini adalah kurang profesional, dan oleh kerana itulah saya amat bersetuju bahawa kita memberikan satu pentakrifan baru terhadap agensi-agensi tadi supaya ini akan memberi satu keyakinan, bahawa Labuan akan menjadi Pusat Kewangan Antarabangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada fungsi LOFSA ini ialah untuk memastikan transaksi kewangan luar pesisir dijalankan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir. Oleh itu, saya ingin tahu siapakah sebenarnya anggota LOFSA ini dan bagaimanakah mereka melakukan penguatkuasaan, penyeliaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai *one stop agency* yang diasaskan pada tahun 1956, LOFSA perlu ditadbir secara cekap agar matlamatnya tercapai seperti mencari produk-produk baru ataupun meningkatkan Industri Perbankan Luar Pesisir, meningkatkan Industri Insurans

Luar Pesisir dan sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Salah satu daripada yang kita harapkan ialah LOFSA juga menjadi sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Oleh itu saya ingin bertanya pencapaian yang sudah pun dicapai oleh LOFSA hingga ke hari ini, iaitu dari segi Industri Perbankan Luar Pesisir, Industri Insurans Luar Pesisir, aset-aset yang berasaskan kepada Islam dan apakah peningkatannya dari tahun ke tahun? Saya juga ingin maklumat tentang prestasi kewangan LOFSA ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa, kita melihat bahawa ada pihak luar juga ingin memberikan sumbangan sebagai contohnya Reuters, iaitu satu syarikat daripada luar telah menyatakan bahawa Labuan adalah tempat yang berpotensi untuk dijadikan sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Namun apa yang kita lihat sekarang ini bahawa kebanyakan pelaburan itu adalah pelaburan tempatan, pelabur-pelabur daripada tempatan kurang daripada luar. Jadi oleh kerana itu, saya ingin tahu apakah produk-produk baru kewangan Islam yang ada sekarang ini? Sebab kita jangan lupa bahawa Singapura dan juga Brunei sekarang ini mahu menjadi pesaing utama sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa ini. Jadi oleh kerana itulah, saya perlukan penjelasan daripada pihak kementerian iaitu, apakah produk-produk baru untuk menjadikan Labuan ini sebagai tempat yang menarik untuk dijadikan sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa ini? Kita melihat bahawa ada beberapa produk seperti Hedge Fund Islam, Dana Harta Islam ataupun Industri Perbankan Pelaburan Islam itu masih belum diterokai secara meluas oleh kita sebenarnya.

Jadi apakah tindakan-tindakan yang sudah pun diambil? Saya ingin bertanya, iaitu apakah dengan keadaan sekarang ini bahawa kerajaan akan membenarkan ringgit itu untuk diniagakan di luar?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu, berapakah jumlah syarikat sebenarnya yang sudah pun berdaftar di LOFSA sekarang ini? Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang.

11.54 pg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahas pindaan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996.

Pada pandangan saya, rang undang-undang ini ada dua pindaan, yang utama iaitu seksyen baru untuk memelihara kerahsiaan dan kuasa diberikan dalam pindaan seksyen 28B untuk mengehendaki Institusi Kewangan Luar Pesisir menyerahkan maklumat kepada lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah penting. Namun lebih penting ialah penyeliaan dan siasatan (*enforcement*). Negara kita ada undang-undang yang semutu dengan negara-negara yang lain di negara utama yang lebih maju, tetapi di dalam bidang

penguatkuasaan kita kurang dan kekurangan ini tidak memuaskan. Dengan izinnnya Tuan Yang di-Pertua, kita ada *first world laws* tetapi *third world enforcement*. Walaupun pindaan yang dibuat, jikalau kita tidak mengimplementasikan dan membuat siasatan yang seharusnya, kita tidak akan dapat menaikkan imej Labuan sebagai satu Pusat Kewangan yang bermutu dan matlamat kita untuk mengadakan satu Pusat Kewangan tidak akan dapat dicapai. Ini adalah pandangan yang telah dilaporkan oleh IMF dan saya hendak meminta menteri memberikan penjelasan, apakah tindakan yang dibuat untuk memberikan latihan kepada pegawai-pegawai, dan apakah tindakan yang seharusnya dibuat untuk memberikan pantauan? Kita tidak mahu undang-undang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi disimpan di dalam almari dan tidak ada tindakan.

Imej yang kita kehendaki adalah satu imej Pusat Kewangan, di mana keyakinan pelabur-pelabur akan dapat diberi, diadakan di dalam laporan IMF, iaitu kajian yang telah dibuat kepada Pusat-pusat Kewangan. Pusat-pusat Kewangan Antarabangsa seperti New York, London, Tokyo, mereka ada undang-undang yang cukup, tetapi mereka juga ada penyeliaan dan penguatkuasaan yang cukup. Ini juga ada di dalam Pusat Kewangan Rantau seperti Hong Kong dan Singapura.

Pada ketika ini, Malaysia di dalam kajian IMF diletakkan di dalam senarai yang kedua. Di mana kita ada undang-undang yang cukup tetapi pengawalan, penyeliaan, tidak cukup dan kekurangan. Ini adalah isu saya. Jangan kita ada undang-undang sahaja, tetapi kita hendaklah mengadakan latihan dan tindakan kepada pegawai-pegawai kita supaya mereka dapat menguatkuasakan undang-undang. Menguatkuasakan dengan tidak mengadakan pemilihan. Sesiapa yang tidak mengikut undang-undang hendaklah disiasat dan dituduh serta tindakan akan diambil, barulah kita dapat mencapai satu prestasi yang memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur asing.

Di dalam beberapa tahun sebelum ini, ada contoh satu kes, komersial IBT telah diberikan lesen oleh lembaga dan pengarah telah membuat siasatan dengan sendirinya pergi ke pejabat tempatan di Melbourne, pergi ke Melbourne tanpa bekerjasama dengan agensi di Australia, tanpa pengetahuan mereka dan cuba mengambil maklumat dan rampas komputer.

■ 1200

Itu adalah memang salah melanggar undang-undang di Australia dan ini adalah contoh di mana kita hendak ada latihan yang sesuai supaya pegawai-pegawai kami dapat menjalankan tugas dengan sepatutnya. Begitu juga kuasa yang telah diberi untuk memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang lain. Kita juga hendaklah berwaspada kerana senang membuat tuduhan sesuatu institusi atau sesuatu individu membiayai keganasan. Namun kita hendaklah berjaga sebelum maklumat ini diberikan sebelum tuduhan yang diberikan bahawa siasatan teliti telah dibuat dan ada keterangan yang kukuh. Oleh sebab ini akan mengakibatkan kerugian yang terbesar jikalau maklumat ini diberikan dan tidak betul.

Oleh sebab kesemua ini, pandangan saya ialah kita hendak ada undang-undang ini. Undang-undang ini penting tetapi lebih penting ialah menaikkan taraf modal insan, latihan dan kecekapan pegawai-pegawai kita. Sekian terima kasih.

Beberapa ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

12.01 tgh.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mendahului perbahasan saya dengan satu petikan ucapan daripada Perdana Menteri yang lalu iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Ogos 1996 iaitu 12 tahun lalu, 6 tahun selepas *Labuan Offshore Financial Centre* ditubuhkan pada tahun 1991 itu.

Beliau berkata "Kita berkeyakinan penuh bahawa Labuan akan berjaya sepenuhnya sebagai sebuah LOFC dalam jangka masa 5 tahun sehingga 10 tahun yang akan datang. Bagi kita di Malaysia kejayaan di Labuan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada Pulau Labuan tetapi boleh juga dirasai kesannya di kawasan seberang Sabah".

Apa yang dijelaskan di atas mungkin merupakan satu mimpi 5 tahun yang lepas. Sekarang iaitu pada masa 1996, sekarang ini ia merupakan satu kemungkinan dalam 10 tahun akan datang ia mungkin menjadi satu kenyataan. Sudah dekat 12 tahun lepas sejak ucapan Tun Dr. Mahathir di Labuan. Adakah *Labuan Offshore Financial Centre* (LOFC) ataupun nama barunya *Labuan International Business Financial Centre* atau LBFC telah mencapai matlamat seperti yang dimimpikan oleh Perdana Menteri yang lalu?

Pada hakikatnya LBFC masih merupakan satu mimpi yang begitu manis. Seperti banyak lagi projek-projek yang dikendalikan oleh pihak kerajaan. Seperti kita katakan pada tahun 1986 kita hendak menjadi satu pusat kewangan perantaraan *first class* di Asia tidak dicapai. Kita hendak menjadikan MSC sebagai satu pusat IT, *Info Technology* di seluruh dunia tidak dapat dicapai dan lain-lain projek yang dikendalikan oleh kerajaan.

Mengikut laporan tahunan yang baru sahaja diterima pagi ini. Sebenarnya apa yang diminta oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi perangkaan-perangkaan yang dimintakan semuanya ada di dalam laporan tahunan yang diterima pagi ini oleh semua Yang Berhormat di sini. Semua ada di dalam. Dia kata jumlah syarikat di Labuan IBFC meningkat sebanyak 11% iaitu sebanyak 619 syarikat luar pesisir baru ditubuhkan.

Mengikut peratusan nombornya nampak agak *credible*. Akan tetapi kalau berbanding dengan pusat-pusat kewangan luar pesisir di negara lain seperti British Virgin Islands, Bermuda, Dublin dan lain-lain di mana beratus-ratus syarikat ditubuhkan setiap hari bukannya setiap tahun.

So, kalau kita hendak benar-benar membuat analisa pencapaian Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir kita mesti bukan sahaja melihat pencapaiannya mengikut peratusan tahun lalu berapa, tahun ini berapa kalau naik 20% *not bad*lah kita boleh kata. Kita mesti

membandingkan dengan pusat-pusat kewangan antarabangsa yang terunggul di dunia. Baru sahaja kita tahu tempat kita macam mana pencapaian kita, adakah amat perlahan? Adakah cemerlang? Adakah sederhana sahaja.

Labuan ingin menjadi sebuah pusat yang lebih menarik syarikat pegangan ataupun *holding companies* dengan dasar cukai yang rendah, 3% sahaja. Akan tetapi Labuan telah dikecualikan daripada persetujuan *double taxation* daripada 11 negara termasuklah negara-negara penting seperti Korea, Australia, United Kingdom, Jepun, Sweden dan Netherlands.

Apatah lagi negara Korea Selatan telah pun menetapkan Labuan sebagai pusat perlindungan cukai dalam satu senarai hitam ataupun dengan izin *black list*. Negara-negara Eropah melalui organisasi OECD atau *Organization for Economic Cooperation and Development* juga telah mengesyaki Labuan sebagai satu pusat perlindungan cukai yang boleh mendatangkan keburukan. Kerajaan Malaysia telah lalai dalam tugasnya mempertahankan Labuan sebagai satu pusat kewangan luar pesisir yang berintegriti dan bersifat bertanggungjawab supaya Malaysia tidak dimasukkan di dalam senarai hitam. Dengan tekanan perbadanan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, yang lain termasuklah *Financial Action Task Force* atau FATF yang memberikan tekanan kepada pusat kewangan jenis luar pesisir. Potensi perkembangan Labuan nampaknya terhad dan cabaran dihadapi oleh Labuan untuk menjadi pusat kewangan yang penting nampaknya amat besar.

Kerajaan telah pun memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk membangunkan kawasan Labuan dengan kemudahan bangunan pejabat dan lain-lain. Akan tetapi pulangan pelaburan kerajaan nampaknya amat kurang. Walaupun saya tidak ada statistik yang terkini. Boleh jadi menteri boleh menjelaskan dengan statistik yang terkini.

Pada tahun 2000, 10 tahun selepas pusat kewangan ditubuhkan. Bidang servis kewangan hanya menyumbang sebanyak 10% kepada ekonomi ataupun GDP Labuan yang bernilai RM300 juta. Ini bermaksud sumbangan sektor servis kewangan kepada GDP negara hanya sekitar RM30 juta pada tahun 2000. Saya harap angka ini sudah naik taraf berkali-kali ganda daripada tahun 2000. Bidang kewangan memerlukan ramai orang pekerja yang berilmu berpengetahuan. Oleh kerana itu kekurangan pihak pakar menjadi satu faktor lagi menjejaskan impian kerajaan menjadikan Labuan sebagai satu pusat kewangan yang menarik bagi pihak pelabur terutamanya daripada luar negeri.

Baru-baru ini pada tahun 2006, kerajaan mengambil langkah untuk memajukan perbankan Islam di Labuan. Di mana perbankan Islam luar pesisir diberikan hak menawarkan perkhidmatan mereka di seluruh Malaysia. Jikalau ditubuhkan di Labuan boleh memberikan perkhidmatan di seluruh Malaysia. Akan tetapi dasar ini macam dilaksanakan dengan secara huru-hara sikit, sebab dasar ini bercanggah dengan dasar perbankan Islam bukan luar pesisir dalam negara dan telah menimbulkan perselisihan dan pergentingan antara kuasa agensi kerajaan Bank Negara Malaysia dengan LOFSA.

Akhir sekali untuk mencapai taraf pusat kewangan yang cemerlang di dunia kita perlu menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan asas yang dapat diharapkan. Akan tetapi pihak pelabur masih sering mengadu-adukan perkhidmatan telekomunikasi yang kurang sempurna, bekalan elektrik dan air yang sering terputus di Labuan.

Oleh itu saya ingin supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan pendirian kerajaan terhadap isu-isu yang dibentangkan jika kementerian mengambil pendapat bahawa Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir masih lagi relevan dalam perkembangan dan pembangunan di Malaysia.

■1210

Apakah langkah-langkah yang revolusi bukan langkah-langkah kecil, bukan sahaja mengubah undang-undang seperti yang dilihat di hadapan kita tetapi mengambil langkah revolusi yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk memulihkan pelaburan besar yang telah pun dibelanjakan oleh kerajaan di Labuan selama 17 tahun ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

12.10 tgh.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setelah sahabat saya, Yang Berhormat PJ Utara membentangkan satu pembentangan yang amat kritikal, amat kritis kepada pembentangan Yang Berhormat Menteri akan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, saya kira hanya beberapa perkara sahaja yang saya boleh menambah.

Setelah satu dekad *Labuan Offshore Financial Services (LOFSA)* beroperasi lalu berlaku penjenamaan semulanya dengan Labuan yang disebutkan sebagai *Labuan International Business and Financial Centre (LBFC)* memanglah saya memulakan selaku rakyat di negara ini dan selaku Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini yang juga mahukan apa yang terbaik untuk negara ini.

Namun seperti apa yang telah ditegaskan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi, Ahli Yang Berhormat dari Selayang dan juga Ahli Yang Berhormat dari PJ Utara, pindaan undang-undang tidak cukup untuk membangunkan sebuah pusat luar pesisir yang berwibawa dan *attractive* yang sebenarnya sebagai pusat *offshore* ini memanglah ia merupakan suatu kegiatan kewangan luar pesisir yang hanya akan dapat menarik (*attract*) dan menggamit pelaburan seandainya ia memberikan apa yang terbaik kepada pelabur. Dalam bahasa lain, dengan izin "*Investors are the worst coward, they only go where they can return*". Ertinya pelabur adalah orang penakut yang hanya mahu melabur seandainya mereka pasti akan pulangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menambah beberapa perkara yang telah pun disebutkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat PJ Utara sebentar tadi. Pertamanya, saya cukup sedar dengan apa yang telah diberikan kepada semua Ahli Parlimen dan saya sempat untuk menyemak beberapa fakta. Kalaupun Yang Berhormat PJ Utara menyebutkannya dalam

bentuk yang agak kritis, yang membawa kepada suatu nafas yang pesimis, saya mungkin ingin berbeza sedikit supaya diberikan suntikan semangat kepada usaha-usaha di pusat perkhidmatan luar pesisir Labuan ini.

Dari sudut yang lain pula saya mahu memahami juga di sebalik seluruh pindaan ini apakah ia ada satu campur tangan internasional - antarabangsa sifatnya yang mungkin dalam rangka satu gagasan liberalisasi, *free market liberalization* yang dipelopori oleh *neoconservative* yang mahukan segala-galanya dibuka luas sehinggakan pendedahan (*disclosure*) *offshore* pun mahu mereka cerobohi. Itu adalah sesuatu yang tidak semestinya buruk tetapi kalaulah sasaran-sasarannya itu menumpu kepada kegiatan-kegiatan di samping *money-laundering* itu ataupun yang didakwa sebagai mahu memangsakan pihak-pihak tertentu seperti mana setelah September 11, beberapa peribadi-peribadi *internationally high network individual*, dengan izin, menjadi sasaran yang kini dalam erti kata *The Patriot Act, United States*, Amerika Syarikat.

Saya lebih curiga kalaulah pendedahan yang diminta itu bukan hanya membuka kepada badan-badan agensi kerajaan kita tetapi kepada pihak-pihak internasional. Memanglah baik kalau ia dibuka kepada suruhanjaya sekuriti - pendedahan kerahsiaan ini andainya ia memerlukan seperti mana juga BPR, kastam, imigresen dan selainnya. Namun kalau sudah sampai diangkat dan didedahkan kepada pihak-pihak antarabangsa yang kita kurang pasti ataupun yang kita tidak tahu sebenar-benarnya, ia mungkin akan menyasarkan kepada golongan-golongan tertentu yang didakwanya *terrorist*. Ia sepertimana satu masa dahulu seorang peribadi, tokoh ulama besar Islam antarabangsa seperti profesor Yussof Qardawi juga dimangsakan sebagai pihak yang ada hubung kaitnya yang kononnya dia memberikan pembiayaan kepada kegiatan-kegiatan *terrorist*.

Ini yang lebih kita khuatir. Kita bersetuju dengan *disclosure*, kita bersetuju dengan apa jua yang membawa kepada keadaan urus tadbir korporat yang baik khususnya di luar pesisir tetapi kalau ia bertujuan pada akhirnya untuk memenuhi agenda-agenda tertentu antarabangsa, maka ia perlu diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri apakah ia akan meletakkan kecurigaan kepada pihak-pihak tertentu khususnya tidak menjadikan pusat perkhidmatan luar pesisir kita sebagai satu yang *attractive* kerana kita sudah tergolong dalam satu *network* yang tidak lagi bersifat *offshore* seperti mana kerahsiaan adalah penting dalam menangani dan mengurus kehendak-kehendak *investors* seperti ini yang bersifat *boutique* pada bahasanya, dengan izin. Itu satu perkara yang ingin saya sebutkan dan mahu meminta pengulasan yang lebih *detail* daripada Yang Berhormat Menteri.

Adapun yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat PJ Utara tadi saya ingin lanjutkan, yang mana kalaupun disebut-sebut dan diuar-uarkan bahawa pusat luar pesisir Labuan ini akan menjadi satu pusat kewangan yang boleh bersaing dengan banyak lagi pihak terutamanya yang terdekat seperti Singapura mahupun Brunei. Namun apa yang kita perhatikan

sehingga kini, jumlah aset yang diurus tadbir di sana ada 53 bank yang beroperasi di Labuan IBFC dengan lima daripadanya menawarkan kewangan Islam sepenuhnya.

Adapun wang jumlah ataupun dana jumlah aset patuh Syariah, dengan izin *Syariah compliant* pada tahun 2007 mewakili hanya 4.5% daripada jumlah aset industri perbankan. Jadi, walaupun diuar-uarkan sebagai dengan gahnya bahawa itulah yang diharapkan *nichenya*, kelebihannya, tetapi pada hakikatnya ia tidak sedemikian. Tambahan pula seperti mana yang disebutkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat PJ Utara, kita dapati bahawa di sana juga berlaku persaingan antara apa yang dikatakan persaingan Labuan IBFC ini dengan apa yang disebutkan sebagai *the Malaysian International Islamic Financial Centre*.

Maka pertindihan dan persaingan itu walaupun dilihat mungkin secara positifnya sihat tetapi ia membawa satu signal yang juga tidak ketentuan sifatnya - *you're giving the wrong signal*. Jadi di situ satu yang lebih - *you must rationalize*. Ia perlu ada satu pemikiran yang *thinking through* supaya jelas kerana kalau terlalu banyak penindihan ini pun tidak baik pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara sebagai penambahan yang saya mahukan sebelum kita memberikan sokongan kepada usaha-usaha yang baik seperti ini. Namun *point* yang hendak saya sebutkan pada akhirnya seperti mana yang saya bangkitkan dalam usaha kita menarik pelaburan luar ataupun pelaburan FDI iaitu pelaburan langsung asing, salah satunya yang merupakan faktor utama yang menyebabkan kita kehilangan *competitiveness* adalah tidak adanya tenaga-tenaga mahir dalam sektor perkhidmatan khususnya perbankan dan kewangan - *high and of financial services*, dengan izin. Kita kalau tidak punya *knowledge workers* seperti ini, dengan izin, maka memang tidak dapat kita tarik pelaburan-pelaburan lebih daripada apa yang kita capai kini.

■ 1220

Apakah menteri juga dapat memberikan komentar tentang perkara itu kerana tambahan kalau tidak ada *personnel*, tidak ada mereka yang dilatih graduan dari sudut *financial services*, khususnya *both* iaitu *conventional and Islamic*. Maka, kita tidak merupakan tempat yang menarik dari sudut *knowledge intensity, knowledge workers* yang kita bekalkan.

Kita hanya membekalkan infrastruktur demi infrastruktur yang kita tahu siapa yang mengaut keuntungan dalam membina infrastruktur tetapi kepada *the knowledge content and the knowledge activities* dan *knowledge workers*, khususnya di bidang perkhidmatan, kewangan. Kita tidak nampak ia satu yang dibekalkan oleh kerajaan secara disusun atur ataupun secara dirancang supaya pembinaan, penjaan graduan-graduan dalam bidang ini dapat *commensurate* atau sejajar dengan kehendak pembangunan negara; ataukah sebaliknya nanti kita akan menyaksikan negara ini kembali kepada ekonomi yang hari ini jelas hanya berdasarkan dijana dan dipacu oleh komoditi dan bukannya *services* dan sektor pembuatan yang kian merosot dan sektor perkhidmatan seperti sektor kewangan yang kita sedang bincangkan ini.

Jadi atas perkara-perkara itu, tambahan kepada sahabat-sahabat Yang Berhormat saya yang telah berucap, saya mahu perkara itu diberikan komentar oleh Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya buat hari ini belum mahu untuk menyokong, sehinggalah kita lihat dan kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan-penjelasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Marang.

12.22 tgh.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Assalamualaikum dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyertai perbahasan meminda Akta LOFSA 1996 untuk menarik perhatian kerajaan berhubung dengan sistem muamalah Islam dalam segala aspek di mana muamalah Islam mula menjadi minat semua pihak termasuk dalam bidang perbankan, insurans dan lain-lain. Bukan sahaja di kalangan penganut Islam, bahkan di kalangan bukan Islam kerana wujudnya sifat tolong-menolong, bertimbang rasa dan menidakkan amalan penindasan serta monopoli ekonomi di kalangan tertentu.

Oleh itu sistem muamalah Islam ini perlu ditingkatkan, perlu diperbaiki, bukan sahaja untuk menarik pelanggan, dalam masa yang sama mestilah merasa tanggungjawab untuk melaksanakan Islam ke arah menghapuskan peringkat demi peringkat dan seterusnya menafikan muamalah riba yang masih wujud dalam negara kita. Bagi orang Islam, bukan sahaja muamalah riba ini satu dosa yang sangat besar yang diberi amaran keras oleh Allah di dalam Al-Quranulkarim. [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*].

Surah Al-Baqarah – yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman, takut dan bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggallah saki baki daripada muamalah riba. Sekiranya kamu terus menerus melakukan muamalah itu, bermakna kamu telah mengizinkan Allah dan RasulNya mengisytiharkan perang ke atas kamu. Jika sekiranya kamu bertaubat, ia tidak merugikan kamu. Bukan sahaja kamu mendapat pulangan modal yang sedia ada, di sana ada jaminan daripada Allah, pertolongan dan berkat...” – perkataan berkat tidak ada dalam istilah ekonomi Barat. “... dalam keadaan kamu tidak menzalimi dan tidak dizalimi.”

Oleh kerana itu dalam usaha kerajaan, saya mengalu-alukan peningkatan ke arah muamalah Islam ini, tetapi dalam masa yang sama tidak ada usaha untuk secara berperingkat menghapuskan amalan riba. Muamalah riba ini bukan sahaja untuk menghilangkan dosa bagi orang Islam tetapi untuk membebaskan penindasan ekonomi kepada semua pihak dan menolong semua pihak, termasuk pihak yang bukan Islam.

Dalam menangani penjajahan ekonomi yang menjadi penjajahan bentuk baru melalui institusi kewangan antarabangsa, Malaysia perlu menarik minat negara-negara Islam dan negara yang sedang membangun. Kita cuma tahu betapa negara-negara umat Islam diberi sumber ekonomi yang kaya raya, melimpah ruah, aset-aset yang banyak, harta benda yang banyak, sebahagian besarnya disimpan di negara-negara Barat, di Eropah dan Amerika.

Oleh kerana tidak ada jalinan tolong-menolong di antara satu sama lain, menyebabkan kita masih belum merdeka dalam bidang ekonomi. Rangkaian Negara EU yang tidak bersumber sebagaimana kita, boleh menjadi kuasa besar ekonomi kerana adanya rangkaian kerjasama antara satu sama lain. Oleh kerana itu, dalam meningkatkan usaha ke arah muamalah Islam, bukan sahaja undang-undang yang perlu dipinda, dalam masa yang sama tindakan-tindakan yang jelas dan tegas.

Saya ingin menarik perhatian dalam tahun 90-an pernah dicadangkan penubuhan G8 oleh bekas-bekas Perdana Menteri dan presiden-presiden beberapa buah negara Islam termasuk Tun Dr. Mahathir iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia, Profesor Najmudin Erbakan iaitu mantan Perdana Menteri Turki yang berusaha ke arah menubuhkan G8 untuk mewujudkan rangkaian kerjasama ekonomi di kalangan negara umat Islam termasuk dalam bidang kewangan. Bahkan pernah diuar-uarkan untuk membebaskan daripada *dollar* kepada dinar sebagai satu langkah yang bersungguh walaupun kita dapati usaha ini mendapat tentangan yang hebat daripada negara-negara Barat, ia tidak elok diberhentikan.

Kita mesti berani dalam meneruskan satu rancangan yang sangat baik ini. Saya ingin bertanya sejauh manakah G8 ini diusahakan dan penglibatan kerajaan kita dalam memajukan usaha yang sangat baik ini. Kita bukan sahaja perlu meminda undang-undang, akta demi akta, tetapi yang penting ialah menarik keyakinan semua pihak. Oleh kerana itu, pembinaan modal insan merupakan satu perkara yang sangat penting. Sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan kakitangan yang terlatih, bukan sahaja ke arah meningkatkan muamalah Islam, dalam masa yang sama ke arah meningkatkan mutu kerja yang menjadi contoh dan teladan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

12.29 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap sedikit sebanyak mengenai tujuan kerajaan untuk membentangkan rang undang-undang ini. Tadi saya dengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tujuan membentangkan rang undang-undang ini adalah untuk *anti-money laundering activity*, tetapi saya ada kecurigaan atas adakah itu sebenarnya tujuan kerajaan untuk meluluskan rang undang-undang ini.

■1230

Saya ingin menyebutkan satu contoh nanti. Rang undang-undang ini dibentangkan, tujuannya nampaknya adalah untuk memberi kuasa kepada autoriti iaitu LOFSA untuk menjalankan dan menyiasat dan selepas itu mendakwa sesiapa yang telah melanggar *money laundry activity*. Ia merupakan satu undang-undang untuk *facilitate* penyiasatan dan tujuannya yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah untuk mencegah *money laundry* di negara kita.

Namun begitu, kalau kita lihat apa yang telah dilakukan oleh kerajaan kebelakangan ini, saya merasa curiga tentang tujuan yang benar atau *the ulterior motive* kerajaan untuk membentangkan rang undang-undang ini. Contoh yang saya akan sebutkan adalah satu peristiwa yang telah dilakukan di Sabah. Penyiasatan ACA terhadap Yong Teck Lee, selepas Yong Teck Lee sebutkan bahawa dia mahu membentangkan satu *vote of no confident motion* terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dua hari selepas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *No*, ada kaitan. Ada kaitan, memang ada kaitan kerana ini saya sekarang...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Apa kaitannya?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya mempersoalkan kerajaan atas tujuan sebenarnya untuk membentangkan rang undang-undang ini, supaya dapat menyiasat *offshore account*. Mungkin *offshore account* yang dipegang oleh ramai Yang Berhormat dari Sabah. Dahulunya mereka tidak dapat siasat. Sekarang mereka boleh siasat supaya kalau ada lagi orang yang hendak *move a motion of no confidence against the Prime Minister*, boleh siasat sekarang. Adakah rang undang-undang ini, seperti apa yang dikatakan, 'undang di sebalik batu'. Oleh itu, saya ada curiga. Saya curiga rang undang-undang ini selepas ia diluluskan, tidak disalahgunakan.

Saya hendak memetik satu *statement* yang disebutkan oleh *Director General of ACA* atas tindakan siasatan terhadap Yong Teck Lee. Dia kata dengan izin, "*We are investigating based on a statement made by a witness in a court case, which was made under oath. It has nothing to do with politics. It is just a mere coincidence that his name came out in a trial and we decided to investigate him when he has embroiled in a political turmoil. Our decision has nothing to do with politics*". Adakah *statement* ini benarkah? Adakah kerajaan benar-benar jujur?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Laluan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta laluan, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Ini, apa kena-mengena dengan *offshore*? Kalau ada kena-mengena pun pasal Labuan itu di dalam surat khabar. Lain kali cakap ikut rang undang-undang yang mahu dibahaskanlah. Jangan buang masa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat peluang untuk minta penjelasan. Bukan untuk Yang Berhormat membuat atau menjelaskan pendirian Yang Berhormat. Apakah soalan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah salah guna. Salah guna peraturan mesyuarat yang juga yang saya sebut tadi itu adalah salah guna Akta *Anti-corruption*.

Satu salah guna undang-undang untuk mengukuhkan kuasa politik Barisan Nasional. Apa yang berlaku dalam kes itu telah berlaku beberapa tahun lalu.

Kenapa semasa Yong Teck Lee di dalam Barisan Nasional, dia *behave well*. Satu, dua hari selepas dia hendak tunjukkan satu perasaan untuk bertentang terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia terus disiasat dan semangat inisiatif...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Salah tajuklah!!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Semangat inisiatif yang ditunjukkan oleh ACA dalam kes itu amatlah memeranjatkan saya. Dua tahun lalu di *last term, during the last Parliamentary terms*. Saya pun ada menyebut mengenai satu aduan terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ia mengenai isterinya mempunyai terlalu banyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya minta balik kepada LOFSA.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ini ada kaitan. Ini adalah untuk menunjukkan, kita hendak tahu apakah tujuan, matlamat utama yang benar kerajaan untuk meluluskan, membentangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, lagipun Bandar Kuching, isu Ketua Menteri Sarawak telah pun dijawab oleh menteri pada sesi yang lalu. Tidak payah bawa lagi Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, benar. Apa yang saya hendak tunjukkan contohnya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Di luar pesisirlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perbezaannya. Masa itu, semasa saya bangkitkan isu ini, apa yang Yang Berhormat Menteri, saya ada jawab adalah, "You boleh pergi buat laporan ACA. Nanti ACA barulah siasat". Kenapa dalam kes itu, kerajaan perlu suruh saya buat satu laporan terhadap ACA, barulah ACA siasat? Di kes Yong Teck Lee, tidak ada laporan. Tidak ada apa-apa laporan, hanya apa yang dikatakan oleh satu seseorang. Seseorang.

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan urusan Yong Teck Lee ini. Ini urusan *offshore*. Tidak ada kena-mengena dengan urusan Yong Teck Lee.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Siapakah yang bercakap?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat dari Labuankah? Bolehkah Yang Berhormat dari Labuan *declare interest* sama ada, ada akaun dalam *offshore account*kah?

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: Kalau Yang Berhormat pun naik, Yang Berhormat ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You declare interest.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Bandar Kuching, sebentar. Yang Berhormat Labuan Perkara 41(e) kerana bersopan ketika minta laluan untuk bercakap. Kita tidak boleh *tolerat* telah Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan sambil duduk sambil bercakap. Pencatat pun tidak boleh nampak siapakah yang sedang bercakap. So, kita akan mohon secara *proper* dan minta izin kepada yang sedang berucap. Terima kasih. Ya, teruskan Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Pohon penjelasan, pohon penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh, silakan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Adakah kemungkinan BPR ingin lihat kemungkinan, jenayahnya itu dilakukan *offshore* di luar pesisir. Ada kemungkinan begitukah? BPR mungkin ingin mengkaji, kemungkinan, kemungkinan, seribu satu kemungkinan. Kemungkinan dia melakukan jenayah itu *offshore*, ada kemungkinankah itu? *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kemungkinan juga Pegawai Khas Menteri Besar Selangor.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kemungkinan, kemungkinan ini *can be cooked up, can be cooked up* Saya percayalah, sebab utamanya dia disiasat bukanlah adalah kerana korupsi, atau *offshore account*. Sebab utama dia disiasat adalah kerana ia adalah *Chairman*, Presiden SAPP dan ia telah mengarahkan supaya MPnya membentangkan satu *no confidence motion* terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■ 1240

Oleh itu saya amat khuatir selepas rang undang-undang ini diluluskan dalam Dewan ini, adakah ia akan disalahgunakan lagi, memberikan satu senjata kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya untuk *victimize* sesiapa yang hendak mencabar kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Jika ini adalah tujuan sebenarnya, bagaimana Dewan yang mulia ini boleh meluluskan satu rang undang-undang yang akan digunakan hanya untuk mengukuhkan kuasa politik Barisan Nasional.

Oleh itu saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas apa jaminan Kerajaan Barisan Nasional boleh berikan kepada Dewan yang mulia ini supaya sekiranya kita memberi kuasa kepada kerajaan dengan meluluskan rang undang-undang ini kononnya untuk mencegah *money laundering activity*? Apakah *guarantee* nya kita dapat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya ia tidak akan disalahgunakan oleh Barisan Nasional dan kini kerana Sabah mempunyai *potential politician that will crossover to* Pakatan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu ada niat jahat terhadap MP Sabah Yang Berhormat. Tidak boleh buat *accusation* macam itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, tidak. Tidak ada niat jahat. Ada *potential*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai MP daripada Sabah di sini, tidak boleh tuduh MP Sabah buat macam itu Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya kata ada *potential* dan ini satu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Menyampuk]

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Minta tarik balik itu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah satu tindakan yang mulia untuk rakyat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua, minta tolong tarik balik perkataan itu, tidak betul, tidak ngam.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak ngam? Sekurang-kurangnya ada dua orang boleh di *classified* sebagai ramai. Sekurang-kurangnya ada dua dari SAPP yang berpotensi untuk *join opposition*. Oleh itu saya fikir ini adalah satu *reasonable statement*, yang *fair statement*. Oleh itu saya fikir tidak payahlah saya tarik balik. Saya haraplah supaya kerajaan boleh bertindak dengan *fair* dan *judge* adil. Janganlah salah gunakan akta-akta, kuasa-kuasa yang diberi oleh Dewan yang mulia ini untuk *to further your political ambition*. Dengan kata-kata ini saya, sekianlah terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Sungai Siput.

12.44 tgh.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita kaji akta itu dia adalah jelas bahawa ada satu pemindahan yang utama iaitu kerahsiaan diutamakan, diketatkan dan artikel-artikel lain, seksyen-seksyen lain untuk penyeliaan tidak begitu dikuatkan. Untuk Dewan ini untuk buat satu keputusan yang baik untuk negara, Dewan ini harus diberitahu beberapa perkara yang penting berkaitan dengan Pusat Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ataupun LOFSA. Satu ialah, bagaimanakah kredibiliti LOFSA ini di kalangan institusi antarabangsa dan juga di negara-negara lain.

Adakah benar LOFSA ini disenaraihitamkan oleh beberapa negara termasuk Korea Selatan kerana sangkaan transaksi haram seperti *money laundering* telah pun berlaku di Labuan kerana pemilihan tidak begitu berkesan. Ini dikatakan juga oleh wakil rakyat daripada PJ Utara dan saya harap Menteri Kewangan akan *address* isu ini, *what is credibility of Labuan?* Dalam satu keadaan di mana ketelusan dan kredibiliti LOFSA ini diragui oleh pihak institusi kewangan antarabangsa, saya tidak faham rasionalnya, seksyen baru 17(A) yang ingin mengetatkan kerahsiaan.

Menteri Kewangan harus memberitahu kita di Dewan apakah perlunya seksyen 17(A) ini. Dalam Akta Ibu LOFSA, wujudnya peruntukan untuk kendalikan pembocoran rahsia. Seksyen 20 berkaitan dengan disiplin beri cukup kuasa kepada Lembaga LOFSA itu untuk ambil tindakan atas sesiapa yang membocorkan rahsia. Jikalau Seksyen 70(A) dimasukkan dalam akta, ini akan wujudkan satu situasi yang pelik di mana kegagalan *disclosure of interest* dengan izin, ini dilindungi dalam Seksyen 17 Akta Induk. Kegagalan *disclosure of interest* membawa denda maksimum sebanyak RM250,000 itu dalam Akta Induk. Dalam pindaan ini 17(A) berkenaan dengan kerahsiaan, sesiapa yang membongkarkan kerahsiaan boleh didenda sebanyak RM500,000.

Ini wujudkan situasi di mana seorang yang membuat kesalahan, katakan seorang dalam lembaga itu ada *interest* tidak beritahu. Dia hanya mendedahkan RM250,000 manakala seorang yang *whistle blower* itu akan dikenakan denda yang lebih tinggi. Jadi ini peliklah, *whistle blower is penalise more* daripada orang yang buat kesalahan. Kita rujuk balik kepada matlamat utama LOFSA dalam Seksyen 3 Akta Ibu itu ialah untuk memperkembangkan Labuan sebagai satu *offshore centre*, satu pusat kewangan luar pesisir.

Pada masa ini untuk meningkatkan daya saing LOFSA ini adalah lebih penting kita memantapkan prestasi LOFSA. Untuk memupuk keyakinan institusi kewangan antarabangsa di negara lain, adalah perlu ketelusan, transparensi, penyeliaan di LOFSA itu ditingkatkan. Jadi apa yang perlu sekarang bukan untuk mengetatkan kerahsiaan tetapi untuk mempertingkatkan penyeliaan, transparensi. Jadi saya pohon seksyen baru 17(A) digugur daripada pemindahan ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, yang lain sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Budi bicara Tuan Yang di-Pertua, kenapa disekat kebebasan wartawan untuk membuat liputan? Selama 50 tahun Parlimen ini tidak pernah kita sekat para wartawan untuk menemui sesiapa sahaja pun di Parlimen ini. Jadi peraturan mana dipakai menyekat wartawan-wartawan kita tidak boleh lagi berlegar untuk menemui menteri, timbalan menteri, Ahli-ahli Parlimen. Cuma dikhaskan satu tempat khas, jadi kerja-kerja mereka ini akan terganggu dan ini merugikan kita kerana mereka membuat laporan yang akan ditatap yang akan dibaca oleh seluruh rakyat.

Jadi saya harap budi bicara Tuan Yang di-Pertua benarkanlah semula mereka bergerak. Ini bukan mengganggu, mereka hanya hendak menjalankan tugas rasmi mereka, mewakili akhbar-akhbar mereka untuk faedah kita bersama Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah budi bicara Tuan Yang di-Pertua membenarkan semula dan menarik balik larangan-larangan yang dikenakan sebelum ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keprihatinan mendengar saya

punya celahan dan haraplah keprihatinan Tuan Yang di-Pertua akan dikuatkuasakan 2.30 petang ini nanti.

■1250

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk makluman Yang Berhormat Sri Gading, perkara ini telah pun dikemukakan awal persidangan kita pagi ini. Saya mendengar daripada CCTV di pejabat bahawa satu keputusan telah pun dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan sidang sebelum ini dan satu keputusan untuk berbincang semula terhadap perkara ini. Sama-sama kita tunggu nanti keputusan seterusnya terhadap isu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Tumpat.

12.50 tgh.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai. Kemudian saya jemput menteri untuk menjawab.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, saya akan cakap amat ringkas sekali. Bidang kewangan perbankan Islam ini adalah amat penting sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Marang awal tadi. Saya membaca laporan bahawa dalam dunia ini, *Islamic finance asset* dengan izin iaitu jumlah dana yang dianggap islamik bernilai USD1.3 trilion. Ini adalah suatu angka yang besar dan kita membaca laporan-laporan bahawa di seluruh dunia ini ada tiga paksi perbankan yang sedang mencabar Malaysia untuk mengambil sebahagian besar daripada USD1.3 trilion ini. Kota-kota yang cuba mengambil alih perniagaan kewangan perbankan Islam ini ialah London, Hong Kong dan Singapura.

Jadi, sebagaimana biasa kita akan menyokong usaha-usaha kerajaan yang baik, berkepentingan rakyat dan yang berasaskan kepada falsafah yang menguntungkan, memberikan rahmat kepada seluruh makhluk, seluruh insan. Oleh sebab itu, kita ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya memastikan kedudukan Labuan ini tidak tergugat, tidak dicabar dan tidak diambil alih perniagaannya oleh kota-kota London, Hong Kong dan Singapura itu.

Mengikut laporan yang saya ada, dikatakan bahawa Hong Kong, Singapura dan London ini sedang berusaha untuk mewujudkan suasana menarik yang lebih daripada Labuan atau Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur khususnya daripada Timur Tengah ini. Ada dalam laporan ini menyebutkan misalnya dikatakan bahawa Hong Kong sedang menimbang untuk memotong atau membatalkan terus duti setem kepada sebarang bentuk perbankan kewangan Islam yang dilakukan di Hong Kong.

Begitu juga dilaporkan bahawa Singapura sedang mewujudkan garis panduan untuk perniagaan Sukuk untuk Singapura. Jadi ini adalah cabaran-cabaran yang jelas terutama sekali

jika kita mengambil kira bahawa di Singapura misalnya dilaporkan ada orang-orang yang berasal daripada Indonesia yang tinggal di Singapura. Sudah tentu akibat daripada pergolakan politik di Indonesia dalam tahun 1998 dan sebagainya selepas kejatuhan Presiden Suharto, dikatakan ada 19,000 individu Indonesia yang tinggal di Singapura. Mereka ini mempunyai aset kewangan bernilai USD93 bilion jumlahnya. Jadi kewangannya cukup besar sekali sama ada di Singapura, Hong Kong ataupun di London.

Jadi kita ingin menyeru supaya keadaan dan kedudukan Labuan itu dipertingkatkan lagi dan supaya tuduhan-tuduhan sebagaimana yang kita dengar tentang penyelewengan-penyelewengan rasuah dan sebagainya ditiadakan seboleh-bolehnya. Ini supaya kita masih lagi dapat mempertahankan diri kita menandingi London, Hong Kong dan Singapura. Oleh kerana Labuan ini adalah sebahagian penting dalam negara kita yang mana asalnya ia adalah sebahagian daripada Sabah dan supaya kita tidak nampak sangat bahawa kita ini ingin menganaktirikan Sabah, apa salahnya jika Labuan itu kita timbangkan dipulangkan balik kepada Sabah. Biarlah kemasyhuran Labuan ini, kehebatan Labuan ini dirasai sama oleh rakyat Sabah dan masyarakat Sabah.

Ini saya fikir adalah pendekatan yang harus kerajaan lakukan. Kalau tidak kerajaan baru akan lakukan juga supaya ada perubahan-perubahan yang penting yang berlaku dalam negara kita bukan sahaja dalam bidang politik tetapi juga dalam bidang kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

12.56 tgh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum WBT. Saya ucap terima kasih kerana beri peluang untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang yang ada di depan kita ini. Perkhidmatan Kewangan Pesisir ini yang menarik perhatian dan menarik pelabur-pelabur ialah kerana kerahsiaan yang akan diperoleh bagi mereka yang menggunakan perkhidmatannya. Sebab itu ia disebut Pesisir dan yang *special* tentang dia yang itulah. Kalau tidak orang gunakan sistem-sistem yang lain dan kebangkitan sistem Perkhidmatan Kewangan Pesisir ini di tempat-tempat lain maju kerana orang meyakini bahawa maklumat-maklumat yang mereka ada rahsia. Akan tetapi ini tidak membenarkan, tidak membolehkan kita membenarkan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang seperti *money laundering* berleluasa di tempat sedemikian. Jadi undang-undang yang ada ini saya rasa mencukupi untuk memelihara kerahsiaan dan juga memelihara daripada disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi dalam bab ini, seksyen baru 17A itu saya rasa munasabah iaitu tidak boleh didedahkan maklumat oleh mana-mana ejen atau perunding bagi lembaga yang berkenaan kepada mana-mana pihak melainkan mendapat kebenaran daripada mahkamah. Saya rasa memberikan mahkamah kuasa ini, itulah yang terbaik. Mengembalikan wibawa mahkamah tetapi

dalam *same breath*, dalam nafas yang sama dia kata “atau di bawah undang-undang yang bertulis”. Artinya ada benda-benda tak perlu melalui mahkamah tetapi melalui undang-undang yang bertulis. Dalam bab ini pula, dalam rang undang-undang yang sama dibuat pindaan supaya lembaga ini boleh pula akses kepada semua maklumat-maklumat ini untuk seolah-olah mengambil tindakan kepada mana-mana pihak tanpa melalui mahkamah.

Jadi ada perkara yang menghalang tetapi dalam undang-undang yang sama membenarkan pula kebebasan ini sehingga menimbulkan kurang yakin nanti kepada orang yang hendak menggunakan perkhidmatan ini terhadap kerahsiaan mereka. Kalau betul apa yang dikatakan Yang Berhormat Sungai Siput tadi, sebenarnya kita menghadapi tekanan daripada pihak-pihak tertentu untuk mewujudkan perkara ini kerana mereka khuatir ada pelabur-pelabur ataupun pengguna-pengguna yang mahu menyimpan dana di sana dikhuatiri datang daripada sumber-sumber yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi iaitu dianggap sebagai *terrorist*. Ini dikaitkan selalunya dengan *terrorist* Islam yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat tadi mempunyai dana yang cukup besar. Yang sebenarnya mereka ini bukan *terrorist* tetapi oleh kerana mereka ini dilihat sebagai pemegang dana daripada kalangan orang Islam, maka menimbulkan kekhuatiran.

Maka ini kalau kita luluskan tanpa penjelasan yang tepat, akan menimbulkan keraguan daripada rakan-rakan kita yang memang daripada Timur Tengah misalnya mempunyai dana yang cukup banyak yang mungkin berminat dengan Labuan ini. Akan tetapi oleh kerana kita memudahkan maklumat ini diserahkan kepada lembaga untuk didedahkan, kemungkinan ini akan mengurangkan minat mereka terhadap LOFSA ini.

Jadi, saya pun tidak faham macam mana satu rang undang-undang ini boleh mengawal pada satu tempat, kemudian melonggarkan pula pada tempat yang lain sehingga hilang kewibawaan kita. Jadi saya berharap kita mendapat penjelasan. Kita mengharap dapat penjelasan daripada pihak menteri supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi, ketidakpercayaan orang lain akan menggugat kejayaan Labuan yang kita anggap muda lah dalam konteks Kewangan Pesisir ini, Labuan dianggap muda dan belum mencapai tahap beberapa tempat-tempat lain yang memang terkenal.

Kita tidak boleh *tolerate* kepada *money laundering*. Itu jelas kerana ini mungkin digunakan untuk tujuan-tujuan yang salah seperti perjudian, *corruption* tetapi kita tidak boleh menghalang kemasukan dana yang sah yang dikaitkan pula dengan anasir-anasir yang tak betul. Jadi, kita tidak mahu Malaysia ini ditekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi ke Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Habis dah, tak sambung dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau tak, boleh sambung petang.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak, dah nak habis dah. Ayat yang terakhir. Jadi, sebab itu kita harap undang-undang tidak diwujudkan kerana kita mendapat tekanan daripada pihak tertentu, kuasa barat misalnya untuk mendedahkan nama-nama dan penyimpan-penyimpan yang besar daripada kalangan pelabur-pelabur besar daripada kalangan orang Islam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendapat permintaan untuk melanjutkan perbahasan ini. Jadi keputusan saya untuk mengatakan selepas Yang Berhormat Kuala Krai saya batalkan dan perbahasan akan dilanjutkan pada jam 2.30. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat hingga pukul 2.30 petang ini. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Siapa Ahli Yang Berhormat yang berbahas tadi sebelum ditangguhkan? Sila, sila.

2.32 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sedikit saja untuk menyentuh soal pindaan akta ini.

Dulu sewaktu kita menubuhkan akta ini pada tahun 1996 ialah untuk membolehkan institusi kewangan negara kita ini dapat memberikan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang ingin membuat pelaburan ataupun membuka kilang berurus niaga atau menjalankan kerja-kerja pembinaan di luar negara. Jadi mereka dapat membuat pinjaman melalui institusi kewangan tempatan yang berpangkalan di Labuan bagi membolehkan wang dikeluarkan daripada negara kita keluar negara.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah apa yang berlaku sebelum ini ialah pengeluaran wang ini dikeluarkan dengan terlalu begitu mudah tanpa ataupun mungkin kerana keghairahan institusi kewangan dalam negara kita ini untuk mengeluarkan ataupun memberikan pinjaman kepada syarikat-syarikat ini.

Jadi akhirnya kita lihat bahawa penyiasatan terhadap syarikat-syarikat itu untuk menentukan *genuinenya* syarikat ataupun syarikat yang sebenarnya ataupun taraf kedudukan syarikat itu agak terlalu longgar. Sehingga akibatnya berlaku antara kes bagaimana institusi kewangan negara kita mengalami kerugian yang besar dalam operasi pinjaman luar negara misalnya Bank Islam yang kerugian sebanyak RM300 juta pada satu ketika dulu. Jadi tujuan pindaan yang dibuat ini ialah untuk memastikan salah satunya ialah untuk pastikan syarikat betul-betul syarikat yang *genuine* yang bukan syarikat *dummy* yang boleh dipergunakan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan kewangan yang meragukan.

Cuma masalahnya sekarang ini ialah sejauh mana kemampuan, keupayaan, kesungguhan dan komitmen yang boleh dibuat oleh kerajaan khususnya melalui Bank Negara ini untuk membuat pemantauan terhadap syarikat-syarikat ini. Ini kerana selama ini pun kalau kita melihat bahawa kemampuan keupayaan Bank Negara untuk mengambil tindakan memantau syarikat-syarikat yang mengutip wang tanpa lesen pun agak sukar untuk dilakukan. Jadi bagaimana dalam keadaan sebegini untuk membuat pemantauan terhadap syarikat-syarikat yang begitu berstrategi untuk melakukan perkara-perkara yang bersifat penipuan dan sebagainya. Jadi kita tidak mahu nanti pindaan yang kita buat ini yang akhirnya hanya berada di atas kertas tetapi tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang berkesan itu tidak boleh dilakukan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Kepong. Bagi panjang sikit ya Kepong.

2.36 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak panjang. Memang tidak panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya minta bagi panjang, Kepong bilang tidak panjang. Saya mahu kalau boleh bagi panjang sikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi panjang sikit. Bagi saya ceria saya sikit Kepong tengah hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, itu pindaan pun bukan panjang. Bukan panjang. Itu tujuan untuk memperuntukkan bahawa lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat mengenai perlakuan *fraud*, kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan membiayai keganasan atau mana-mana kesalahan jenayah. Itu saja.

Jadi di sini saya hendak menyeru supaya pihak kementerian dapat memastikan penguatkuasaan dan interaksi di antara atau kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat di dalam usaha untuk memantau wang-wang yang terlibat di dalam LOFSA kita ini.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, kita jadi ahli IMF. *International Monetary Fund* memang memantau keadaan pusat-pusat luar pesisir ini dan kita dilonggokkan di dalam *group* dua kalau tidak silap saya. *Group* satu Dublin, Hong Kong, Singapura dan *group* dua ini kita. *Group* dua bersama-sama dengan Bahrain, Bermuda dan sebagainya. Adakah ini berhasrat menjadi *group* satu? Mengapa setakat baru saja kita nak meminda undang-undang kita untuk *money laundering* ini. Setakat ini daripada 6,297 syarikat didaftar di LOFSA, berapakah yang terlibat dengan kegiatan jenayah yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya setakat mana pihak LOFSA dapat mengenal pasti kes-kes jenayah termasuklah koktel-koktel dadah dan sebagainya. Setakat mana kita mewujudkan kerjasama agensi penguatkuasaan dari segi darat, udara dan laut, begitu juga kerjasama kita dengan *Interpol*. Bagaimana kita terlibat di dalam semua ini dan adakah akibat penyiasatan IMF atau desakan IMF kita kemukakan rang undang-undang?

Seterusnya saya hendak mengetahui setakat mana keberkesanan akta ini dengan undang-undang yang sedia ada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita nampak aktiviti misalnya aktiviti *money laundering* dan juga *financing of terrorism*. Memang wujud beberapa kelemahan-kelemahan di dalam usaha kita untuk mengatasi ini.

■1440

Di sini Tuan Yang di-Pertua, setakat mana pihak kementerian dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan kita untuk mengatasi *money laundering* dan juga *financing of terrorism* kerana ini merupakan satu perkara yang sangat penting bagi kita untuk mengatasinya.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, nampaknya industri perbankan luar pesisir ini jumlah asetnya sudah meningkat kepada USD27 bilion dan apakah unjuran kita untuk jumlah aset ini? Juga di dalam aktiviti, kita nampak perniagaan pemajakan luar pesisir yang setakat ini kumulatifnya sudah meningkat kepada USD14.1 bilion dan industri insurans iaitu insurans semula yang mencatat sehingga hampir USD1 bilion.

Di sini kita ada keistimewaan sedikit dan saya harap dapat diteruskan dan diperkukuhkan mengenai aset berasaskan Islam di Labuan IBFC. Kita nampak ada perkembangan sehingga di dalam aset ini meningkat kepada USD1.2 bilion untuk aset berasaskan Islam, dan kita juga telah wujudkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan. Di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak ada inisiatif oleh pihak LOFSA untuk mengukuhkan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap kepada Institusi Kewangan Labuan IBFC. Setakat mana kita berjaya untuk mewujudkan rangka kerja cukai yang lebih fleksibel?

Itulah yang dihasratkan Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak rangka kerja cukai yang lebih fleksibel. Hendak rangka kerja undang-undang yang lebih kondusif. Saya pun tak fahamlah apa yang disebutkan sebagai kondusif. Pada rang undang-undang ini kita hendak menyekat aktiviti-aktiviti yang berunsurkan jenayah dan sebagainya dan di sini kita hendak undang-undang yang lebih kondusif. Macam mana? Saya tak fahamlah definisi kondusif ini dan juga struktur penentuan harga yang lebih kompetitif dan fokus pemasaran baru untuk Labuan IBFC dan di sini kita ada *niche* atau kitaran perniagaan dalam syarikat induk dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Labuan, kita nampak ada nama syarikat dan kadangkala pejabat itu kecil sahaja. Tak nampak apa-apa dan saya pun tak tahulah. Saya tak begitu fasih di dalam hal IBFC ini dan ada juga satu inisiatif yang disebutkan komitmen yang lebih tinggi bagi memudahkan perniagaan insurans *captive* dan sebagainya.

Di sini dengan adanya undang-undang sedemikian, bagaimana kita dapat meningkatkan komitmen kita dalam perkhidmatan pelanggan? Bagaimana kita wujudkan komitmen dalam meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan sementara itu kita meningkatkan usaha untuk pengawalseliaan dengan berterusan supaya reputasi Malaysia... Saya pun mengambil perhatian

kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi ini, dia sebutkan hendak menaikkan reputasi Malaysia. Macam mana kita naikkan?

Saya pun berharaplah ini bukan satu pusat yang boleh menjadi satu tempat tumpuan kepada para penjenayah untuk bertapak di Labuan, untuk *money laundering* dan aktiviti jenayah yang lain dan sama-samalah kita mesti jaga reputasi kita sambil kita mewujudkan satu pusat luar pesisir yang boleh dibanggakan. Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Peraturan Mesyuarat 94. Pagi ini Yang Berhormat Bagan ada membangkitkan berkenaan isu di mana para wartawan telah dilarang untuk ke beberapa kawasan terutamanya di halaman lobi ini dan Timbalan Yang di-Pertua ada maklumkan akan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang seorang lagi. Jadi saya hendak tahu apakah keputusannya? Kita tak boleh membiarkan perkara ini berlanjutan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Jadi saya pohon satu keputusan agar kita boleh bersama-sama memainkan peranan dengan para wartawan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih saya sudah faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Dan tidak membenarkan mereka sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Gajah terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sering kali mengingatkan mengenai dengan *point of order* ataupun peraturan mesyuarat. Saya baru sahaja jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan ini. Berkhidmat dalam Parlimen pun tidak lama dahulu. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah berpuluh-puluh tahun berkhidmat di sini. Yang Berhormat Bukit Gelugor 26 tahun.

Pengertian saya kepada peraturan mesyuarat apabila seseorang Ahli Yang Berhormat berdiri untuk membangkitkan peraturan mesyuarat ataupun *point of order*, ianya bermaksud untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada kecacatcealaan mesyuarat yang berkenaan ataupun ada seseorang Ahli yang sedang berucap dan telah melanggar peraturan mesyuarat. Akan tetapi apabila seorang Ahli Yang Berhormat berdiri lepas itu membangkitkan pasal mesyuarat dengan hal-hal lain yang tidak kena-mengena dengan peraturan mesyuarat, saya mahu tanya dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor bantu saya dalam soal ini. Adakah itu *proper* atau tidak? Atau sengaja bangkitkan dengan soal itu oleh kerana agenda-agenda yang di luar maksud dan objektif peraturan mesyuarat?...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: ...Saya belum siap, saya belum siap Yang Berhormat Batu Gajah. Saya belum siap. Saya habiskan dahulu. Mengenai dengan soalan yang dibangkitkan itu walaupun ianya tidak melibatkan peraturan mesyuarat, itu adalah tindakan pentadbiran Parlimen yang menulis surat kepada editor-editor surat khabar tertentu meminta budi bicara mereka sudi kiranya kalau mengehadkan lima orang sahaja atas sebab-sebab tertentu. Jadi

sekarang ini kita sedang menunggu jawapan daripada surat-surat khabar yang berkenaan. Jadi yang saya hairan ini sejak bila pula Yang Berhormat Bagan menjadi editor surat-surat khabar dan sekarang ini pula Yang Berhormat Batu Gajah mahu jadi editor dari surat khabar mana?...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang Berhormat Batu Gajah saya belum habis lagi bercakap. Jadi biarlah kita tunggu dahulu. Kalau misal kata ada rayuan daripada editor-editor surat khabar, mereka akan balas surat daripada Dewan Rakyat. Begitu juga apabila seseorang Ahli Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, maka Peraturan Mesyuarat 43 bolehlah minta supaya dikaji semula dan bawa usul bersendirian.

Jadi sekarang saya sedang menunggu reaksi daripada surat-surat khabar yang berkenaan. Baru saya boleh buat keputusan, kerana saya mahu dengar juga alasan-alasan mereka yang tertentu kerana bagi saya, saya sekali lagi tidak mahu mengkompromikan keselamatan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang sedang bertugas di sini. Adakah betul mereka yang datang itu apabila mengenakan satu lencana sebagai *press*, adakah mereka itu *press*?

■1450

Jadi biarlah kita sama-sama tunggu. Kalau misal kata ada rayuan daripada editor-editor surat khabar, mereka akan balas surat daripada Dewan Rakyat. Begitu juga apabila seseorang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, maka Peraturan Mesyuarat 43 bolehlah minta supaya dikaji semula. Bawa usul bersendirian.

Sekarang saya sedang menunggu reaksi daripada surat khabar-surat khabar yang berkenaan baru saya boleh buat keputusan, kerana saya mahu dengar juga apa alasan-alasan mereka yang tertentu kerana bagi saya, saya sama sekali tidak mahu mengkompromikan keselamatan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang sedang bertugas di sini, adakah betul mereka yang datang itu apabila mengenakan satu lencana sebagai *press*, adakah mereka itu *press*, jadi biarlah kita sama-sama tunggu apa alasan-alasan editor ini.

Tidak payahlah Ahli-ahli Yang Berhormat mahu bangkitkan isu begitu. Saya, Ahli Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Bukit Gelugor saya mahu muka saya hari-hari di corong TV, saya mahu juga liputan bagi diri saya ber*page-page* ataupun berlembar-lembar tetapi jangan kita salah fokus.

Saya tidak mahu juga Ahli-ahli Yang Berhormat semata-mata untuk kepentingan agenda politik masing-masing. Jangan salah gunakan peraturan mesyuarat. Saya betul-betul tidak hendak untuk mahu *lecture* dengan peraturan mesyuarat, kerana kadang-kadang saya segan kepada diri saya sendiri, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpuluh-puluh tahun di sini yang lebih tahu apa objektif sebetulnya peraturan mesyuarat.

Tetapi dalam keadaan-keadaan di mana *Prime*, TV, semua rakyat mahu dengar, semua apa yang perlu dibincang, yang dibincang dengan soal seolah-olah seorang Ahli Yang Berhormat

menjadi *champion the course of particular issue*. Itu yang kadang-kadang saya sedih, kadang-kadang saya timbul marah, kadang-kadang saya gelak, kadang-kadang saya hampir mahu menangis.

Jadi keputusan saya ialah, itu tidak kena-mengena dengan peraturan mesyuarat, maka *point of order* yang dibangkitkan itu adalah tidak kena-mengena sama sekali. Keputusan saya adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 43, tafsiran saya adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 99, dan saya tunggu jawapan daripada editor-editor surat khabar-surat khabar yang berkenaan, bukan daripada wakil rakyat-wakil rakyat yang tidak ada kena-mengena langsung dengan surat khabar-surat khabar yang berkenaan. Sila siapa yang mahu berbahas dengan LOFSA ini.

Saya mahu kalau boleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tolong saya sedikit, kerana saya mahu supaya ramai Ahli Yang Berhormat bercakap dengan soal ini. Ada lagi yang mahu berbahas dengan soal ini? Tolong minta Yang Berhormat Pasir Mas, ada Yang Berhormat Pasir Mas? Ada yang minat dengan LOFSA ini?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua. Saya....

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi, apa lagi, *point of order*. Kalau *point of order* bagi tahu *point of order* yang mana.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi Tuan Yang di-Pertua, sudah memberi balasan

...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak *point of order*. Nanti dulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah memberi balasan *point of order* kepada saya dan saya harap Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, Yang Berhormat Batu Gajah, boleh Yang Berhormat Batu Gajah duduk. Boleh Yang Berhormat Batu Gajah duduk dulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Untuk menjawab tuduhan-tuduhan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 35(1), apabila seseorang wakil rakyat hendak mahu bercakap dengan *point of order*, berdiri di tempat di mana tempat duduk selepas itu halakan muka kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua panggil untuk bercakap baru boleh bercakap.

Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh tentukan mana Peraturan Mesyuarat 35(1), jadi bermakna Yang Berhormat Batu Gajah sebelum bercakap, berdiri dulu selepas itu halakan muka ke tempat saya. Kalau saya kata sila, baru bercakap. Kalau tidak bermakna melanggar peraturan, bukan begitu Yang Berhormat Bukit Gelugor?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya berucap?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau *point of order* boleh. Mana satu *point of order*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of Order 94*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, apa *Point of Order* 94?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of Order* 94 terus terang Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua *may grant a general...*

Tuan Yang di-Pertua: Perlahan-lahan dulu, pasal saya pun mahu mengikuti juga Ahli Yang Berhormat yang 26 tahun berkhidmat ini, saya kata lambat-lambat sedikit ini. Saya minta betul-betul supaya saya ditunjukkan jalan, *Point of Order* 94. Perlahan-lahan, baca perlahan. Okey, dalam bahasa Inggeris.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of Order* 94, saya baca sekali lagi dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

“94. Tuan Yang di-Pertua *may grant a general permission to the representative of any journal to attend the sittings of the House under such rules as he may from time to time make for that purpose. If such rules are contravened, such permission may be revoked.*”

Ini semua adalah dalam tangan Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan berapa bilangan harus diberi peluang untuk masuk ke Dewan ini dari mana-mana surat khabar. Dalam pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, semenjak 26 tahun tidak ada sesuatu dibuat seperti sekarang untuk melarang daripada lima wartawan daripada satu surat khabar, ini tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Selama 26 tahun pengalaman Yang Berhormat Bukit Gelugor belum pernah berlaku saya selalu dengar, belum pernah berlaku juga dalam sejarah Parlimen bahawa pembangkang diwakili oleh 82. Pada ketika itu Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak ramai orang yang minat dengan persidangan Parlimen ini.

Saya difahamkan bahawa ini pertama kali dalam sejarah sehingga orang kampung di tempat saya pun tahu sekarang Peraturan Mesyuarat 43, kerana apabila kita dahulu, beberapa waktu persidangan lalu, saya suruh Yang Berhormat Bukit Gelugor baca Peraturan Mesyuarat 43. Sekarang ini orang kampung pun tahu Peraturan Mesyuarat 43.

Jadi sekarang tergamit minat bukan sahaja *press*, tetapi orang kampung. Jadi perbezaannya sekarang ialah oleh sebab suasana telah berubah, ruang legar Parlimen waktu itu dibuat tidaklah kita terfikir bahawa akan terjadi begini, menarik minat ramai. Berjalan di ruang legar sana pun susah kadang-kadang.

Jadi terpaksa pentadbiran Parlimen menulis surat kepada editor, kalau boleh hadkan kepada 5. Kalau ada 5 surat khabar sudah 25, kalau sudah 10 surat khabar berapa? Tetapi yang kita tidak tahu yang memakai tag lencana *press* itu sama ada betul atau tidak.

Jadi saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar dalam soal ini, kerana belum pun kita dapat jawapan daripada surat khabar-surat khabar yang berkenaan. Mereka akan menjawab juga kepada surat itu, kerana saya telah difahamkan bahawa menurut sumber yang

juga saya baca daripada *press*, iaitu kalau 5 tidak cukup, mahu 10 jadi saya mahu dengarlah apa sebab dia tidak cukup 5.

Mungkin setiap pintu Dewan ini mahu ada dua, tiga orang *press* sedangkan kita sudah sediakan ruang tempat buat *press statement*, ada pintu-pintu tertentu yang telah dibuat di mana mereka boleh tanya dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita sudah faham dengan isu ini, pagi tadi pun saya sudah dengar dan saya juga baca liputan dia daripada tadi.

Oleh kerana kelmarin *statement* daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi kalaulah pentadbiran Parlimen begitu, kita mengadakan demi untuk kebaikan Dewan, bukan saya buat itu demi untuk saya punya *political mileage*, kerana dalam soal ini dari pagi tadi saya diberitahu bahawa ini tindakan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam soal ini, sayalah akan menjadi popular ini, tapi tak apalah. Untuk *first world Parliament*, ini sekarang yang *stick* di kepala saya daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. *First world Parliament*, kita mahu mewujudkan ini. Yang Berhormat dia berdiri, bermakna Yang Berhormat Batu Gajah ini mahu bercakap sama saya, sila di bawah Peraturan Mesyuarat 35 boleh bercakap. Sekarang ini kita terpaksa ikut peraturan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana setiap Yang Berhormat berdiri, peraturan-peraturan boleh. Sila bercakap.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merekodkan dan meluahkan kekecewaan saya ke atas kenyataan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi. Biar saya...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya belum habiskan Tuan Yang di-Pertua bagi peluang saya untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini, nanti dulu Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 42, apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap, ahli yang berkenaan terpaksa duduk. Saya bercakap sekarang di bawah kuasa saya, Peraturan Mesyuarat 42.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu bercakap di bawah Peraturan Mesyuarat 42, kalau begitu Ahli Yang Berhormat tidak faham Peraturan Mesyuarat 42.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau Tuan Yang di-Pertua telah benarkan saya untuk bangkit...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, boleh Ahli Yang Berhormat duduk dahulu kerana saya bercakap sekarang di bawah Peraturan Mesyuarat 42.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya juga berbangkit di bawah peraturan mesyuarat dan Tuan Yang di-Pertua telah bagi peluang tadi. Saya beritahu saya belum habis dan Tuan Yang di-Pertua menggunakan...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya kasi Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat duduk, selepas saya bercakap, saya suruh, baru Yang Berhormat berdiri. Okey, saya ulang balik peraturan mesyuarat apabila dibangkitkan dalam sesi begini adalah untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada kecacatcelaan mesyuarat, *clear*, terang, jelaskan, tetapi apabila seorang Ahli Yang Berhormat berdiri *point of order* tidak ada kena-mengena dengan mesyuarat dengan hal di luar, dengan tindakan satu surat yang dihantar kepada editor-editor *newspaper*, peraturan mesyuarat ke itu Yang Berhormat Bukit Gelugor? Adakah peraturan mesyuarat yang dilanggar di sana, ada?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terus terang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi sudah saya buat keputusan bahawa saya kata Peraturan Mesyuarat 99, tafsiran saya adalah muktamad, keputusan saya di bawah Peraturan Mesyuarat 43. Jadi bermakna apa pun yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini masih juga saya berpegang kepada biarlah, surat khabar-surat khabar itu menjawab dahulu kerana mereka juga ada wakil di sini, masih ada liputan.

■1500

Cuma menunggu bilangan orang. Kalau mereka kata bahawa tidak cukup sembilan, tidak cukup sepuluh, saya mesti akan timbang, apa sebab? Kalau perlu juga 20 untuk satu surat khabar kerana itu untuk liputan, setiap wakil rakyat ada satu *press*, boleh. Akan tetapi saya tunggu dahulu jawapan itu. *So, don't pre-empt the issue.* Terima kasih, siapa mahu cakap lagi dengan soal ini. Sila cakap. Saya jemputlah Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kalau boleh cakap pasal LOFSA ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bangkitkan berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 94. Saya menegaskan bahawa *it's uncalled for* dengan izin, kenyataan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua terhadap saya bahawa saya bangun telah sengaja menggunakan peraturan mesyuarat, salah fokus, apa yang saya bangkitkan tidak melibatkan hal Parlimen apa yang berlaku adalah di luar.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi pagi ini apabila Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan Peraturan Mesyuarat 94, Dewan ini dimaklumkan bahawa keputusan akan diberi, selepas berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua dan seorang Timbalan Speaker yang lain. Saya hanya menjalankan tanggungjawab saya di bawah Peraturan Mesyuarat 94 untuk mengetahui apakah perkembangan dan keputusan, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, okey terima kasih, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa saya pula dituduh sengaja untuk tujuan yang lain, ada agenda sendiri. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... rasa kenyataan itu *uncalled for* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini *uncalled for* ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit di bawah 94. Keputusan dijanjikan diberi di dalam Dewan ini, pagi ini. Jadi saya pohonlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah selesai? Sudah? Saya sebetulnya sebelum masuk, saya kurang ceria. Saya mengantuk sedikit, tidak berapa sihat. Elok juga sekali-skala bercambah fikiran dengan Ahli Yang Berhormat dengan cara ilmiah berkenaan dengan peraturan mesyuarat ini.

Jadi ada juga panjang masa pasal kita ada beberapa akta lagi. Saya melihat minat Ahli-ahli Yang Berhormat dengan soal kadang-kadang akta yang tidak menggamit minat tidak ada yang berminat untuk bercakap. Jadi sekarang, setidaknya-tidaknya, saya dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah *cover* lebih kurang 20 minit.

Untuk jawapan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, itulah makanya Peraturan Mesyuarat apabila Peraturan Mesyuarat menghendaki bahawa seorang Ahli Yang Berhormat bila berdiri menghadap kepada Tuan Yang di-Pertua, apabila berdiri ucapan itu, hujah itu seolah-olah ditujukan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengelakkan jangan ada terus *direct* dialog di antara dua orang Ahli Yang Berhormat yang sedang berbahas.

Objektif dia adalah untuk mengelakkan jangan ada sakit hati. Jadi saya sebetulnya apabila mendengar hujah daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dia sedih, dia *feel* saya *uncalled-for*. Itu sebetulnya kenapa peraturan mesyuarat mengelakkan jangan ada begitu kerana untuk mengelakkan sakit-sakit hati. Saya tidaklah berniat untuk menyakitkan hati Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kalau itulah umpamanya yang benar-benar menyentuh hati, saya minta maaf. Akan tetapi kalaulah tadi saya juga yang *presiding* sewaktu Yang Berhormat bagi Bagan berdiri, saya juga akan buat kepada Yang Berhormat bagi Bagan. Kerana peraturan mesyuarat yang dibangkitkan itu adalah tidak kena mengena dengan mesyuarat.

Saya juga akan buat, tetapi apa boleh buat yang terkena Yang Berhormat bagi Batu Gajah kerana di tengah ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang berdiri. Terpaksa saya buat keputusan. Jadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah mahu keputusan, apa yang saya diberitahu oleh Timbalan Speaker ialah dia berunding dengan Speaker, kami berunding, keputusan saya ialah masih lagi kita tunggu dahulu balasan dari editor-editor, bukan daripada wakil-wakil rakyat yang terpaksa mahu tahu cukupkah pemberita atau tidak, saya belum dapat surat lagi.

Jadi keputusan saya, saya akan tunggu surat, apa reaksi dari surat-surat khabar. Apakah lima orang untuk satu surat khabar cukup atau tidak. Jadi itu keputusan saya. Saya sama sekali tidak berniat untuk menghadkan nombor itu, kalau umpamanya mengganggu *duty* mereka juga.

Kita tidak mahu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, dalam pengalaman dia berpuluh-puluh tahun, tidak ada yang mengatakan *press* tidak boleh datang. Cuma kita kata, bolehkah kalau lima orang sahaja. Itu sahaja, tetapi belum ada jawapan lagi.

Okey, saya rasa isu itu sudah selesai. Siapa lagi mahu berbahas mengenai LOFSA? Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Labuan, Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ah, Yang Berhormat bagi Labuan. Ini berkenaan dengan Labuan, kasi panjang sedikit Yang Berhormat.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh *provoke* sedikit, supaya tidak ada gangguan. Jadi kita ada masa panjang. *[Ketawa]*

Kalau saya buat begitu, kamu tidak mahu ketawa.

3.05 ptg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Sampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Yang Berhormat bagi Seputeh bercakap. Sila. *[Ketawa]*

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Walaupun agak begitu panjang lebar, gara-gara membahaskan *point of order*, tetapi Alhamdulillah, saya dapat diberikan peluang untuk turut berbahas pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta LOFSA yang dicadangkan secara langsung, Labuan menyokong pindaan akta tersebut. Ini disebabkan secara tidak langsung untuk mengawal dan juga mengetatkan *money laundry* yang kononnya ada di Labuan. Jadi secara tidak langsung ini dapat membersihkan atau mengharumkan nama Labuan itu sendiri supaya salah sebuah pusat perniagaan di luar pesisir di rantau ini.

Apa yang kita lihat, cuma yang kita harapkan pegawai-pegawai ataupun *marketing-marketing manager* LOFSA supaya dapat membuat satu strategi baru yang mana dapat mengundang peniaga-peniaga industri di luar pesisir terutamanya dari Middle East datang ke Labuan kerana kita di Malaysia adalah salah sebuah negara Islam yang terkemuka di dunia.

Kenapa kita tidak dapat menarik *investor-investor* dari Middle East dari negara-negara Islam, negara-negara yang ada di dunia ini supaya dapat melabur dan juga membuat urusan perbankan di luar pesisir di Labuan. Kenapa seharusnya Singapore, Brunei dan juga tempat-tempat lain telah pun berusaha, kenapa kita berusaha? Jadi diharapkan kepada menteri mungkin dapat mencadangkan dan merombak kembali sistem *marketing strategic* kita diperluaskan di seluruh dunia supaya lebih baik dan teratur.

Kita juga harus mempelajari dari negara-negara yang telah pun berurusan dengan sistem perbankan luar pesisir umpamanya macam Virgin Island dan lain-lain supaya kita dapat belajar dan juga mempelajari teknik-teknik yang mereka gunakan yang kononnya negara-negara tersebut telah pun *establish*. Ini adalah satu pelajaran kepada kita juga yang mana kita adalah

pusat pesisir yang terbaru di rantau ini. Jadi seperti mana yang dinyatakan oleh sahabat kita dari PJ Utara tadi seolah-olah mimpi mantan Perdana Menteri yang lalu terlalu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan?

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Nanti saya bagi laluan. Ini yang kita lihat, supaya beliau harus peka sesuatu perniagaan pusat luar pesisir adalah bukan sesuatu yang terlalu mudah. Umpamanya kita buat hari ini esok lusa dan tahun hadapan dapat direalisasikan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini, walaupun pergerakannya agak terlambat, tetapi kita tidak langsung telungkup ataupun muflis disebabkan oleh kurangnya efektif dan efisiennya pusat pesisir yang ada di Labuan.

Ini harus kita bagi sokongan yang lebih tinggi supaya dapat dimarketkan secara meluas di seluruh dunia. Dan juga satu tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat PJ Utara menyatakan modal insan dan sebagainya. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua ketahui, di Labuan juga telah pun mempersiapkan satu universiti iaitu cabang daripada Universiti Malaysia Sabah iaitu Kampus Antarabangsa.

Ini adalah semata-mata untuk mengkhususkan supaya pelajar-pelajar tersebut menjurus kepada industri perbankan luar pesisir. Ini adalah salah satu langkah kerajaan untuk memajukan pusat pesisir Labuan supaya dapat dipelajari dan dikuasai oleh anak-anak tempatan itu sendiri. Moga-moga dalam tempoh lima ke sepuluh tahun yang akan datang ramai anak-anak tempatan dari Sabah dan Sarawak turut serta dalam menyertai dan juga sebagai pegawai *manager* dan sebagainya dalam industri bank pesisir. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, diharapkan untuk memudahkan dan, mempercepatkan ...

■ 1510

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang berdiri.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu bagi laluan atau tidak?

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Sebentar Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya habis dulu. Untuk memudahkan hubungan terus antara luar negara dengan Labuan, diharapkan kementerian dapat membuat satu *proposal* ataupun cadangan supaya Labuan dijadikan sebuah *airport* atau pelabuhan udara, *open sky policy*. Ini untuk memudahkan semua peniaga-peniaga daripada luar negara langsung datang ke Labuan tanpa melalui Kuala Lumpur, tanpa melalui Sabah dan Sarawak. Saya rasa ini adalah satu *marketing strategy* sebenarnya kalau diberi peluang kerana *airport* di Labuan telah pun dibesarkan dan saat ini kalau tidak salah *even Boeing 747* dengan izin pun dapat turun di Labuan.

Jadi kalaulah cuma *airport* sahaja yang ada, kita tidak jadikan Labuan sebagai *airport* antarabangsa dan kita tidak mengenakan *open sky policy*. saya rasa sia-sia sahaja kita jadikan

airport itu bagus tetapi tidak ada manfaat yang lebih baik untuk tahap *international*. Jadi apa yang kita lihat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan sedang berdiri.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada banyak orang menyatakan apabila ada perkhidmatan kewangan luar pesisiran ini, di mana-mana sahaja maka berlakulah aktiviti *money laundering*. Aktiviti ini dipermainkan oleh kumpulan mafia, kumpulan *smuggler* dan sebagainya.

Jadi Labuan salah satu kawasan yang telah dikatakan menjalankan aktiviti yang sedemikian. Apakah Yang Berhormat mempunyai akal ataupun pandangan untuk dicadangkan kepada kerajaan agar aktiviti seumpama ini tidak berlaku dan boleh dibendung, sebab ianya boleh merugikan pasaran negara. Apabila ada *money laundering* bermakna duit ini tidak tahu datang dari mana; mungkin daripada penyeludupan, mungkin dari kutipan yang haram, perjudian dan sebagainya tetapi dibersihkan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat terhadap dakwaan yang sedemikian?

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Yang Berhormat, inilah apa yang kita lihat tujuan kita hari ini adalah untuk meminda Akta LOFSA yang mana inilah salah satu daripadanya usaha-usaha kita untuk memperketat atau mengelakkan *money laundering*.

Yang kedua, *government* atau kerajaan harus memperkuatkan *enforcement* apa pun caranya supaya benda ini dapat dielakkan. Memang walaupun begitu, saya seorang dari Labuan, saya juga tidak setuju Pulau Labuan yang begitu indah dijadikan salah satu tempat, dijadikan *washing machine* untuk *money laundering* tersebut. Jadi tujuan kita ini adalah untuk mengundang pelabur-pelabur luar dan juga supaya dapat kita menikmati hasil yang begitu baik dengan adanya sistem perbankan luar pesisir.

Itu yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya diadakan *open sky policy* ...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Nantilah, bagi saya peluang dulu berucap, saya habiskan, saya habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat Putatan, dia belum bersedia.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: ... supaya Labuan itu dijadikan *open sky policy* yang mana membolehkan peniaga-peniaga luar iaitu peniaga-peniaga industri bank luar pesisir langsung datang ke Labuan.

Seterusnya tadi, saya juga kurang senang dan juga tidak sedap hatilah. Yang Berhormat dari Tumpat menyatakan oleh sebab dia tidak setuju dengan keadaan Labuan sebagai *offshore financial centres* dan juga perubahan akta. Saya ingatkan emosi beliau membawa, mengundang dan juga mem *propose* supaya Labuan kembali ke Sabah. Adakah itu, ini adalah penentuan untuk Labuan kembali ke Sabah, bukanlah dapat ditentukan oleh ...

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat berdiri Yang Berhormat, *provoke* sudah Yang Berhormat Tumpat.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Ini menyatakan kita dari Labuan, Tuan Yang di-Pertua tunggu dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi Yang Berhormat Tumpat, dia belum bersedia lagi Yang Berhormat Tumpat. Yang Berhormat Putatan, dia belum bersedia lagi.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya hendak membantu.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Kita adalah orang Labuan. 25 tahun Labuan telah dijadikan wilayah, persetujuan wilayah adalah dipersetujui oleh kerajaan negeri Sabah dan juga mantan Perdana Menteri yang lalu. Kita sudah 25 tahun menjadi wilayah, tak akan wilayah mahu dijadikan daerah lagi. Jadi fahamlah ertinya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Jadi yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Labuan, bagi laluan sikit, ini penting sebelum balik kepada topik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Putatan secara *direct* sahaja dia minta, dia tidak melalui Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi Yang Berhormat Labuan sedang berkonsultasi, terpaksa diganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya boleh, panjangkan sedikit gangguan itu.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini untuk tengah hari ini sahaja, esok sudah tiada sudah. Sila.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat, saya memang bantu Yang Berhormat Labuan. Yang persoalannya Yang Berhormat Labuan, saya sedih apabila saya mendengar beberapa para peniaga kita yang telah berurusan dengan perbankan pesisir ini di Labuan, kononnya semua letaknya di Labuan.

Yang menjadi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, apabila berurusan dengan bank-bank ini terpaksa dirujuk kepada Kuala Lumpur. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Labuan yang peniaga-peniaga yang ingin, minat untuk berurusan dengan bank-bank ini sama juga dengan

bank-bank yang lain. Jadi saya minta penjelasan kalau boleh Yang Berhormat minta pihak Kuala Lumpur jangan buat sedemikian.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Kalau saya boleh terus ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat, Tumpat.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Tunggu Yang Berhormat, saya belum selesai lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum selesai lagi Yang Berhormat Tumpat. Dia belum bersedia untuk Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah disebut oleh Yang Berhormat Putatan, oleh ...

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Duduk dulu, duduk dulu! *This is my floor...*

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Sampai saya hendak bercakap pun tak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat Tumpat, ruang dia, dia belum kasi ruang lagi. Sila Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya inilah satu kadang-kadang ia punya *red tape* sedikit Yang Berhormat, tetapi walau bagaimanapun atas kebijaksanaan menteri yang ada di depan kita.

Mungkin benda ini dapat diselesaikan kerana di Labuan sendiri, LOFSA sendiri di bawah Bank Negara dan juga di situ adanya, duduknya *Director General* LOFSA, tak akan sudah jadi *director general* tidak dapat meluluskan sesuatu dengan cepat. Saya rasa menteri juga faham, mungkin menteri akan jawab nanti, Insya-Allah. Jadi itu yang saya nyatakan, mengenai dengan penempatan Labuan kepada Sabah sebenarnya ...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Tunggu dulu, duduk dulu Yang Berhormat. Sebenarnya pemindahan ataupun bertukar tangan Wilayah Persekutuan Labuan kepada wilayah tersendiri yang mana di Malaysia seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu, kita ada tiga Wilayah Persekutuan.

Yang pertamanya Kuala Lumpur, yang kedua Labuan dan yang ketiga Putrajaya. Janganlah kita anggapkan kembali Labuan akan dipulangkan ke Sabah. Kenapa tidak macam dulu? Kuala Lumpur juga asalnya daripada Selangor, sekarang Kuala Lumpur menjadi wilayah tersendiri. Adakah Kuala Lumpur akan pindah ke Selangor dengan keadaan kedudukan Selangor yang ada pada hari ini. Saya rasa tidak.

Akan tetapi di Labuan, berbeda, kita di Labuan walaupun orang Labuan itu terdiri daripada orang-orang pulau, tetapi suku kaum yang ada di Labuan sama dengan suku-suku kaum yang di Sabah. Sebenarnya kita berganding bahu, secara tidak langsung penyerahan

Labuan daripada Sabah kepada wilayah yang ditadbirkan oleh Wilayah Persekutuan itu sendiri adalah dapat mengurangkan beban kepada kerajaan negeri Sabah yang mana sekurang-kurangnya peruntukan yang dulunya diagih-agihkan kepada Labuan dapat diagihkan ke tempat-tempat lain di negeri Sabah.

Jadi kita bersyukur adanya dua kawasan, dua wilayah satu tempat dengan pentadbirannya tersendiri. Lagipun orang-orang Labuan telah pun *comfortable* duduk di Labuan dan juga berada di Wilayah Persekutuan kerana secara tidak langsung pembangunan yang disalurkan ke Labuan begitu mantap sekali. Bukan kita bilang Sabah tidak memberikan bantuan, tetapi alhamdulillah sewaktu kita ada di Sabah, kita juga dapat pembangunan. Jadi inilah keadaan yang sebenar Tuan Yang di-Pertua.

■1520

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Semasa Labuan diiktiraf sebagai Wilayah Persekutuan, pada ketika itu kerajaan yang mentadbir Kerajaan Negeri Sabah ialah Kerajaan Berjaya yang juga berada di bawah naungan Kerajaan Barisan Nasional.

Setelah 25 tahun melihat pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, jelas terbukti rang undang-undang yang diperkenalkan pada hari ini untuk memperbaiki sistem perundangan terutamanya dari segi pengurusan *money laundering* sememangnya sesuai. Saya membantu Labuan untuk memberi penjelasan bagaimana istimewanya. Ketika itu saya masih berada di bangku sekolah dan melihat bagaimana Kerajaan Barisan Nasional dengan membantu pembangunan Labuan serta mengiktiraf ia pusat LOFSA yang pertama seumpamanya di negara kita ini.

Sudah tentu kita semua mengetahui bagaimana peranan Labuan. Mungkin ketika itu tumpuan kerajaan telah memberi tumpuan yang bersungguh-sungguh dan sewajarnya bagi memastikan Labuan ini menjadi suatu tempat yang bukan hanya makmur tetapi juga ia boleh menyumbang ke arah pembangunan kawasan yang berhampiran termasuk Sabah dan Sarawak.

Jadi, jelas terbukti apabila kita lihat dari segi pembangunan LOFSA ini dengan cawangan Universiti Malaysia Sabah yang membuka laluan dan menjemput pelajar-pelajar terutamanya dari Sabah dan Sarawak untuk belajar di wilayah tersebut bagi mempelajari Sistem Kewangan Antarabangsa dan bagi membolehkan dari segi modal pembangunan sumber manusia dapat kita dedahkan kepada pelajar-pelajar generasi akan datang.

Jadi, melihat kepada sistem yang diperkenalkan sekarang ini oleh kerajaan dan dari segi peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Silam ini sudah dia mengambil.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Saya menambah untuk...

Tuan Yang di-Pertua: *Floor* daripada Yang Berhormat Labuan ini.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Untuk memberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalaupun untuk memberi sokongan tidaklah begitu panjang sangat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Maklum, mungkin dari segi penyampaian saya Tuan Yang di-Pertua agak perlahan sedikit sebab kita ingin menjelaskan di sini bagaimana pentingnya dari segi untuk mengemaskinikan lagi sistem perundangan dan peraturan dari segi pengurusan kewangan dan perbankan di Labuan bagi membolehkan ianya dapat di...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Silam, belum berucapkah lagi Yang Berhormat Silam dengan soal ini?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Belum.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, nanti berucaplah kasi panjang-panjang.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Oleh sebab itu, saya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan sekarang, nanti. Habis dahulu Yang Berhormat Labuan berucap.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dia beri laluan kepada saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi tidak bermakna bahawa dia terus berhenti berucap. Yang Berhormat Sudah habis berucap?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Belum lagi

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Belum.

Tuan Yang di-Pertua: Belum, penjelasan tidak begitu panjang. Penjelasan pendek sahaja. Cuma hari ini saya bermurah hati

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Saya beri laluan. Beri saya satu minit Tuan Yang di-Pertua. Dia suka panjang tadi, tiba-tiba dia mahu *block* pula. [Ketawa] Ini macam *double standard* pula jadinya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan begitu Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Saya sangat mengalu-alukan supaya peraturan untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Silam, duduk dahulu Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dia ganggu saya. Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dan adakah Yang Berhormat Labuan bersetuju supaya rang undang-undang ini juga bukan hanya diperkenalkan di Labuan itu sendiri dan kalau boleh kita minta pandangan Yang Berhormat Labuan.

Jika dia bersetuju bahawa LOFSA ini juga diwujudkan cawangannya di Kota Kinabalu bagi membolehkan dari segi peranan dan tanggungjawab serta LOFSA itu sendiri dapat

diperluaskan dari segi *marketing strategy*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Silam kerana memberikan sokongan yang begitu padu. Inilah sebenarnya harus kita fikirkan sama-sama kita membangun walaupun benda itu lambat dia punya pembangunan, *progress* dia tetapi dapat kita bantu supaya.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat berdiri.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Beri saya selesai dahulu. Supaya dapat kita selesaikan, kita perbaiki di mana kelemahan-kelemahan. Setiap sesuatu pasti ada kelemahannya. Tidak ada yang *perfect* di dunia ini. Jadi, kelemahan-kelemahan itu bukan kita jatuhkan tetapi seharusnya kita bangun dan kita bantu kementerian supaya dapat membangunkan LOFSA dan juga industri bank pesisir di Labuan itu menjadi lebih baik.

Menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat silam tadi, sebenarnya LOFSA juga dia punya *marketing agent* di Kuala Lumpur. Saya rasa, kalau ada izin menteri dan juga persetujuan LOFSA tidak salah. Dia buat *marketing office* di Kota Kinabalu kalau itu membantu pembangunan industri bank luar pesisir tersebut.

Jadi, saya harapkan supaya apa yang akan berlaku di Labuan, pembangunan di Labuan kita selaraskan dan juga dapat kita majukan supaya dia lebih berdaya saing dan juga mencapai matlamat supaya menjadikan sebuah pusat industri bank luar pesisir yang termasyhur di rantau ini. Saya turut menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat dari tadi berdiri.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, ini serius Tuan Yang di-Pertua. Saya gunakan peruntukan 36(12). Ia mengelirukan Dewan dan menghina Majlis sebab beliau berkata bahawa saya mengatakan saya tidak bersetuju dengan LOFSA. Saya cuma hendak menjelaskan saya menyokong LOFSA. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, saya mengatakan malah saya ingin supaya LOFSA supaya jangan ketinggalan berbanding dengan Hong Kong, London, Singapura. Malah saya hendak menggalakkan supaya LOFSA dimajukan lagi dan tidak sedikit pun ketinggalan malah terus ke depan.

Yang Berhormat Labuan menuduh saya menuduh saya mengatakan saya amat tidak bersetuju dengan cadangan LOFSA. Itu yang saya hendak jelaskan. Kenapa tidak mahu dengar penjelasan saya dahulu.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Tuan Yang di-Pertua, yang saya kurang senang adalah ucapan beliau yang mengatakan supaya Labuan dikembalikan ke Sabah. Bukan saya bilang beliau tidak setuju. Mungkin atas emosi beliau tidak setuju.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tidak, saya tidak emosi langsung dengan tidak bersetuju. Saya amat rapat dengan Labuan. Tuan Yang di-Pertua, mungkin maklum.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Jadi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Dia mungkin berkhidmat di Labuan dan saya tahu tentang Labuan dan saya sayang kepada Labuan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Okeylah, kalau Yang Berhormat Tumpat bersetuju dengan adanya LOFSA di Labuan terima kasih. Kalau saya tersalah cakap, minta maaf.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Okey.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Okey, bermakna beliau bersetuju. Namun, harus diingat kembalinya Labuan ke Sabah harus memakan proses yang begitu lama. Yang mana, tidak perlu benda ini kita ungkit lagi. Yong Teck Lee tidak seharusnya mengungkit, beliau tidak ada hak dalam ahli tersebut seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuching tadi.

Jadi, janganlah diungkit mengenai Labuan kembali ke Sabah sedangkan Sabah sendiri tidak pernah *claim* dan beliau bersetuju supaya Labuan menjadi sebuah wilayah. Sabah sendiri melihat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri melihat bagaimana pembangunan Labuan sesudah menjadi wilayah. Beliau juga *happy*, beliau juga gembira kerana ini adalah salah satu kawasan secara tidak langsung dapat membantu seperti mana dinyatakan oleh Yang Berhormat Silam tadi mereka-mereka, penduduk-penduduk yang di sekitar Pulau Labuan umpamanya Kuala Penyu, Menumbok, Sipitang, Lawas dan sebagainya dapat menikmati apa pembangunan yang dibuat. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, sebelum saya jemput Yang Berhormat Gombak, nanti saya jemput Gombak. Ada peraturan mesyuarat saya ingin bangkitkan. Saya minta bantuan dari Yang Berhormat Gelugor. Tadi, Yang Berhormat Bukit Gelugor sebut 94. So, kita baca sama-sama yang dalam versi *English*.

“94. Tuan Yang di-Pertua *may grant a general permission to the representative of any journal to attend the sittings of the House under such rules as he may from time to time make for that purpose. If such rules are contravened, such permission may be revoked.*”

Jadi, pengertian saya kepada *representative*, Itu cuma satu rang kerana itu adalah *singular*, bukannya *plural*. Jadi, objektif 94 itu pun kita membenarkan kepada wakil akhbar untuk menghadiri sidang. Maksudnya sewaktu persidangan seperti begini, itu pun kita khaskan tempat duduk mereka. Jadi, 94 itu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor kerana sebetulnya kalau *strict interpretation* saya, kalau kita benarkan lebih daripada satu pun, ini melanggar 94 juga kerana *representative* bukan *representatives*.

■ 1530

Jadi, makanya 94, kita cuma menghadkan bilangan iaitu lima sahaja. Oleh kerana kita menganggap bahawa terlampau ramai begitu. Jadi pengertian saya juga 94 ini kita benarkan mereka hadir di dalam sewaktu bersidang supaya dapat liputan. Jadi oleh kerana mereka mungkin ada *monitor* di luar mereka boleh dapat liputan juga. Itu sahaja. Terima kasih.

Ada lagi LOFSA? Saya mahu Ahli-ahli Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Gombak, ya.

3.32 ptg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyertai perbahasan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...dalam rang undang-undang...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.* Bolehkah saya dapat penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order. Point of order.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bagi tafsiran *representative* dalam Peraturan Mesyuarat 94. *Permission to the representative of any journal*, itu bukan bermakna seorang juga. Bukan *singular* tapi dalam konteks itu *plural*. Lebih daripada satu. Ini terus terang. Saya ingat tidak ada apa-apa keraguan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini, di sinilah Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor kenapa Tuan Yang di-Pertua diberi kuasa di bawah 99. Oleh kerana fasal soal-soal tafsiran kerana kalau tidak ada 99 itu, sememangnya setiap apa pun keputusan Tuan Yang di-Pertua akan dipertikaikan.

Maka itulah juga ada Peraturan Mesyuarat 43 bahawa kalaulah ada keputusan Tuan Yang di-Pertua itu yang dianggap oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai tidak adil, janganlah canang-canangkan sampai di luar sana. Cukup setakat ikut Peraturan Mesyuarat 43. Lepas itu hantarlah satu usul yang hendak untuk dikaji semula keputusan Tuan Yang di-Pertua. Cuma itu. Jadi dalam soal ini walaupun Yang Berhormat Bukit Gelugor mempunyai tafsiran yang berbeza dengan saya, tetapi Peraturan Mesyuarat 99 itu menyebelahi saya. Bukan begitu Yang Berhormat Bukit Gelugor?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, ada tadi akan mendapat nasihat saya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya beri nasihat Tuan Yang di-Pertua tak mahu terima. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]* Terima kasih kepada nasihat itu. Cuma, cuma Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi bangkitkan 94.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau saya juga tidak sebut 94, nanti liputan itu tidak akan secara lengkap. Jadi sekarang nampaknya gambaran sudah jelas, jadi saya berterima kasih kepada nasihat itu. Memang daripada British pun begitu juga. Tidak semena-mena apabila kita *advise, the advise shall be accepted*. So di sini bermakna *advise* itu *I take note but it is not mandatory for me to accept*. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *advise to...*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Point* yang sama dari...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *point of order*. Kalau *point of order* boleh.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Dalam isu *representative* ini, kalau mengikut *dictionary*, *representative* boleh merupakan seorang dan juga dalam bahasa Inggeris dengan izin *a typical example of a group, class or quality, example specimen*. Jadi di sini *representative* di sini tidak semestinya bermaksud satu orang. Ia tidak logik kalau satu, kita yang kata *press* ini tidak termasuk hanya surat khabar. *Press* ini termasuk *TV station* dan *radio station*. Yang kalau *representative of the press* dari *TV station* tak mungkin dia *represent* seorang *journalist*, dia bermaksud satu krew iaitu lebih daripada satu orang.

Di sini kalau diambil dalam konteks ini, *representative* adalah sama ertinya seperti *delegation* yang tidak semestinya bermaksud seorang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Batu. Terima kasih Yang Berhormat Batu. Ini kita sudah berbincang mengenai dengan soal ilmiah, mengenai dengan bahasa-bahasa. Terima kasih kerana objektif sebetul dia, apa yang saya bangkitkan pada tengah hari ini adalah cuma ini sahaja. Dalam tafsiran kita yang telah diterima sebagai *official* iaitu tafsiran daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia ialah begini:-

"94. Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan kebenaran am kepada wakil apa-apa akhbar..."

Dia tidak sebut wakil-wakil dan saya juga menerima apa pandangan Yang Berhormat Batu itu bahawa *representative means*, kalau dia delegasi, maka ialah *representatives*. Jadi dalam soal ini ialah, soal pokoknya ialah kita tidak ada memberitahu bahawa jangan ada liputan akhbar, jangan ada wakil daripada *press*. Persoalannya ialah bilangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah ialah bilangan *press* itu dan saya tidak mahu nanti disalah tafsir seolah-olah Parlimen tidak lagi membenarkan liputan. Cuma kita mohon supaya dihadkan kepada lima. Itu sahaja. Jadi bermakna Yang Berhormat Batu punya pandangan betul, Yang Berhormat Batu Gajah punya pandangan betul, Yang Berhormat Bukit Gelugor punya pandangan, *advise* betul *but it is not mandatory for me to accept your advise but I take note*. Sila Yang Berhormat Gombak.

3.36 ptg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada petang ini kita akan membahaskan Rang Undang-undang LOFSA untuk memastikan Dewan

yang mulia ini akan mampu untuk memperkemaskan undang-undang yang sedia ada dan kita ingin meningkatkan tahap profesionalisme pimpinan LOFSA supaya ianya memenuhi ciri-ciri piawaian peringkat antarabangsa dan ianya akan dapat menarik kegiatan dan aktiviti kewangan pesisir luar pantai yang lebih agresif bagi membantu pulangan yang lebih tinggi bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hampir 20 tahun yang lalu, ada sebuah pulau yang mempunyai penduduk seramai 50,000 orang. Di mana kegiatan ekonominya bergantung kepada pelancongan dan juga kegiatan perikanan telah mengambil tindakan yang tegas dan berani untuk membuka pintu kepada pelabur-pelabur kewangan asing dalam usaha menjadikan pulau ini sebagai pusat kewangan luar pesisir yang utama di dunia. Pelbagai insentif cukai dan dasar penggalakan pelaburan juga telah diperkenalkan untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di pulau yang saya maksudkan.

Pulau ini sekarang mempunyai sebanyak 340 buah institusi kewangan dengan jumlah asetnya sebanyak USD1.7 trilion. 80,000 syarikat luar pesisir telah pun ditubuhkan di pulau ini dan terdapat 1,400 syarikat yang tersenarai di bursa saham tempatan dengan modal berbayar sebanyak USD123 bilion dan rakyat pulau ini pula hidupnya amat selesa dengan mencatatkan pendapatan per kapita sebanyak USD40 ribu dan pulau yang saya maksudkan ini ialah Cayman Island.

Saya ingin meluaskan perbandingan pada petang ini dengan pusat kewangan luar pesisir yang lebih kurang sama objektifnya dengan Labuan sebagai *benchmark* pencapaian Pulau Labuan yang kita bahaskan pada petang ini supaya seperti yang saya nyatakan dalam mukadimah tadi, kita dapat memperkemaskan perundangan yang sedia ada. Kita dapat terjemahkan perundangan itu dalam bentuk tindakan dan penguatkuasaan dan ianya akan dapat meyakinkan pelabur-pelabur kewangan asing untuk datang ke Pulau Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, British Virgin Island yang mempunyai penduduk seramai 23,000 orang, mencatatkan pendapatan per kapita sebanyak USD38,500. Terdapat 9 bank dengan jumlah aset sebanyak USD2.44 bilion dan terdapat 700,000 syarikat luar pesisir yang telah ditubuhkan di pulau ini. Bermuda yang lebih dikenali dengan Bermuda Triangle mempunyai penduduk seramai 66,163 orang tetapi kekayaan pulau ini tidak hilang. Rakyat mereka hidup selesa dengan pendapatan per kapita sebanyak USD69,900 dan terdapat 16,808 syarikat luar pesisir telah ditubuhkan di sini.

■1540

Manakala bursa saham tempatan mereka pula maju dengan 543 syarikat tersenarai dengan modal berbayar sebanyak USD350 bilion. Bagaimana pula dengan Pulau Labuan Tuan Yang di-Pertua? Labuan yang dibangunkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir pada tahun 1990 mempunyai penduduk seramai 70,517 orang. Walaupun menerima suntikkan modal berjuta-juta ringgit untuk membina bangunan dan dengan insentif cukai dan pelbagai langkah

galakan pelaburan, Labuan hanya mampu menarik 53 buah bank untuk beroperasi di Pulau Labuan dengan aset sebanyak USD27 bilion.

Bilangan syarikat luar pesisir hanya 6,297 buah syarikat dan bursa sahamnya pula hanya mempunyai 40 syarikat yang tersenarai dengan modal berbayar USD15.1 bilion. Statistik yang lebih menyedihkan dan ingin dirakamkan dalam Dewan yang mulia ini ialah pendapatan berkapital rakyat Labuan belum lagi mencecah RM4 ribu. Malang sekali pulangan daripada pelaburan *return of investment* dengan izin terlalu kecil. Wang dibelanjakan untuk menubuhkan IOAC atau jenama barunya IBFC jelas tidak menghasilkan pulangan yang lebih tinggi.

Ternyata status Labuan sebagai IBFC tidak dapat membantu untuk meninggikan ekonomi penduduk di pulau ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Dewan International Financial Centre di Labuan lebih banyak digunakan untuk majlis-majlis sosial seperti majlis perkahwinan, kenduri dan bukannya pameran atau seminar kewangan sebagai destinasi dengan izin Meeting, Initiative, Convention, and Exhibition (MICE) untuk menjana pendapatan pulau tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Justeru itu pada petang ini, kita ingin merangka, meminda seperti yang telah dibentangkan dan kita berharap seperti yang dicadangkan oleh teman saya daripada Selayang sementara kita ingin mengemaskan undang-undang yang sedia ada kita juga harus memastikan tahap profesionalisme pimpinan di LOFSA ini berada di satu tahap yang cukup meyakinkan pelabur-pelabur dan kewangan asing untuk bersama-sama datang ke Pulau Labuan bagi melabur dan meningkatkan peningkatan bagi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, terdahulu saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat, Selayang, Petaling Jaya Utara, Kuala Selangor, Marang, Bandar Kuching, Sungai Siput, Tumpat, Kuala Krai, Pokok Sena, Kepong, Labuan dan Gombak yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas pindaan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan. Izinkan saya untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Pertama Yang Berhormat daripada Batu Pahat menyentuh, bertanya mengenai siapakah anggota LOFSA. Anggota LOFSA adalah terdiri daripada Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia, Dato' Zarinah Anwar; Pengerusi SC, Dato' Ali Abdul Kadir; CEO DIG Asia, Encik Abdul Karim Abdul Jalil; CEO Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Datuk Oh Chong Peng, Dr. Abdul Manaf wakil Kementerian Kewangan, dan Dato Azlan Hashim Pengerusi

Proton. Dari segi struktur organisasi LOFSA di atas sekali adalah Menteri Kewangan, *Ministry of Finance* dengan izin dan di bawahnya terletak ahli-ahli yang saya sebutkan tadi *members of authority*.

Kemudian, ada Jawatankuasa Penasihat, *advisory committee* dengan izin yang terdiri daripada dua iaitu *International Advisory Panel* dan *Syariah Advisory Counsel* dan menasihatkan *members of authority* tadi termasuk audit dan *Risk Management Committee*, audit dan *Risk Management Department*. Kemudian ada *Director General*. Di bawahnya ada tiga *department* besar. Satu *Regulation Communication and Islamic Financial Services Division* yang dipecahkan pada tiga *Islamic Financial Services, Promotion and Corporate Communication Department, dan Regulation Department*. Kemudian *department* kedua *Legal and Supervision Department*. Yang ketiga *Business Strategy Division*.

Mengenai dengan pencapaian LOFSA, sehingga Mac tahun 2008, syarikat *offshore* yang telah mendaftar di Labuan adalah sebanyak 6,425 syarikat. Teras company; 21, bank; 58 dengan jumlah aset bernilai USD26.6 bilion. Syarikat insurans ada 132 dengan jumlah *total capitalization* yang melebihi USD600 juta. Syarikat *leasing* ada 106 dengan USD14 bilion dari segi jumlah *lease*. *Fund management* ada 32. Kemudian *listed instrument*; 46 bernilai USD16.1 bilion.

Itu pencapaian LOFSA. Kemudian Yang Berhormat Batu Pahat menyentuh tentang bagaimana kita hendak memperkembangkan Islamic Financing. Kita tahu ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang MIFC.

MIFC bertujuan untuk memperkukuhkan sistem perbankan kewangan dan permodalan Islam di negara Malaysia dan kemudian kita ada LOFSA. Sehingga ini LOFSA telah berjaya untuk menjana penerbitan Sukuk bernilai lebih USD4 bilion. Malah *Labuan Offshore Centre* merupakan pusat yang pertama di dunia yang menjana, menerbitkan Sukuk bernilai USD500 juta.

Jadi apa yang sedang dibuat oleh LOFSA selain daripada mendapatkan bank-bank Islam untuk beroperasi di sana, ia juga melihat kepada *niche* produk antaranya Sukuk yang sekarang makin lama makin mendapat sokong daripada pasaran kewangan dan modal antarabangsa. Melihat kepada perkembangan dari segi teras *companies* dan kemudian dari segi reinsurans, retakaful, dalam konteks takaful Islam, insurans Islam ini retakaful masih perlu diperkukuhkan.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan ringgit dijual di luar daripada negara kita. Ini satu keputusan yang telah dibuat bagaimana kita harus mentadbir *foreign exchange* kita. Jadi kerajaan telah membuat keputusan *floating* dalam konteks *manageable floating* bermakna *floating* tapi penjualannya dalam negara kita untuk kita mengawal turun naik wang secara *assuasive* sepertimana berlaku semasa kita berhadapan dengan krisis kewangan dan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998.

Jadi dasar ini akan terus kita pakai sehingga satu masa nanti Kerajaan Malaysia akan membuat keputusan yang lain. Yang Berhormat Selayang menyentuh mengenai pentingnya penyediaan dan *enforcement*. Di sini salah satu daripada pindaan yang kita minta adalah untuk memperluaskan agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk melakukan penguatkuasaan tidak terhad kepada Polis Diraja Malaysia. Ini telah saya jelaskan di dalam pembentangan tadi.

■ 1550

Saya yakin bahawa dengan perluasan tersebut akan memperkukuhkan *enforcement* selain daripada latihan-latihan yang diberikan kepada kakitangan. Sehingga ini juga *Labuan Offshore Financial Centre* tidak pernah dikatakan berhadapan dengan masalah-masalah *enforcement* tersebut. Malah kalau kita lihat daripada badan-badan antarabangsa mengiktiraf *Labuan Offshore Financial Centre* sebagai satu *offshore* yang rankingnya duduk di atas.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara menyentuh mengenai dengan apakah kita telah mencapai matlamat kita. Ini telah saya jelaskan tadi. Beliau juga menyentuh tentang soal *double taxation*. Mengenai dengan *taxation* di Labuan ini, syarikat-syarikat boleh memilih satu antara dua, sama ada di bawah *Labuan Offshore Business Activity Tax Act* (LOBATA) yang mengenakan 3% atau RM30,000 ataupun boleh memilih untuk membayar di bawah *Income Tax Act 1967*.

Mengenai dengan *double taxation*, buat masa ini kita telah menandatangani *Double Taxation Agreement* dengan 64 buah negara. Daripada bilangan itu sebanyak 11 buah negara telah membuat keputusan bahawa oleh kerana Labuan *Offshore* mendapat kemudahan pembayar cukai yang begitu minimum dengan itu terkeluar daripada *double taxation*, lima buah negara lagi sedang berunding dan 16 buah negara ini kita meneruskan perundingan supaya *double taxation* ini boleh diguna pakai untuk kesemua.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga menyentuh tentang isu antara Malaysia dengan Korea Selatan yang dikatakan bahawa Korea Selatan telah *blacklist Labuan Offshore Financial Centre* ini. Sebenarnya apa yang berlaku pada selepas krisis ekonomi, Korea Selatan telah membuat penyiasatan. Terdapat sebanyak tujuh buah syarikat Korea Selatan yang beroperasi di *offshore centre* tetapi telah tidak mengisytiharkan pendapatan kepada *Korean Tax Authority*. Selepas daripada penyiasatan tersebut, *Korean Tax Authority* telah membuat keputusan bahawa syarikat-syarikat ini perlu membayar cukai. Ini kerana di dalam undang-undang Korea, syarikat *offshore* tidak perlu membayar cukai, tidak perlu mengisytiharkan pendapatan untuk tujuan membayar cukai. Namun dalam konteks ini ada kelainan kerana mereka yang memiliki syarikat *offshore* ini adalah orang Korea sendiri. Jadi, dengan itu *Korean Tax Authority* membuat keputusan bahawa mereka perlu juga membayar cukai.

Di mana wujudnya *blacklisted* tadi? Sebenarnya ini adalah datangnya daripada media iaitu *financialtimes.com* yang menggunakan perkataan *blacklisted* tetapi sebenarnya tidak. Malah pada hari ini sebanyak 123 buah syarikat Korea masih beroperasi di *Labuan Offshore Financial*

Centre. Sekarang ini kita tidak panggil *Labuan Offshore Financial Centre* kerana hasil daripada *rebranding* ia dipanggil *Labuan International Business and Financial Centre*.

Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh tentang *international demand for excessive transparency*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan beliau. Kita tentulah bimbang kerana pihak luar nanti akan menggunakan akta ini bagi tujuan mereka mendapat maklumat sebagai sesuatu yang akan digunakan untuk bersaing dengan kita. Namun apa yang berlaku di sini maklumat yang boleh kita serahkan itu spesifik. Ia melibatkan kes *money laundering* ataupun *terrorist financing* di negara lain. Dalam proses penyiasatan memerlukan maklumat ke atas individu tersebut. Jadi, kes ini adalah kes yang spesifik.

Beliau kemudiannya bercakap mengenai soal *Islamic financing* dan persaingannya. Kita sedar akan persaingan ini. Apakah kekuatan negara kita dari segi *Islamic financing*? Pertama, kita bukan melihat dari segi perbankan Islam semata-mata. Kita telah kembangkan kepada ekuiti dan selepas itu kita kembangkan kepada pasaran modal dan selepas itu pula insurans. Ia ada empat sektor. Malah kalau kita lihat dari segi landskap pasaran kewangan antarabangsa Malaysia merupakan salah satu daripada negara yang hanya *a few*, amat sedikit. Di mana kita ada *dual system* iaitu kita ada sistem konvensional dan sistem Islam.

Sebenarnya antara mengapa wujudnya *stability* dalam pasaran kewangan kita adalah disebabkan dua sistem ini. *Dual system* ini yang *complementary, supplementary, competing and co-operating with each other*, dengan izin, yang membuatkan pasaran modal kita kukuh. Kalau kita lihat dari segi kes subprima Amerika Syarikat umpamanya, kes ini unik.

Pertama, institusi kewangan Amerika Syarikat membenarkan individu untuk meminjam bagi tujuan membeli rumah tanpa mengenakan syarat-syarat *credit valuation*, dengan izin yang ketat. Ini bermakna tidak perlu ada deposit beberapa peratus dan kemudiannya kemampuan *repayment*. Biasanya dari segi *repayment* pihak bank akan memastikan bahawa 40% daripada pendapatan individu mampu untuk membayar balik kepada bank tetapi dalam kes ini tidak begitu. Itulah sebabnya ia dipanggil *subprime mortgage loan*.

Kedua, mungkin pemikiran manusia semakin canggih. Institusi kewangan telah menterjemahkan sepatutnya pinjaman tadi duduknya dalam *balance sheet* bank tetapi diterjemahkan dalam bentuk instrumen pelaburan yang dipanggil *Collateralized Debt Obligation* atau CDO dan ia dijual di seluruh dunia. Nilainya RM1.3 trilion yang dijual di bank-bank Eropah, China dan di merata dunia. Ada juga bank-bank kita yang terlibat tetapi jumlahnya kecil. Inilah punca yang menyebabkan ketidakstabilan pasaran kewangan modal dan perbankan di kebanyakan negara tetapi tidak di negara kita.

Mengapa saya kata *the importance* dengan izin kedua-dua sistem ini bersama? Ini kerana sistem Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Marang tadi ia adalah berteraskan kepada *real transaction*. Manakala yang konvensional ini ada terlibat *artificial wealth creation* dengan izin seperti mana yang saya nyatakan dalam kes *subprime* tadi. Harga rumah

mungkin sebanyak ini tetapi apabila buat CDO harganya naik seperti ini. Apabila *collapse* di sini, kedua-duanya *collapse*, tetapi dalam sistem kewangan Islam oleh kerana ia berdasarkan kepada *transaction* yang *real*, jadi *value* itu adalah *value* yang tidak *artificial*.

Mengenai tenaga mahir ini saya sudah sentuh. Ada rakan saya daripada Labuan menyentuh tentang wujudnya universiti di sana dan juga kerjasama antara LOFSA dengan badan-badan perbankan seperti *Institute of Banking* dan lain-lain untuk mengadakan kursus-kursus profesional yang *specialized* untuk LOFSA ini.

Yang Berhormat Marang menyentuh tentang bagaimana kita hendak memperkukuhkan muamalah Islam. Saya bersetuju dengan pandangan beliau. Saya telah sentuh tadi bagaimana sistem kewangan, modal dan perbankan Islam ini berteraskan kepada *real transaction*. Malah apabila saya bercakap dengan pihak luar mereka mengagumi kerana sistem ini diguna pakai oleh orang Islam dan bukan orang Islam di negara ini. Malah dunia Islam melihat pada masa ini oleh kerana krisis kewangan melibatkan pasaran konvensional di seluruh dunia, ini masanya untuk orang Islam memperkembangkan sistem Islam ini.

■1600

Di mesyuarat IDB baru-baru ini, saya turut hadir, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini dibincangkan, bagaimana hendak menggunakan *patrol money* tadi ke arah untuk memperkukuhkan sistem tersebut.

Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan G8. Selain daripada G8, *the* OIC DPS, dalam mesyuarat tersebut juga, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan macam mana OIC TPS, *OIC Trade Preference System* tidak berjalan di kalangan negara Islam kerana negara-negara Islam yang terlibat tidak *sign* dan tidak *rectify*. Saya ingat sudah tiga, empat tahun. Maknanya di kalangan negara-negara Islam ini dari segi perdagangan dan ekonomi, masih ada lagi kelonggaran, malah negara-negara Islam OIC, berdagang dengan negara-negara Islam hanya 10%. Yang lain 90% adalah bukannya negara Islam.

Yang Berhormat Bandar Kuching menyentuh mengenai dengan apakah pindaan ini ada muslihat untuk mengambil tindakan ke atas *politician*...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan. Saya ucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi sistem Islam dalam ekonomi negara kita. Cuma saya ingin penjelasan, adakah dari segi jangka panjang akan datang, kerajaan bercadang untuk mengasingkan pendapatan wang negara kita daripada akaun halal dengan akaun yang haram.

Maksud saya, punca-punca pendapatan yang tidak halal seperti daripada judi, arak dan sebagainya diasingkan, tidak dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan sebagaimana

jawapan yang kita terima daripada pihak kerajaan bahawa semua cukai arak dan judi disatukan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan. Jalan ini adalah bercanggah dengan dasar Islam itu sendiri. Jadi apakah kerajaan di masa akan datang, akan mengasingkan pendapatan wang haram ini supaya umat Islam mendapat pendapatan yang bersih dan suci yang sebenarnya dari segi Islam itu sendiri. Minta penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Perkara ini akan saya bincang, Yang Berhormat ya, atas kehendak Yang Berhormat. Namun saya ingin menyatakan bahawa wang yang Yang Berhormat kata haram tadi daripada cukai judi dan sebagainya, sebenarnya sedikit sahaja, Yang Berhormat. Jadi pandangan Yang Berhormat nanti saya akan bawa, Yang Berhormat minta supaya diasingkan. Okey.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyatakan adakah muslihat di atas pindaan LOFSA ini untuk mengaitkan ahli-ahli politik. Tuan Yang di-Pertua, kita perlu lihat struktur. Kita tidak boleh membuat satu andaian dan satu perkara yang menjadi sesuatu yang abstrak. Kita lihat dari segi struktur. Pindaan ke atas Akta LOFSA ini melibatkan *Labuan International Business Financial Centre*, itu sahaja. Jadi tidak ada kaitan dengan luar. Maknanya kuasanya terhad di situ dan terhad dalam bidang-bidang tertentu. Oleh yang demikian tidak ada sebarang niat untuk melibatkan mana-mana individu.

Yang Berhormat Sungai Siput menyentuh mengenai dengan seksyen 17. Beliau mengatakan mengapa ada dua seksyen 17 ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 17 Yang Berhormat nyatakan itu adalah mengenai *disclosure of interest*. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “*Any member of the authority or a committee who has or acquires directly or indirectly by himself or his spouse or children or his partner who is agent share...*” dan lain-lain diperlukan untuk *disclose*, dimaklumkan kepada *Labuan Offshore Financial Centre*. Itu dia punya tujuan.

17A bertujuan untuk kita memberi maklumat sekiranya dikehendaki atas kes-kes seperti mana saya nyatakan tadi, melibatkan kes *money laundering* ataupun *terrorist financing*. Jadi dua ini berbeza. Itu sebabnya kita masukkan seksyen 17A.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, cuma saya hendak tanya kedudukan seksyen 17A dengan *Money Laundering Act* itu sendiri, dengan izin, kerana saya difahamkan keadaan saya juga ada mengendalikan kes-kes *money laundering* ini kerana Akta *Money Laundering* itu sendiri mempunyai satu kuasa yang amat luas. Dalam banyak keadaan, ia mempunyai satu kuasa yang amat kuat terutama sekali di dalam kita membekukan aset ataupun mendapat *assets*, dengan izin.

Jadi saya rasa adakah kedudukan seksyen 17A itu bersifat *redundant*, dengan izin. Jadi menimbulkan penjelasan kerana ini akan apabila diluluskan akta ini, maka ia akan terbentuk satu peruntukan baru. Sekiranya berbentuk *redundant*, dengan izin, maka ianya tidak perlu. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku, kita telah mempunyai satu akta yang lengkap. Kemudian apabila berlaku evolusi atas kehendak perkembangan struktur, di samping itu seperti mana saya nyatakan tadi, sistem kita ini *transparent*. *Transparent* dari konteks kita ada dua badan. Satu dari OECD yang *anti drug*, semua itu. Kemudian dari *Asia Pacific Group*, mereka akan buat *supervision* setiap dua tahun dan berteraskan kepada *supervision* tersebut, mereka mendapati kita perlu ada seksyen itu.

Seksyen itu semata-mata, sekiranya perlu maklumat oleh negara lain, itu sahaja, spesifik. Negara lain memerlukan maklumat untuk mengambil tindakan ke atas individu tertentu, kita bagi maklumat dan di samping itu kita pula hendak maklumat, kita... Eh, saya minta maaf ya. Ini saya sudah silap! Kes ini tadi kes lain, 17A melibatkan *disclosure*. Maknanya 17 tadi melibatkan *disclosure* daripada Ahli Lembaga yang mesti dibagi kepada pihak LOFSA.

Seksyen 17A melibatkan, kita tidak boleh melepaskan. Kita tidak boleh memberi maklumat kepada mana-mana pihak, itu dia. Kecuali dikehendaki oleh mahkamah. Yang *money laundering*, saya tahu, ia begitu ketat. Malah *transfer of money*, kadang-kadang orang letak bawah *money laundering* supaya lebih mudah lagi dia boleh terus sita, terus bekukan kewangan. Jadi tidak ada perbezaan di situ...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mungkin kalau dibenarkan, saya jelaskan sedikit.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Maksud saya itu apabila terdapat satu undang-undang lain, contohnya *Money Laundering Act*, dengan izin, juga memberi tujuan yang sama, sekiranya perlu atas tujuan, contohnya tujuan kes-kes mahkamah ataupun bila terdapatnya satu perintah mahkamah, ia boleh dibuat melalui *Money Laundering Act*.

Kalau seperti yang saya faham, seksyen 17A itu juga seolah-olah merujuk kepada satu senario yang sama kerana kerahsiaan saya rasa perlu seperti juga terdapat di dalam *Banking and Financial Act* seperti yang kita sedia maklum, dengan izin, tetapi di sini apakah lagi perlu 17A, sekiranya kita juga boleh mencapai matlamat yang sama sekiranya menggunakan *Money Laundering Act* di dalam kes-kes merujuk kepada kes mahkamah atau kes jenayah. Cuma saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan senario yang bagaimana yang diperlukan untuk mengguna pakai peruntukan di bawah 17A tersebut. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan di bawah akta ini, kita perlu ada kerahsiaan di bawah LOFSA. Di atas kerahsiaan itulah kita mengadakan peruntukan ini yang bertujuan untuk kita tidak menyebarkan maklumat seperti... Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, biar saya *refer* betul-betul ke atas seksyen.

Ya, ia adalah bertujuan supaya kita tidak melepaskan maklumat. Jadi maknanya kita boleh ambil bawah *Money Laundering Act* pun kita boleh ambil tindakan. Kalau hendak bawah LOFSA pun, kita boleh ambil tindakan. Jadi tidak ada satu percanggahan dalam soal ini.

Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh mengenai dengan pelaksanaan perbankan Islam. Yang ini telah saya sentuh. Saya ingat semua perkara sudah saya sentuh, Yang Berhormat. Daripada Kuala Krai...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Kalau diizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: ...Bertanya kalau pun tidak begitu tepat dengan masanya iaitu berkaitan dengan sukuk. Saya ada terbaca dengan saya ini satu pendirian oleh seorang ulama yang bernama Mufti Muhamad Taki Othmani yang merupakan anggota *Accounting and Auditing Organization For Islamic Organizational Institution* yang beribu pejabat di Bahrain yang ada memberi pandangan bahawa sukuk itu mungkin tidaklah sepenuhnya selari dengan kehendak-kehendak agama Islam dan menyeru supaya ianya dikaji lagi.

■1610

Adakah ini di dalam pengetahuan kerajaan kita, dan adakah kita juga ingin terlibat sama dalam memastikan bahawa sukuk ini tepat dari segi kehendak-kehendak agama, kerana perniagaan sukuk ini agak besar dan mengikut laporan ini juga pada tahun lepas sahaja, ia meningkat 70% jumlah nilai sukuk yang dijual atau bon yang dijual itu? Jadi, apakah pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini Yang Berhormat bawa sekarang, saya tidak tahu, saya tidak ada jawapan secara tepat bahawa ia telah dibawa di dalam kerajaan ini.

Perkara ini sama ada ia dibincangkan ataupun tidak, apa yang kita pegang sekarang ini kita ada Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah itu telah membuat keputusan dan ia dibolehkan sehingga kerajaan kita buat keputusan, bahawa ini tidak dibolehkan, barulah kita... Jadi, secara spesifiknya, saya tidak dapat bagi tahu apakah kedudukannya dalam kerajaan sekarang ini.

Yang Berhormat daripada Kuala Krai menyentuh tentang akses kepada maklumat, dan ini boleh mencetuskan masalah politik antarabangsa, terutamanya dalam konteks *terrorist financing*. Apa Yang Berhormat nyatakan apabila akses ini diberi, maklumat ini diberi, ia bertujuan akhirnya akan digunakan oleh pihak luar ke arah untuk menyekat pelaburan. Padahal pelaburan tersebut bukan melibatkan *terrorist financing*.

Perkara ini telah saya sentuh seperti mana saya katakan tadi, bahawa maklumat yang kita boleh edarkan itu hanya spesifik kepada kes-kes yang melibatkan tindakan mahkamah atau tindakan perundangan sedang diambil ke atas individu-individu tertentu.

Yang Berhormat Pokok Sena menyentuh mengenai dengan soal pemantauan. Ini telah saya sentuh. Yang Berhormat Kepong bercakap tentang soal perbankan Islam, ini telah saya nyatakan tadi. Mengenai dengan IMF, tidak terlibatlah. *Money laundering*, perkara ini telah pun disentuh. Kemudian mengenai dengan *Islamic Banking*. Undang-undang lebih kondusif, fokus kepada *niche market*, perkara ini telah disentuh.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat Labuan menyentuh tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun, Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Penjelasan. Ini berkenaan dengan *money laundering*. Adakah benar LOFSA ini disenaraihitamkan oleh negara-negara lain? Adakah ini betul dan apakah sebabnya?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: LOFSA tidak pernah disenaraihitamkan oleh mana-mana negara dan tidak ada aktiviti *money laundering* dilakukan. Tadi saya telah sentuh tentang isu *blacklisting* yang dilakukan oleh Korea Selatan yang mana saya katakan bukan begitu. Itu hanya akhbar *Financial Times*. Isu sebenarnya lain dan buat masa ini ada 123 syarikat Korea yang beroperasi di *Labuan International Business and Financial Centre*.

Yang Berhormat Labuan mahu supaya diperluaskan aktiviti-aktiviti di LOFSA ini. Sebagaimana saya maklumkan tadi, pihak-pihak LOFSA telah *rebranding*. *Labuan International Business and Financial Centre* yang baru dan mereka mempunyai arah tuju untuk memperkukuhkan IBFC ini melibatkan berbagai-bagai perkara yang sedang dilakukan termasuk untuk mengadakan *niche product* di situ, yang melibatkan dari segi aktiviti *Holdings Company Structures, Private Equity Fund, Islamic Trust and Foundation, Capacity Insurance, Platforms for Overseas Investment*.

Dari segi matlamat *Labuan International Business and Financial Centre*, pada tahun 2012, mereka bertujuan untuk *capture* lebih kurang 50,000 syarikat untuk mendaftar di sana. Kemudian dia ada bercakap mengenai dengan *Open Sky Policy*. Perkara ini saya akan bawa kepada kementerian yang berkenaan atas tujuan beliau supaya dengan adanya akses penerbangan yang mudah, ini akan menjadi kondusif kepada Labuan untuk menjadi salah satu dari segi *centre*, yang menjadi *premier* di dunia ini.

Kemudian Yang Berhormat daripada Gombak, beliau membuat perbandingan dengan beberapa *Centre Cayman Islands, British Virgin Islands* dan *Bermuda*. Kita bersetuju, maka

target kita ke situ. Kita dalam proses transformasi dan dalam proses itu kita buat *rebranding* ke arah memperkukuhkan Labuan sebagai *International Business and Financial Centre*. Jadi, itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

RANG UNDANG-UNDANG GEOLOGI 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.09 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Ahli Geologi 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta Ahli Geologi 2008 digubal adalah untuk membolehkan penubuhan sesuatu Lembaga bagi mendaftar ahli-ahli geologi tempatan dan mengawal selia profesion ahli geologi di Malaysia serta menjaga kepentingan awam dan negara.

Dengan demikian, hanya ahli-ahli geologi yang berdaftar sahaja dibenarkan menyediakan dan menandatangani sesuatu laporan geologi. Semangat dan hasrat akta ini adalah sama seperti umpamanya Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 yang bertujuan mengawal selia profesion masing-masing.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama-sama Jabatan Mineral dan Geosains, telah mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* termasuk persatuan-persatuan

profesion lain yang berkaitan dalam memuktamadkan rang undang-undang ini. Dengan demikian kepentingan semua pihak telah diambil kira dalam penggubalan rang undang-undang ini.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, geologi merupakan bidang sains yang mengkaji asal usul, komposisi, perkembangan dan perubahan sistem bumi melalui masa. Bidang ini juga menyiasat dan mengenal pasti sumber batuan, mineral, pepejal, cecair termasuk air permukaan dan air tanah, petroleum, gas dan bahan-bahan lain di samping mengkaji agen, daya dan proses semula jadi yang membawa perubahan-perubahan kepada bumi. Bidang ini telah berkembang dengan pesat dan telah mengalami banyak perubahan sejak beberapa dekad yang lalu. Berikutan dengan perkembangan ini, profesion ahli-ahli geologi telah mengalami perubahan dari segi skop bidang tugas, peranan dan tanggungjawab.

Mengikut amalan profesion geologi di kebanyakan negara, seseorang ahli geologi melakukan kerja-kerja dan perkhidmatan perundingan, penyiasatan, penilaian, perancangan, penyediaan laporan dan peta geologi serta pemeriksaan kerja-kerja geologi. Bidang tugas ahli geologi secara khususnya adalah seperti berikut:

- (i) membuat pemetaan geologi asas yang digunakan dalam perancangan bagi pembinaan tapak untuk pembangunan lapangan terbang, empangan, jambatan, jalan raya, loji jana kuasa, tangki air dan menara transmisi;
- (ii) menentukan sifat, punca dan keluasan pencemaran semula jadi di tapak-tapak yang mengalami kesan aktiviti pembangunan;
- (iii) menjalankan eksplorasi untuk mengenal pasti *reserve* sumber mineral, petroleum, gas semula jadi;
- (iv) menjalankan eksplorasi sumber air tanah bagi menentukan sifat, kuantiti dan kualitinya untuk membantu dalam pembekalan air bersih yang boleh dibangunkan; dan
- (v) menilai ciri-ciri geologi dan hidrologi yang kritikal untuk membantu dan dalam menentukan kesesuaian tapak bagi pelupusan bahan buangan domestik, toksik dan radioaktif.

Berdasarkan kepada bidang tugas dan kerja seperti dinyatakan di atas, adalah jelas ahli-ahli geologi terlibat dalam perkara-perkara yang secara langsung membawa impak kepada kesihatan, keselamatan dan kebajikan awam. Mereka merupakan golongan yang membuat keputusan atau memberi maklumat kepada *state holders* bagi infrastruktur, bekalan air, perlombongan, pembangunan tapak serta projek-projek alam sekitar yang secara langsung membawa impak kepada kesihatan, keselamatan dan kebajikan orang awam dan harta benda mereka.

Menyedari betapa pentingnya peranan, tugas dan tanggungjawab ahli-ahli geologi serta perubahan-perubahan yang berlaku dalam skop bidang geologi, masa telah tiba untuk Malaysia menggubal dan menguatkuasakan akta yang khusus untuk mengawal selia profesion ahli geologi. Kini terdapat lebih 700 ahli geologi di Malaysia dan daripada jumlah ini seramai 210 berkhidmat dengan Jabatan Mineral dan Geosains dan bakinya di agensi lain termasuk institusi pengajian tinggi awam, juga di syarikat-syarikat cari gali minyak dan gas seperti Petronas, Esso dan Shell.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini ketiadaan satu akta untuk mengawal selia profesion ahli geologi di Malaysia, menyukarkan pihak-pihak tertentu untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab bagi kerja-kerja geologi termasuk menyediakan dan menandatangani sesuatu laporan geologi. Keadaan ini boleh menyebabkan orang yang tidak berkelayakan dalam bidang geologi, memberi perkhidmatan dan melakukan kerja-kerja yang sepatutnya dibuat oleh seorang ahli geologi profesional. Kerja-kerja geologi oleh seseorang yang tidak berkelayakan dan tidak berdaftar boleh membawa kesan negatif ke atas sumber dan ekonomi negara di samping menyebabkan kecederaan kepada orang awam serta kerosakan harta benda mereka.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi ketiadaan satu akta pada masa ini untuk mengawal selia profesion ahli geologi di negara ini, adalah dicadangkan sesuatu akta untuk menubuhkan Lembaga Ahli Geologi dan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ahli geologi. Tuan Yang di-Pertua, akta ini mengandungi enam bahagian seperti berikut:

Bahagian 1 menyebut tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa serta beberapa tafsiran termasuk ahli geologi, anggota lembaga, perkhidmatan geologi dan mineral dan sebagainya.

Bahagian II menjelaskan penubuhan Lembaga Ahli Geologi serta fungsi, kuasa dan keanggotaannya di samping menjelaskan tatacara perjalanannya.

Bahagian III memperjelaskan proses pendaftaran ahli geologi, amalan oleh pengamal, amalan oleh ahli geologi asing dan kekecualian-kekecualian berkenaan ahli geologi profesional yang tidak berdaftar, pengamal berdaftar dan ahli geologi asing berdaftar, di samping menjelaskan pembukaan laporan atau kajian geologi;

Bahagian IV mengenai penggantungan, pembatalan, pemotongan dan kemasukan semula pendaftaran;

Bahagian V menjelaskan kesalahan dan penalti dan antara aspek-aspek penting termasuk pelantikan dan kuasa inspektor, sekatan ke atas pengambilan khidmat orang yang tidak berdaftar, penalti kerana memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu, permulaan pendakwaan dan bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan.

Bahagian VI menjelaskan perkara-perkara am seperti wang lembaga, rayuan, peraturan dan pencegahan anomali.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga mengandungi dua jadual. Jadual pertama menjelaskan tatacara perjalanan Lembaga Ahli Geologi manakala jadual kedua menyenaraikan bidang-bidang geologi yang diliputi oleh akta.

Tuan Yang di-Pertua, ciri utama ini, akta ini adalah penubuhan sebuah Lembaga Ahli Geologi. Lembaga ini akan mempunyai antara lainnya fungsi-fungsi yang seperti berikut:

- (i) dengan kelulusan Menteri menentukan segala fi yang akan dikenakan oleh ahli geologi profesional berdaftar;
- (ii) menentukan dan mengawal selia serta mendengar dan menentukan pertikaian berhubung kelakuan dan etika profesion geologi;
- (iii) memeriksa dan jika difikirkan perlu membuat laporan tentang apa-apa perkara tempatan yang dikemukakan kepadanya dan membuat syor kepada kerajaan dan pihak-pihak lain yang berkaitan;
- (iv) menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubung dengan ahli geologi;
- (v) menjalankan peperiksaan dan membuat syor berkaitan bagi penerimaan memasuki ke dalam profesion geologi;
- (vi) melantik orang untuk mewakili profesion geologi dalam mana-mana badan atau panel pemeriksaan;
- (vii) mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional bagi ahli-ahli geologi untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam permohonan terkini berhubung profesion geologi;
- (viii) memberikan biasiswa dan kemudahan lain bagi menggalakkan pembelajaran dan penyelidikan yang berkaitan dengan geologi; dan
- (ix) melakukan apa-apa benda lain untuk melaksanakan fungsi dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan Lembaga Ahli Geologi akan dilantik oleh Menteri dan terdiri daripada seorang pengerusi, seorang wakil Institut Geologi Malaysia, lima orang ahli geologi profesional berdaftar dalam perkhidmatan awam, lima orang ahli geologi profesional berdaftar yang menjalankan amalan persendirian atau dalam pengajian selain dari perkhidmatan awam dan dua orang pada pendapat Menteri yang dapat menyumbang kepada profesion negeri.

Pada peringkat operasi awal, Lembaga Ahli Geologi tersebut akan ditempatkan di ibu pejabat, Jabatan Mineral dan Geosains bagi mengurangkan kos pentadbiran. Di samping itu, Lembaga juga akan memastikan fi yang dikenakan adalah berpatutan supaya ia tidak membebankan mana-mana pihak termasuk ahli geologi yang bakal berdaftar dengan lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini apabila dijadikan satu akta nanti akan membolehkan profesion geologi di Malaysia dikawal selia dengan memastikan hanya individu-individu yang berkelayakan dan berpengalaman sahaja dibenarkan untuk memberi tafsiran dan ulasan yang kritikal berhubung perkara-perkara geologi di samping menjamin mereka menjalankan tugas mereka secara beretika serta tertakluk kepada pemeriksaan awam, *public scrutiny*.

■1630

Perkara ini adalah perlu bukan sahaja untuk menjaga kepentingan profesion itu tetapi juga bagi menjaga kebajikan dan kepentingan orang awam. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu akta ini akan meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan ahli-ahli geologi dan meletakkan profesion ini di tempat yang sewajarnya sama seperti profesion-profesion lain yang mempunyai akta masing-masing.

Ini adalah perlu memandangkan ahli-ahli geologi memainkan peranan yang penting dalam eksplorasi sumber-sumber bumi. Ahli geologi turut memainkan peranan yang penting dalam pengurusan sumber semula jadi selaras dengan konsep pembangunan lestari. Akta ini juga akan mengiktiraf geologi sebagai satu bidang sains yang memberi banyak faedah kepada negara dan masyarakat. Ini akan mendorong ramai lagi pelajar tempatan menceburi bidang geologi dan menyumbang kepada perkembangan bidang dan profesion tersebut di samping membantu negara dalam industri mineral dan pengurusan sumber semula jadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, akta ini akan membantu meningkatkan pembangunan moral modal insan dalam bidang geologi menerusi program pembangunan profesional serta pemberian biasiswa untuk menggalakkan pembelajaran dan pendidikan dalam bidang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Ahli Geologi 2008. Saya yakin rang undang-undang yang dikemukakan ini akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat atas keupayaan kerajaan untuk mengawal selia profesion geologi secara berkesan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini supaya golongan profesional ini menjalankan tugas dengan lebih bertanggungjawab dan beretika demi kepentingan rakyat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormat mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk

menubuh Lembaga Ahli Geologi dan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ahli geologi, pengawal seliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

4.33 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Ahli Geologi 2008 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Isunya ialah daripada hal menubuhkan Lembaga Ahli Geologi, mendaftar ahli geologi, kawal selia amalan geologi dan perkara-perkara berkaitan dengannya. Saya melihat keperluan untuk hal-hal ini diadakan sekarang cukup mendesak dan bangun untuk memberi pandangan menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, geologi satu bidang yang sangat luas seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Bukan sekadar tentang ilmu kaji bumi, air, batu-batuan, gempa bumi, banjir, marin, petroleum dan banyak lagi. Tumpuan saya ialah kepada dua cabang disiplin iaitu geologi petroleum dan ekonomi geologi. Keperluan untuk negara menambah bilangan ahli-ahli geologi yang disebut Yang Berhormat Menteri tadi dalam sekitar 700 orang dengan cabaran pembangunan yang sedang dilalui negara, kita memerlukan tambahan ahli-ahli geologi yang punya kepakaran dan kemahiran dan amanah dalam ilmu mereka ini dalam jumlah yang lebih ramai. Kepakaran ahli-ahli geologi petroleum ini misalnya membolehkan kita mengetahui berapa banyak potensi simpanan minyak dan gas yang terdapat di negara kita.

Apabila mereka berkhidmat dengan Petronas, syarikat negara misalnya kita mendapat fakta tentang simpanan gas dan minyak dalam kawalan Petronas. Darinya, kerajaan boleh memberitahu rakyat bahawa minyak kita sudah hampir habis. Ada yang kata lagi tiga tahun, ada yang kata empat tahun dan gas lebih lama lagi.

Dari semakan saya mendapati maklumat yang sebenar adalah berbeda. Melalui kepakaran ahli-ahli geologi petroleum lah dilaporkan dalam Laporan Tahunan Petronas 2006 misalnya sumber minyak mentah kita cukup sehingga 2024. Di bawah *Table Malaysian Reserve and Production*, dicatat *reserve billion barrel of oil equivalent 2007, crude oil 5.36 boe* dan gas 14.82.

Melalui kepakaran ahli geologi petroleum inilah mereka memaklumkan *reserve replacement ratio* kita ialah 1 kepada 1.4 di peringkat domestik. Maksudnya setiap satu liter minyak yang kita sedut, ditemui 1.4 liter lagi dalam penemuan baru. Satu liter kita sedut keluar,

usaha cari gali Petronas dengan menggunakan kepakaran ahli-ahli geologi ini bukan sahaja di peringkat domestik tapi di luar negara.

Di Sudan, di Turkmenistan misalnya dilaporkan dengan terang *reserve replacement ratio* adalah domestik 1 kepada 1.4. 1 liter kita sedut keluar minyak, 1.4 liter lagi ditemui di telaga-telaga baru. Di peringkat antarabangsa pula, 1 kepada 3.2. Maksudnya 1 liter minyak ditemui di telaga minyak antarabangsa, 3.2 liter minyak penemuan baru.

Ini bermakna berdasarkan kepada laporan Petronas yang saya teliti semenjak 1980 melaporkan simpanan minyak mentah Malaysia semakin bertambah dan bukannya berkurang. Pada 1980, simpanan minyak mentah kita 3 bilion. Namun semenjak itu kita telah mengeluarkan lebih 4 bilion tong dan hari ini kita masih mengeluarkan sebanyak 650 hingga 700 tong sehari selama 365 hari dan pada kadar ini boleh bertahan sehingga 2024. Pada 2008, simpanan minyak mentah negara ialah 4 bilion tong dan Malaysia berada tempat ke 28 dalam pemilik simpanan minyak terbesar dunia. Ini semua saya korek daripada laporan Petronas.

Bagaimana laporan ini ditemui, sudah tentu kerana kepakaran ahli-ahli geologi petroleum yang berkhidmat dengan Petronas. Petronas juga khabarnya melabur ratusan juta setiap tahun bagi mencari telaga minyak baru di seantero dunia. Menerusi pelaburan ini, ditemui telaga-telaga minyak baru dan nisbah penggantian yang saya sebutkan tadi.

Melalui kepakaran ahli-ahli geologi negara jugalah kita mendapat tahu bahawa *reserve gas* asli kita juga adalah berkedudukan ke 13 terbesar di dunia, lebih daripada 100 trilion kaki padu. Di satu sisi lain, kepentingan ahli geologi yang betul-betul punya kepakaran dan kemahiran tinggi untuk menduduki *National Petroleum Advisory Council* juga perlu diberikan tumpuan. *National Petroleum Advisory Council* pernah mengumpulkan, lahir bersama dengan lahirnya Petronas. Mengumpulkan pakar-pakar bagi merancang guna sumber tenaga dan membentuk polisi-polisi tenaga negara yang berkesan.

Akan tetapi hampir tidak kedengaran tentang fungsi dan betapa aktifnya Majlis ini. Apakah dalam suasana sekarang, kita tidak nampak alasan untuk *National Petroleum Advisory Council* ini diaktifkan semula kalau sebelum ini berada dalam keadaan domain.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Barangkali dalam rang undang-undang geologi ini *National Petroleum Advisory Council* perlu dihidupkan semula dengan melantik tokoh-tokoh berwibawa yang punya kepakaran khusus dalam bidang geologi ini untuk membantu sama-sama menangani...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Machang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu laporan yang disebut tadi laporan bila itu? 2006 ke laporan sekarang?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tentang apa?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Laporan tadi yang tentang *reserve* dan juga jumlah ...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Laporan Petronas 2006.

■1640

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jadi tidakkah Yang Berhormat terfikir dengan keadaan sekarang, kepesatan pembangunan dan sebagainya kita lihat punca kekurangan minyak sekarang ini ialah kerana pembangunan yang begitu pesat. Permintaan yang begitu pesat terutamanya di India dan juga di China. Jadi sekarang ini kita dalam 2008. Apakah laporan itu masih *valid*, boleh digunakan untuk berhujah bahawa rizab kita ini mencukupi sehingga 2024 sebab yang disebut ialah 2014?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya akan sampai ke situ untuk makluman Yang Berhormat Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi. Ketika kita sedang membahaskan Rang Undang-undang Geologi ini, saya beranggapan bahawa sudah sampai masanya untuk *National Petroleum Advisory Council* ini diaktifkan semula dengan meletakkan ahli-ahli geologi yang punya kemahiran dan pengalaman dan pengetahuan yang tinggi untuk membantu meningkatkan lagi sumber tenaga dalam negara kita.

Satu lagi bidang penting dalam geologi ini walaupun tidak tertera dalam bidang geologi muka surat empat puluh satu kertas rang undang-undang ini ialah Ekonomi Geologi. Semakan saya dalam kamus menyebut *Economic Geology* dengan izin *is studied and practiced by geologists, however, it is a prime interest to investment bankers stock analysts and other professions such as engineer, environmental scientist because of the far reaching impact which extractive industries have upon society, the economy and the environment.*

Economic geologist ini adalah satu cabang ilmu yang membolehkan kajian dan maklumat tentang bagaimanakah sumber-sumber itu boleh diuruskan dengan cara yang menguntungkan dari sudut ekonominya. Darinya kita boleh mengetahui dalam kaitan negara kita apakah agensi ataupun badan yang menguruskan hasil minyak negara ini betul-betul memberikan maklumat yang bertanggungjawab. Saya contohkan. *New Straits Times* semalam, 23 Jun. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyebut, "*last year, the subsidy bill excluding food and fuel was RM9.2 billion.*" Tidak termasuk subsidi minyak dan juga makanan, kerajaan membelanjakan RM9.2 bilion. Tambah dengan makanan dan minyak, *add food and fuel, subsidies spent came to over RM30 billion.* Ini semalam ya. Ini soal *economic geologist* Yang Berhormat Menteri. Saya semak pula dalam *Utusan Malaysia online* memetik Menteri Kewangan Kedua sebagai berkata, "berdasarkan harga minyak mentah semasa global, subsidi

minyak sebenar yang kita yakni kerajaan ambil dari bajet tahun ini, tidak termasuk daripada Petronas untuk diberikan kepada rakyat dan syarikat adalah berjumlah antara RM18 bilion sehingga RM19 bilion pada tahun ini berbanding RM7 bilion hingga RM8 bilion pada tahun lalu.”

Pada pertengahan Januari tahun ini, Menteri Kewangan Kedua menjelaskan kerajaan dijangka mengeluarkan subsidi bahan bakar sebanyak RM35 bilion bagi tahun 2008 jika harga minyak mentah berada di atas paras USD100 setong. Data yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negara, semua Ahli Parlimen dibekalkan laporan *treasury*. Jelas tidak seperti yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan Kedua. Data Perbendaharaan menunjukkan maklumat data *table* 6.3 di bawah tajuk Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek Tempohnya. Mengikut laporan Perbendaharaan Negara dalam carta ini perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan 2008 jumlah subsidi yang ditanggung kerajaan pada tahun 2007 ialah RM12.1 bilion iaitu 9.8% daripada RM124 bilion perbelanjaan mengurus kerajaan manakala pada tahun 2008, jumlah subsidi yang diramal oleh kerajaan ialah RM10.1 bilion atau 7.9% daripada jumlah RM129 bilion peruntukan perbelanjaan mengurus. Ini tidak termasuk tidak disebut subsidi bahan bakar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri kata RM30 bilion. Menteri Kewangan Kedua kata RM35 bilion. Dua-dua menteri kerajaan. Yang mana satu nak pakai? Yang mana satu rakyat nak percaya? Laporan Perbendaharaan pula sudah tentu berdasarkan kepada ilmu ahli-ahli *economic geologists* ini pula kerana mereka memberikan data-data penemuan. Darinya kerajaan merangka hasil dan kalau kita tengok *table* yang tertera dalam sub-topik perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan ini, subsidi yang disebut itu tidak seperti yang dinyatakan oleh menteri. Begitu juga dalam data perbelanjaan mengurus ini kita dapati bahawa bagaimanakah kalau ia tidak ada dalam Laporan Perbendaharaan. Saya semak dalam laporan ekonomi negara pun tidak ada macam itu.

Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri dan kerajaan boleh memaklumkan bahawa kita telah berbelanja RM30 bilion untuk membeli subsidi minyak dan gas ini. Persoalannya ialah *how can* dengan izin *government spent RM30 billion extra without reporting it to Parliament*. Yang kedua dengan izin, *how can government use extra RM30 billion and it goes unrecorded in the treasury records*. *Why the government did not reveal the real amount the government spent or planning to spend in the budget when they presented it to the Parliament each year*. Ini persoalan-persoalan pokok. Saya membandingkan antara kaitan kepakaran ahli-ahli geologi yang beramanah dan menyampaikan kepada agensi kerajaan, memberikan anggaran rizab negara yang darinya ekonomi negara dirancang, perbelanjaan negara dirancang.

Saya mendedahkan daripada dua sumber ini bagaimana kenyataan wakil kerajaan dari dua kementerian berbeza percanggahan data yang sangat ketara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Unggah Embas]: Peraturan mesyuarat mensyaratkan bahawa kita hanya bercakap berkaitan dengan rang undang-undang yang kita sedang bincang. Yang Berhormat nampaknya telah pun jauh lari dari undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Boleh saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bolehlah kadang-kadang belayar ke laut tapi jangan jauh sangat Yang Berhormat ya.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya sebut saya hanya ada dua tajuk. Geologi Petroleum dan *Economic Geology*. Saya takrifkan *economic geology* tadi ialah satu cabang ilmu yang menjadi minat utama.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sekejap. Saya tengah bercakap. *Floor* saya. *Floor* sayakan. Okey, sebab itu saya takrifkan tadi *economic geologist* cabang disiplin yang memberikan tumpuan keutamaan.

Datuk Douglas Unggah Embas: [Bangun]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kepada *investment bankers stock analysis and other professions*. Kita ini profesi...

Datuk Douglas Unggah Embas: Minta penjelasan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya minta penjelasan.

Datuk Douglas Unggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa *economic geology* adalah *the study and analysis of geological bodies and material that can be utilized, profitably by man including fuel, metal, non-metallic mineral and water. The application of geological knowledge and the initiate a share force and understanding of mineral deposit*. Ini bermakna bahawa tafsiran Yang Berhormat tadi tidak tepat. Saya tidak tahu mana Yang Berhormat dapat tetapi Yang Berhormat telah mentafsirkan satu tafsiran supaya Yang Berhormat dapat menggunakan tafsiran itu untuk meneruskan hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat yang tidak ada kaitan dengan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Machang. Untuk pembetulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bidang geologi ekonomi dalam senarai muka surat 41.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sekejap.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Machang tidak baca. Yang Berhormat Machang hanya merferkan kepada muka surat 40.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sekejap. Jadual kedua muka surat 41 perkara P. Sains geologi selain yang dinyatakan dalam butiran A hingga Oleh juga boleh salah. Dia senarai di sini A - geofizik, B - geokimia, C - geokronologi dan seterusnya O - stratigrafi dan paleontologi

■ 1650

P - sains geologi selain yang dinyatakan dalam butiran A hingga O. Jadi saya masukkan di sini ekonomik geologi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Muka surat 41.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan, dia belum bagi laluan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, ya. Kalau pun saya singgung yang E saya masih boleh lagi sebab disiplin geologi itu terlalu luas saya sebut tadi. Masih luas dan saya kaitkan ekonomik geologi tadi itu adalah *interest* yang berkaitan dengan minat kepada *investment bankers, stock analyst* dan *other professions*. Saya ambil daripada tafsiran Wikipedia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak bahas dari segi itu tapi saya sudah menunjukkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...bagaimana bila ilmu ini kita garap bersama, menteri harus tenang, tabah dalam menghadapi penerangan kita ini. Lepas ini jawab. Boleh? Okey, terima kasih. Terima kasih.

Saya tadi telah memberikan dua maklumat yang berbeda terhadap aset penting negara iaitu minyak dan gas. Ini kaitan dengan ilmu geologi. Kenapa harus ada dua perbezaan keterangan daripada kerajaan dan nilai perbezaan yang disebut subsidi ini berbezanya bukan RM5, bukan RM500 tapi RM5,000 juta dan tak ada pula dalam laporan perbendaharaan, tak ada pula dalam laporan bajet.

Jadi sebenarnya betulkah kerajaan bagi? Dari mana sebenarnya cabang ini diberikan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah pun menyimpang. Ini tidak kena tafsiran di sini tadi saya bagi tahu. Terlalu jauh.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Okey, saya *move* kepada *next*. Saya tinggalkan di situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat tak apalah. Yang Berhormat sudah, *i think has sent the message* dengan izin.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih. Saya sudah sebut tadi dari satu cabang itu. Daripada maklumat-maklumat tentang ilmu geologi yang pelbagai ini juga Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Petronas. Petronas yang paling hampir dengan bab-bab geologi ini. Kalau hendak bahas geologi tentang gempa bumi. Tanah runtuh, itu penting juga. Itu penting. Laluan saya daripada Kuala Lumpur balik Machang-Gua Musang itu selalu ada tanah runtuh itu penting. Itu juga kaitan dengan geologi. Itu saya tinggalkan kepada pembahas lain. Saya pilih dua cabang.

Petronas. Minyak dan gas adalah kaitan dengan kepakaran geologi. Saya hendak petik penasihat Petronas walau banyak pandangan dan dasar dia tak setuju, ada juga nasihat dia yang saya setuju. Bukan sahaja dalam bab yang saya hendak sebut. Waktu saya angkat sumpah setiausaha politik, bekas Perdana Menteri nasihat kepada saya tiga perkara. Pertama, sanggup kerja *round the clock*. *Geologist* pun kena ada *skill* sanggup kerja *round the clock*, menteri juga sama. Yang kedua, akhlak kena jaga dan yang ketiga kena banyak membaca. Dia nasihat kepada saya, saya pakai. Walaupun dalam banyak bab saya berbeza dengan dia, sementara nasihat dia saya pakai.

Yang ini juga saya pakai. Tun Dr. Mahathir selaku penasihat Petronas menulis dalam blognya, hampir tiada peningkatan dalam kos pengeluaran oleh Petronas semenjak tiga tahun lalu. Oleh itu, lebihan USD100 satu tong boleh dianggap untung bersih. Tun bandingkan 2004 minyak mentah Malaysia dijual pada USD30 satu tong. Hari ini lebih daripada USD130. Katanya semenjak tiga tahun yang lepas tak ada tambahan kos.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...dan USD100 itu merupakan peningkatan bersih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sebab itu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini sudah lari tajuk. Semalam tak hendak cakap. Semalam boleh cakaplah.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini *economic geologist*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Dengar dahulu. Yang marah buat apa?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sepatutnya semalam bangkitkan. Kan senang hendak jawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sini Yang Berhormat. Pandang sini dahulu Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Okey, saya pandang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah dengar mereka. Dengar saya, dengar saya.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat banyak mana pun bercakap soal benda yang tidak relevan dengan kementerian dia tak akan jawab juga Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi *you* tak akan dapat kepuasan jawapan yang diberi. Lagi satu kalau menteri sendiri ada di sini patut Yang Berhormat berucap soal-soal Yang Berhormat sebut tadi.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Baik, saya terima teguran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi balik ke perenggan yang lain.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...saya terima teguran Tuan Yang di-Pertua. Dalam pembentangan tadi Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tumpukan kepada rang undang-undang. Kita mahu bahas.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Siapa itu? Sabarlah. Ini *floor* saya. Tadi Tuan Yang di-Pertua memberi nasihat dan semua kita dengar. Kalau saya boleh dengar nasihat kenapa saudara tak boleh? Yang Berhormat Putatan kenapa tak boleh dengar?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh teruskan ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri tadi sebut bidang geologi ini satu bidang yang luas dan satu cabang daripadanya ialah bidang ekonomi dan saya memberi tafsiran daripada Wikipedia dan saya yakin ada kaitan dengan realiti pentadbiran

dan pengurusan hasil negara yang bersumberkan kepada ilmu dan kepakaran geologi. Dalam kes ini petroleum dan gas. Itu kaitannya.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya juga beranggapan bahawa sudah sampai masanya juga barangkali dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan cabang geologi ini saya ingin menyebut tentang ada semacam satu *missing element* atau elemen yang hilang dalam rang undang-undang ini yakni tentang keperluan untuk menjadikan ahli-ahli geologi ini dalam mengamalkan ilmu dan kepakaran mereka dapat mengamalkan satu dasar yang lebih cintakan alam sekitar.

Maknanya kehendak Malaysia ditundukkan dengan alam sekitar bukan nafsu manusia yang mengalahkan atau merosakkan alam sekitar. Yang ini dipanggil *deep ecology*. Satu cabang yang menghendaki ahli-ahli geologi kita misalnya kalau bertugas misalnya menyediakan laporan EIA bukan hanya memberi penilaian terhadap aspek fizikal semata-mata tetapi harus mengambil pendekatan penyesuaian dengan alam sekitar. Bukan alam sekitar yang perlu disesuaikan mengikut kehendak dan nafsu manusia.

Sikap mahu menjadi dominan, penakluk kepada unsur-unsur alam termasuklah aspek geologinya telah menyebabkan semakin hari semakin banyak kita mendengar bencana yang berlaku akibat tangan-tangan manusia sebagai mana yang Allah taala firmankan dengan izin *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] 'Telah zahir kerosakan di darat dan laut kerana perbuatan-perbuatan tangan manusia'*. Sebab itu saya menganjurkan agar rang undang-undang dalam mengumpulkan pendaftaran ahli-ahli geologi ini termasuk juga di dalam *chapter* atau bab tentang bidang fungsi mereka dalam menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubung dengan '*survey geology*' misal kata. Muka surat 49 perkara G, aspek kemanusiaan ini harus juga diberikan pertimbangan. Bukan hanya pertimbangan fizikal tetapi sewajarnya ia juga sarat dengan sentuhan kasihkan persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menamatkan dan menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan.

4.58 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan rang undang-undang geologi yang kita tunggu-tunggu begitu lama. Apa yang terjadi pada kebelakangan ini adalah kita lihat pelantikan pengamalan geologi ini seolah-olah tidak terurus oleh kerana apabila kita mencari pihak geologi untuk membuat sesuatu kerja yang mengamalkan kuasa tanah dan *seismic survey* dengan izin misalnya, kita tidak ada orang profesional yang boleh buat kecuai dengan bantuan daripada pihak jabatan kerajaan.

Jadi kita tumpukan kepada rang undang-undang ini kepada perkara 6 keanggotaan lembaga.

■1700

Apabila kita lihat bidang geologi yang disenaraikan pada muka surat 41, ada terdapat 15 bidang. Apabila kita melihat jumlah anggota yang hendak menjadi ahli profesional berdaftar dalam lembaga ini kita hanya dapat lima daripada yang dilantik daripada pihak kerajaan dan pihak-pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak kuasa berkanun.

Apabila kita melihat D pula, daripada ahli profesional berdaftar termasuk juga pihak berkuasa tempatan ataupun pihak kuasa berkanun. Jadi ini ada percanggahan sedikit. Saya harap menteri dapat melihat perkara ini, kalaulah boleh semua 15 bidang geologi ini dapat dimasukkan dalam keanggotaan lembaga ini.

Ini saya lihat di sini dan dua orang pada pendapat menteri dapat menyumbang kepada kemajuan profesional. Saya rasa satu perkara yang *missing* di sini, yang tidak termasuk mungkin daripada pernyataan pihak-pihak akademik ataupun pihak-pihak lain yang boleh menyumbang. Ini akan menjawab kesangsian sahabat saya Yang Berhormat Machang. Mungkin ini boleh ditambahkan daripada jumlah 10 hingga kepada jumlah yang akan mewakili semua bidang-bidang geologi yang tersenarai di muka surat 41.

Kalau kita beralih kepada muka surat seterusnya berkenaan dengan penubuhan, perwujudan *Institute of Geology* misalnya, mungkin walaupun ada seorang wakil institut ini, kita tidak pasti kerana institut ini sudah ditubuhkan, sudah diwujudkan. Satu orang itu tidak cukup Yang Berhormat Menteri. Kalaulah sekurang-kurang dua wakil daripada institut bagaimana yang diamalkan oleh lembaga-lembaga yang lain.

Jadi, saya tidak menyebut apa yang saya baca sahaja. Kita beralih kepada perkara 11(c) - Pengosongan Jawatan. Jika kelakuan sama ada berkaitan dengan tugasnya sama ada sebagai seorang anggota lembaga atau selainnya ialah kelakuan yang memburukkan nama lembaga. Jadi ini tidak menyebut soal *professional misconduct* dengan izin.

Jadi ini akan agak mengelirukan dan saya rasa ini harus dilihat kembali. Soal muka surat 22, Perkara 23 yang *proviso*, sekatan terhadap ahli geologi professional tidak berdaftar. Ini opsyen kepada ahli-ahli mungkin ada yang membuat opsyen untuk tidak berdaftar tetapi mengamalkan kegiatan kerja-kerja geologi terutama sekali *technicians* daripada universiti-universiti yang tidak diiktiraf oleh institut ini kalau ada ataupun dari pihak lembaga ini kelak. Ini kerana terdapat universiti-universiti di luar negeri yang mungkin tidak tersenarai daripada pengiktirafan negara kita.

Jadi ini boleh kita benarkan untuk berkongsi dengan ahli yang telah berdaftar sebagai seorang *partner* atau rakan kongsi dan sebagainya. Kalau kita lihat di sini, dalam (c) ini, saya tidak lihat ini sebagai satu kesalahan. Apa yang kita kata sekatan-sekatan. Jadi kalau tengok (2), seseorang yang melanggar subseksyen (1) bermakna semua keseluruhan yang di bawah (1) ini dianggap sebagai satu *paragraph* yang melakukan kesalahan.

Jadi kalau saya lihat (c), (d) ini bukan nampak yang dilihat sebagai kesalahan dan ini saya rasa patut menteri kemaskinikan seksyen 23 dengan jelas. Ini bukan kesalahan, tetapi amaran. Kalau ditengok kalau macam kesilapan atau kesalahan yang melanggar subseksyen 23(1) ini dianggap sebagai kesalahan dan ada mensabitkan kesalahan, disabitkan kesalahan, ada pula disentuh di sini di denda tidak melebihi RM10,000 dan dipenjarakan 9 tahun. Saya fikir ini tidak sesuai.

Saya suka juga ahli bukan untuk terkeluar daripada rang undang-undang ini, saya juga setuju dengan secara praktikal ahli-ahli geologi yang bersiswazah itu kita haruslah terlebih dahulu membuat satu peraturan. Peraturan bagaimana kita mengambil ahli geologi yang kalau kuasa menteri yang melantik ini, saya fikir ini juga harus berhubung ataupun membuat satu persetujuan daripada 15 bidang ahli geologi sebelum dilantik ahli-ahli lembaga ini kelak.

Soal yuran profesional, soal *conduct office and examination syllabus* ini kita serahkan kepada ahli lembaga kemudian tetapi apa yang patut saya sentuh di sini dan yang saya akan cadangkan adalah *syllabus* itu mestilah lebih kepada menumpukan kepada undang-undang di dalam negeri kita atau di negeri masing-masing. Ini kerana soal hasil bumi ini, hasil tanah ini adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing dan kita harus berhati-hati kerana di setiap negeri mempunyai undang-undang tersendiri berkenaan dengan tanah, penyukatan dan sebagainya.

Ini amatlah dialu-alukan Tuan Yang di-Pertua kerana dalam masa kini kita sedang tertekan dengan kenaikan harga bahan api. Maka haruslah profesional geologi ini dapat melihat dalam bentuk hasil-hasil bumi yang lain terutama sekali arang batu, gas, dan emas kalau ada.

Jadi kita memerlukan satu pendekatan di mana kita mahu lihat pemetaan hasil-hasil bumi di seluruh negara kita, bentuk *volume* deposit yang ada dan jenis-jenis galian yang lain. Ini mungkin kita dapat membuat satu *blueprint* untuk ekonomi negara dalam bidang galian yang sekarang kita lihat apa yang ada pada kita saya rasa pemetaan itu agak lama telah dibuat semenjak tahun 60-an kalau tidak silap.

■ 1710

Jikalau saya tidak silap tahun 60-an ataupun *early* 1970. Ini perlu dilaksanakan dengan secepat yang mungkin, kerana mungkin dalam *midterm revise* macam dikatakan melihat dalam bidang galian kita. Mungkin dalam eksplorasi negara kita sudah pun disentuh oleh sahabat dari Machang berkenaan dengan galian kita yang akan mengakibatkan ataupun kesan buruk kepada alam flora kita. Ini amat penting kerana ini perkara yang telah diuar-uarkan oleh pihak-pihak NGO. Saya harap pihak kementerian berhati-hati sekiranya ada sebarang *exploration* ataupun pencarian galian kepada hasil-hasil bumi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berhenti di sini kerana itulah saya lihat perkara yang penting yang harus diberi perhatian. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Sibuti.

5.11 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik juga hendak bercakap pasal rang undang-undang yang dibentangkan tadi *geologist*. Saya hanya hendak bercakap pasal mengawal selia profesion *geologist*.

Kita tahu bahawa profesion ini hanya banyak digunakan oleh syarikat besar di mana *oil and gas* dengan izin yang menggunakan khidmat *geologist* ini. Di Malaysia ini syarikat yang terbesar Petronas, adalah sebuah syarikat yang banyak menggunakan *expertise geologist* dari luar negara. Apa yang kita tahu dari Germany, Amerika dan Australia. Di mana mereka ini adalah mendapat gaji yang lumayan untuk menjalankan tugas mereka di dalam profesion ini, untuk membantu syarikat-syarikat tersebut dan untuk melihat apakah ianya ada di darat ataupun di dasar laut, kita mempunyai minyak dan gas.

Expertise daripada luar negara ini dapat digunakan juga untuk melatih anak-anak tempatan Malaysia yang mempunyai pengalaman di dalam bidang profesion ini. Dengan itu kita percaya dan yakin bahawa pihak Petronas yang besar boleh melatih lagi anak-anak tempatan untuk mendapat pengalaman bersama-sama dengan *expertise* yang kita import dari luar negeri ini.

Sebahagian *geologist* kita juga memang sudah lama di dalam *geologist* ini mempunyai *environmental analysis*. Di mana mereka juga tahu bahawa sebelum mereka hendak memberi keputusan sesuatu mestilah mempunyai penyelidik-penyelidik yang terkenal sehingga mendapatkan maklumat-maklumat penting di dasar laut ataupun di darat. Mereka juga banyak bertugas mewakili syarikat Petronas di luar negara seperti di Sudan, di Australia dan juga di mana-mana, di Filipina di mana pihak Petronas mempunyai kepentingan.

Oleh yang demikian kita sangat-sangat mengajukan kepada pihak kerajaan agar anak-anak tempatan mempunyai minat di dalam hal *geologist* ini dipertahankan agar ianya lebih ramai supaya kita tidak menggunakan *expertise* dari luar negara ini, di mana gaji mereka terlalu lumayan.

Oleh yang demikian, saya tidak akan bercakap panjang kerana hal-hal yang lain telah banyak disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Saya dengan itu untuk mengawal selia profesion *geologist* ini, saya sangat-sangat menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Ledang.

5.16 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong usul ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak

kementerian yang telah pun berjaya menyiapkan rang undang-undang. Apa yang saya nampak ia sangat penting pada masa ini, khususnya di dalam kita melengkapkan lagi tanggungjawab bersama di kalangan ahli-ahli profesional dan sekali gus meningkatkan taraf ahli geologi atau *geologist* pada satu-satu taraf yang sebaris atau setaraf dengan para profesion yang lain seperti arkitek, peguam, jurutera dan sebagainya. Di mana masing-masing juga ada kemahiran mereka sendiri.

Apa yang paling penting saya lihat di sini, kita dapat berkongsi tanggungjawab dengan ahli-ahli geologi untuk menjaga segala sumber yang sedia ada di muka bumi ini sebagai salah satu pemberian kepada Allah SWT kepada hambanya. Ini kerana kita sedia maklum kita adalah khalifah di muka bumi ini yang bertanggungjawab untuk mengurus dengan betul segala pemberiannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya lihat adalah apabila akta ini diluluskan, ahli geologi akan sekali gus berdiri sebagai ahli profesional dan mereka akan bertanggungjawab atau berkongsi tanggungjawab kepada semua kerja ataupun tugas yang berkaitan dengan muka bumi. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, sebuah bangunan yang dibina di atas muka bumi, perlu dilihat dari segi kekuatan struktur muka bumi. Kekuatan struktur muka bumi ini adalah terletak kepada kefahaman ahli geologi di dalam negara Malaysia. Seorang jurutera ataupun seorang arkitek tidak mungkin mampu untuk membina sebuah bangunan yang kukuh di atas muka bumi, di mana-mana jua tanpa maklumat yang tepat daripada ahli geologi. Sekiranya maklumat itu tidak tepat bangunan itu akan runtuh.

Saya masih ingat beberapa kejadian di dalam negara Malaysia, di luar negara bangunan-bangunan runtuh. Ini disebabkan oleh kekuatan struktur muka bumi yang memegang cerucuk sesuatu bangunan ataupun yang menerima beban sesuatu bangunan itu lemah ataupun tidak mampu menerimanya kerana mungkin fakta yang tidak betul. Namun kesalahan diletakkan ataupun dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada arkitek dan kepada jurutera.

■1720

Malahan kepada pelukis pelan. Apabila saya berfikir tentang ini, saya berfikir alangkah tidak adilnya, alangkah tidak adilnya tanggungjawab itu tidak dipikul sama rata oleh semua pihak hanya semata-mata tidak ada Rang Undang-undang Ahli Geologi seperti yang kita bentangkan hari ini. Sebab itu saya katakan tadi, rang undang-undang ini sekali gus akan meletakkan ahli geologi sebaris dengan ahli profesional yang lain yang berkaitan dengan pembinaan dan sebagainya untuk yang paling penting menerima tanggungjawab bersama kepada setiap tugas, setiap kerja yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi dengan adanya rang undang-undang ini, ahli geologi akan lebih bertanggungjawab, akan lebih cermat atau peka kerana mereka telah pun diletakkan dalam satu sistem, dalam bentuk undang-undang dan peraturan. Mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab mereka, mereka tidak boleh lepas tangan dan mereka tidak

boleh memberikan sesuatu maklumat yang tidak tepat kerana mereka terikat dengan undang-undang.

Sekali gus Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia akan hidup dalam suasana yang lebih yakin kerana mereka disediakan dengan maklumat geologi yang tepat di atas muka bumi, di mana mereka tinggal di dalam sesuatu bangunan. Perkara ini juga Tuan Yang di-Pertua, turut dipertanggungjawabkan kepada semua pembinaan yang berlaku di atas muka bumi selain daripada bangunan.

Misalnya sesebuah jalan yang dibina di muka bumi perlu ada tarahan ataupun perlu ada kerja-kerja tanah di sesuatu jajaran yang telah pun ditentukan dengan kepakaran. Dan dengan profesionalisme ahli geologi yang tepat ini sesuatu jajaran jalan yang dibina insya-Allah akan lebih tepat sama ada sesuatu kerja potong tanah sesuai atau tidak di tempat-tempat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat senario di dalam negara Malaysia, banyak kerja-kerja memotong bukit, banyak kerja-kerja memotong cerun, tetapi selama ini banyak juga bukan sahaja kejadian tanah runtuh tetapi kesan daripada kerja-kerja tanah seperti cerun, bukit dan sebagainya yang menyebabkan pencemaran alam sekitar di peringkat hiliran. Ertinya Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab ini sekali gus akan dapat dikongsi bersama oleh semua pihak. Para pencinta alam sekitar, para profesional yang berkaitan dengan pekerjaan alam sekitar akan juga menerima input yang profesional daripada ahli geologi sekali gus pasti akan dapat lebih menyelamatkan alam sekitar daripada terus diganggu hanya semata-mata kerana kurang sokongan yang lebih profesional daripada ahli geologi selama ini.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, apabila rang undang-undang ini dibentangkan saya sangat menyokong. Cuma ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan di sini. Pertama ialah tentang kemungkinan atau sudah pasti syarikat-syarikat perundingan yang berkaitan dengan geologi akan ditubuhkan dengan banyaknya. Mungkin akan berlaku perlumbaan, bayaran yang dikenakan oleh perunding yang dituntut kepada pihak yang akan menyediakan sesuatu kerja.

Saya bimbang sekiranya perkara ini tidak dikemaskan dan berlaku perlumbaan harga yang murah sama seperti profesional yang lain, akhirnya para geologi, para perunding di profesion yang lain akan memberi perkhidmatan yang kurang standard dan akhirnya menjadikan sesuatu mungkin projek, mungkin sesuatu pembinaan tidak lagi berkualiti hanya kerana bayaran yang tidak setimpal akibat daripada perlumbaan yang berlaku dari segi bayaran perunding.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu peraturan ataupun undang-undang yang berkaitan dengan syarikat perunding geologi juga dapat disediakan dengan lebih kemas supaya semua ahli-ahli geologi yang mempunyai syarikat ataupun yang akan menubuhkan syarikat lebih teratur di dalam menyediakan perkhidmatan mereka. Yang penting Tuan Yang di-Pertua,...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dia dah bangun, boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya ini seorang *engineer*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang macam ini bisik-bisik sebelah tu cukuplah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Bukan bisik Tuan Yang di-Pertua, sebab saya nak tanya dengan dia, dia seorang profesional iaitu seorang *engineer* ataupun jurutera. Jadi dalam negara kita banyak akta-akta dibentangkan untuk profesional ini tetapi saya hendak minta pandangan daripada sahabat saya daripada Ledang ini. Di mana kadang-kadang kita tidak begitu percaya sebenarnya dengan kebolehan rakyat kita ini. Apabila bukan sahaja kita bahkan ada jabatan-jabatan tertentu sanggup mengambil profesional daripada luar ini, lebih percaya kepada yang luar ini dan akhirnya di sub balik kepada rakyat kita. Jadi saya nak minta pandangan daripada Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, pucuk di cita ulam mendatang, soalan yang sangat baik.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini banyak kali dibangkitkan bukan sahaja di sini malahan juga di tempat-tempat lain. Sebenarnya banyak juga desakan daripada ahli-ahli profesional dalam negara Malaysia dalam semua bidang supaya memberikan keutamaan kepada rakyat tempatan. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, sesuatu kerja yang dikategorikan sebagai profesional, kita melihat sangat mudah, memang mudah pun! Akan tetapi bagi setengah orang ianya satu perkara yang sangat kompleks dan memerlukan kita mengimport tenaga profesional daripada luar.

Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, di negara Malaysia tidak kurang hebatnya malahan kalau daripada perangkaan yang kita ada dalam negara Malaysia, banyak ahli-ahli profesional yang daripada Malaysia yang juga berkhidmat di negara luar, berkhidmat di Jeddah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, lagi ada ucapan, sambung esok hari Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh ya? Terima kasih.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh sambung Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu 25 Jun 2008. Ucapan penangguhan Yang Berhormat.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Keluar bilik air sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini betul tangguhan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Benarkan saya ucapkan dahulu, lepas itu Yang Berhormat Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Tindakan Terhadap Syarikat G-Gold Gallery dan Syarikat Top Gold**

5.32 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Saya telah menerima beberapa aduan daripada individu-individu yang telah terlibat di dalam skim pelaburan yang dikendalikan oleh Syarikat G-Gold Gallery dan Syarikat Top Gold, di mana mereka memberi sejumlah wang untuk ketulan emas yang dijanjikan dengan faedah bulanan yang tinggi.

Kegiatan sedemikian dikenali pengambilan deposit haram. Saya dimaklumkan adalah melanggar *Banking Financial Institution Act 1987*. Walaupun Syarikat G-Gold ini telah diserbu

pada bulan Mei 2006, disiasat dan siasatan telah lengkap adalah luar biasa bahawa tindakan mahkamah masih belum diambil terhadap pengarahnya.

Jawapan yang diberi oleh Perdana Menteri menerusi pertanyaan jawab bertulis pada sesi mesyuarat yang lalu berkenaan perkara ini adalah, bahawa semua kes pengambilan deposit haram yang telah selesai disiasat oleh Bank Negara telah pun didakwa di mahkamah kecuali kes yang melibatkan Syarikat G-Gold.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya memaklumkan berkenaan Ucapan Penangguhan ini, saya baru nampak ada tindakan diambil. Saya baca dalam surat khabar terhadap syarikat yang berkenaan.

Untuk makluman Bank Negara dan Jabatan Peguam Negara, sedarkah bahawa mangsa-mangsa kini mempersoalkan integriti dan kredibiliti Bank Negara dan Jabatan Peguam Negara di atas kelewatan mengambil tindakan terhadap syarikat tersebut. Ia telah menimbulkan dakwaan bahawa kononnya ada niat oleh Jabatan Peguam untuk melindungi orang kenamaan tertentu.

- (i) mengapa proses mahkamah lewat di ambil terhadap syarikat ini? Jika benar seperti yang dinyatakan bahawa sedang berjalannya proses mendapatkan semula wang pendeposit, apakah tempoh yang telah diberi untuk memastikan wang pendeposit selesai dikembalikan kepada mangsa-mangsanya? Berapakah jumlah yang telah dikembalikan?

Oleh itu, untuk mengelakkan timbulnya persepsi sedemikian, apakah Bank Negara dan Jabatan Peguam Negara bersedia untuk mendapatkan kerjasama daripada mangsa-mangsa dan Bank Negara menjadi orang tengah bagi mempercepatkan proses pengembalian wang kepada mangsa-mangsa terlibat.

Ini adalah kerana, mangsa-mangsa ini telah diberi alasan oleh Pengarah G-Gold bahawa Bank Negara telah merampas dokumen dan emas serta membekukan sebahagian besar akaun Bank G-Gold Gallery yang mengakibatkan mereka tidak dapat mengembalikan wang kepada mereka.

- (ii) Siapakah, jenis dan berapakah tuduhan yang akan dikenakan terhadap mereka ini yang terlibat di dalam Syarikat G-Gold. Saya ingin tahu bilakah waran tangkap telah diperolehi. Setakat ini mengapa mereka masih belum berjaya ditangkap?
- (iii) memandangkan Syarikat G-Gold diambil tindakan, adakah syarikat yang berkait rapat dengannya seperti Syarikat Top Gold ada disiasat. Jika ya, apa tindakan. Jika tidak, mengapa?
- (iv) apakah benar bahawa ada terlibatnya orang kenamaan di dalam syarikat ini atau telah menjadi mangsa yang mengakibatkan kesukaran oleh Jabatan Peguam Negara untuk melaksanakan tugasnya? Apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk memastikan bahawa kegiatan ini

tidak berterusan. Sekadar memberi nasihat kepada mangsa-mangsa untuk mengambil tindakan sivil terhadap syarikat bukan satu pilihan yang baik memandangkan proses tersebut akan melibatkan kos dan masa yang panjang.

Saya pohon penjelasan berkenaan isu yang dibangkitkan ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila menteri menjawab.

5.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
[Pembesar suara tidak berfungsi] [Beralih ke tempat Yang Berhormat Kota Tinggi]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Belah sinilah, belah sini boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha, itu yang boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia hendak suruh pergi sini la. Makin lama makin dekatkan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, semua kes pengambilan deposit haram yang telah selesai disiasat oleh Bank Negara telah pun didakwa di mahkamah kecuali kes yang melibatkan Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd.

Berhubungan dengan kes Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd ini, Bank Negara Malaysia telah membuka kertas siasatan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Waran tangkap terhadap Pengarah-pengarah G-Gold Gallery Sdn. Bhd. iaitu Daniel Choong Yew Chee dan Khoo Ban Sean Benny telah diperoleh daripada mahkamah pada 18 Jun 2007.

Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara telah menerima satu representasi daripada Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. untuk membuat penyelesaian dan representasi ini perlu dipertimbangkan secara teliti oleh Jabatan Peguam Negara dengan mengambil kira jumlah pelaburan dan kepentingan pelabur-pelabur yang perlu dilindungi agar mereka tidak mengalami kerugian.

Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. untuk mengemukakan representasi tersebut kepada Bank Negara untuk dibuat kajian, sama ada penyelesaian yang dicadangkan itu adalah bersesuaian dan menurut peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun, sehingga bulan April 2008, Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. telah gagal untuk mengemukakan representasi tersebut kepada Bank Negara walaupun telah beberapa kali diminta berbuat demikian.

Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah membuat keputusan untuk menuduh kedua-kedua Pengarah Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. Kedua-dua pengarah tersebut dituduh dengan 94 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 di Mahkamah Seksyen Ipoh, pada 19 Jun 2008 dan 269 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan

Pembiayaan Keganasan 2001, dan satu pertuduhan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur pada 20 Jun 2008.

Namun begitu, pada masa kini hanya Khoo Ban Sean Benny sahaja telah dituduh kerana Daniel Choong Yew Chee tidak berada dalam Malaysia. Beliau akan dituduh sebaik sahaja beliau kembali ke Malaysia. Siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara tertumpu khusus terhadap Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. Siasatan juga adalah dijalankan terhadap Syarikat Top Gold sebagai sebahagian daripada siasatan terhadap Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. Buat masa ini, keputusan untuk menuduh hanya dibuat terhadap Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. dan kedua-dua pengarahnya.

Oleh kerana terdapat representasi oleh Syarikat G-Gold Gallery Sdn. Bhd. untuk penyelesaian bagi mengembalikan semua wang deposit kepada pendeposit, maka adalah wajar representasi ini diberikan pertimbangan yang teliti dan sewajarnya agar kepentingan pendeposit-pendeposit dapat dilindungi dan dijamin. Tiada kesukaran dihadapi oleh Jabatan Peguam Negara semasa melaksanakan tugasnya dalam kes ini. Bagi memastikan kegiatan ini tidak berterusan, Jabatan Peguam Negara akan memastikan mereka yang terlibat dalam aktiviti haram tersebut akan didakwa di mahkamah. Namun begitu, ia adalah tertakluk kepada siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara dan keterangan yang mencukupi.

■1740

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Dalam Industri Perumahan

5.40 ptg.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Dalam Institusi Perumahan. Tidak dinafikan bahawa asal-usul Dasar Ekonomi Baru jelas mengandungi objektif-objektifnya yang mulia, yakni kemiskinan dan masalah mujarab berkaitan kemiskinan harus dibasmi dan struktur sosio ekonomi masyarakat harus dirombak semula tanpa mengira kaum dan bangsa, mahupun penglibatan kaum bumiputera dalam semua bidang ekonomi harus dipelihara.

Namun demikian, saya ingin mengutip satu perkara anti progresif di mana inti pati DEB telah diketepikan kerana terdapat satu penyelewengan besar yang tampak sekali dalam industri perumahan.

Pada tahun 1987, kerajaan-kerajaan negeri menerusi pihak kerajaan tempatan, telah memulakan satu dasar mengenai peruntukan kuota bumiputera dalam bidang perumahan yang antara inti patinya mengandungi syarat-syarat berikut:

Bagi mana-mana projek pembangunan yang terdiri daripada lebih empat unit sama ada unit kediaman atau komersial, pihak pemaju harus memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% bilangan unit kepada bumiputera di mana:

- (i) pembeli bumiputera diberi 5% diskaun pada harga jualan;
- (ii) unit-unit yang diperuntukkan sebagai kuota dan rizab bagi pembeli bumiputera harus dipegang selama enam bulan; dan
- (iii) unit-unit berkenaan hanya boleh dilepaskan untuk dijual di pasaran umum setelah pupusnya tempoh enam bulan tersebut dengan cara pemberitahuan umum menerusi umum akhbar Melayu sebanyak tiga kali dalam enam bulan terkemudian.

Kemudian, mulai tahun 2001, kuota perumahan untuk bumiputera telah dihubung kaitkan dengan permohonan *Certificate of Fitness (CF) for Occupation*, dengan izin. Sedangkan amalan penentuan CF secara tertakluk kepada peruntukan kuota perumahan bumiputera sebenarnya tidak pernah termaktub dalam mana-mana landasan perundangan baik di peringkat Persekutuan atau negeri.

Amalan sedemikian sebenarnya dikendalikan oleh badan-badan berkuasa tertentu pada peringkat negeri dengan adanya penyelarasan peringkat Persekutuan. Amalan ini disebut sebagai syarat kelulusan (*clearance*) dengan izin, dan syarat ini ditetapkan oleh Unit Penyelarasan Bumiputera peringkat negeri.

Amalan ini telah dihalalkan ataupun diresstui oleh Kerajaan BN. Badan penyelarasan yang berkenaan ialah jawatankuasa pemandu ataupun JKP Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, dalam singkatannya BPPB.

Sebenarnya pada lewat 1990-an, syarat permohonan untuk melepaskan unit peruntukan kuota bumiputera diubahsuai di mana si pemaju harus menyiapkan 60% daripada projek keseluruhannya. Syarat ini dinaikkan 80% persiapan projek kemudiannya. Maksudnya terdapat *holding cost*, dengan izin. *Holding cost* bagi pihak pemaju kian melambung dan ini menunjukkan ketiadaan *efficiency* dalam sistem ekonomi negara.

Kita harus menegakkan satu persepsi yang betul. Ini adalah kerana sejak tahun 1990-an, terdapat pemaju yang disyaratkan untuk membuat sumbangan ataupun *contribution*, dengan izin, di atas saki baki kuota bumiputera yang tidak dapat dijual oleh pemaju. Amaun sumbangan itu pada amnya adalah bersamaan dengan 30% daripada 5% diskaun daripada harga jualan rumah untuk pembeli bumiputera dikalikan dengan bilangan unit bumiputera yang tidak terjual.

Yang lebih pentingnya, keluaran CF tidak lagi bergantung kepada syarat-syarat teknikal tetapi kini ianya tertakluk kepada sumbangan kewangan kepada agensi-agensi yang diresstui oleh Perdana Menteri dan Dr. Koh Tsu Koon, bekas Ketua Menteri Pulau Pinang. Kalau kita ambil contoh di Pulau Pinang dan ada satu laporan di *The Star* 29 Oktober 2000, sebagai satu rujukan.

Jadi, soalnya ialah berapa banyak sumbangan kewangan kepada agensi-agensi yang ditentukan oleh Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera telah dikutip sejak tahun 1990-an itu? Ke manakah duit sumbangan itu telah pergi? Kita tiada maklumat, namun persoalannya tidak dapat diketepikan. Bolehkah kerajaan ini janji yang butir-butir lengkap mengenai

sumbangan ehsan daripada si pemaju itu dapat dipampangkan di internet dan media massa yang telus? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.44 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih. Kerajaan telah melaksanakan dasar peruntukan kuota bumiputera bagi projek-projek perumahan dan komersial untuk dilaksanakan oleh semua kerajaan negeri di seluruh negara.

Dasar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pegangan bumiputera dalam bidang harta tanah. Di negeri Pulau Pinang, urusan pengadilkan kuota bumiputera telah dilaksanakan oleh Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera atau BPPB. ICU, Jabatan Perdana Menteri sebagai urus setia, Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP) sejak tahun 1984 sehingga 14 Mei 2008. Selepas tarikh tersebut, urusan kawalan kuota bumiputera telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi pemaju yang menjual sepenuhnya unit-unit perumahan dan komersial di bawah kuota bumiputera, surat pelepasan kuota bumiputera akan dikeluarkan terus oleh BPPB kepada pemaju sebagai salah satu syarat permohonan sijil layak menduduki. Mulai Januari 1994 sehingga 14 Mei 2008, urusan pelepasan kuota dikendalikan oleh Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera (JKPKB) yang dipengerusikan oleh Exco Perumahan Negeri. Penubuhan jawatankuasa ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang.

Pemaju akan dikenakan bayaran sumbangan tidak lebih 5% daripada harga jualan bagi unit-unit kuota bumiputera yang telah dijual. Sumbangan ini dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang.

Bayaran sumbangan ke dalam Akaun Amanah ini telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui keputusan MMK bertarikh 27 September 1995. Akaun Amanah ini telah ditubuhkan berdasarkan kepada kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia pada 12 Ogos 2002. Akaun ini dikendalikan melalui Arahan Amanah Transit yang diwujudkan di bawah seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Wang sumbangan daripada pemaju perumahan yang tidak dapat menjual unit-unit rumah atau ruang komersial yang dikhaskan kepada bumiputera dikreditkan ke dalam akaun tersebut.

Sehingga 31 Mei 2008, jumlah kutipan yang dikreditkan ke dalam Akaun Amanah adalah sebanyak RM60 juta dan sebahagiannya telah diperuntukkan untuk beberapa projek selaras dengan arahan amanah berkenaan. Menurut arahan amanah berkenaan, wang dalam akaun ini hendaklah digunakan bagi tujuan berikut:

- (i) membelanjakan bagi tujuan Promosi Jualan Unit-unit Rumah atau Ruang Komersial yang dikhaskan kepada bumiputera;

- (ii) membeli unit-unit rumah atau ruang komersial kuota bumiputera yang tidak dibeli oleh bumiputera;
- (iii) membeli tanah-tanah yang sesuai untuk perumahan bumiputera;
- (iv) membuat pelaburan dan simpanan tetap yang diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia;
- (v) membuat pembayaran bagi tujuan perbelanjaan pengurusan, meliputi bayaran insurans, cukai pintu, cukai tanah, caj perkhidmatan yuran agen perunding dan lain-lain bagi modal aset di bawah inventori Akaun Amanah; dan
- (vi) membangun atau membina projek-projek perumahan yang sederhana dan ruang komersial untuk bumiputera.

Sumbangan kepada Akaun Amanah amat wajar berdasarkan kepada justifikasi-justifikasi berikut:

- (i) bayaran sumbangan daripada nilai 5% diskaun kepada pembelian bumiputera yang tidak terjual dapat digunakan untuk kepentingan masyarakat bumiputera melalui kegunaan seperti yang telah ditetapkan dalam arahan amanah;
- (ii) penubuhan Akaun Amanah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kutipan akan diteruskan mulai 14 Mei 2008 selepas kerajaan negeri mengambil alih kawalan kuota bumiputera ke dalam tabung yang diwujudkan oleh kerajaan negeri;
- (iii) penubuhan Akaun Amanah ini telah mendapat kelulusan Perbendaharaan dengan disertakan dengan arahan amanah yang lengkap seperti Akaun Amanah yang lain;
- (iv) setiap tahun Akaun Amanah ini akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan menjadi tanggungjawab BPPB untuk mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Perbendaharaan untuk disemakkan seperti yang ditetapkan dalam arahan amanah;
- (v) pemaju tidak mengalami kerugian kerana pembayaran sumbangan ini sebenarnya yang akan dipotong sebagai diskaun jika bumiputera membeli unit-unit perumahan dan komersial. Sebaliknya pemaju tidak perlu membayar sumbangan jika unit-unit di bawah kuota bumiputera dijual sepenuhnya kepada pembeli bumiputera;
- (vi) Yang Berbahagia Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa menjadi Pengerusi JPKP pada tahun 1988 sehingga 1998 juga telah merestui kutipan wang sumbangan Akaun Amanah ini untuk kepentingan bumiputera Pulau Pinang.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi, pada hari Rabu 25 Jun 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.51ptg.